

Amanah

UNTUK AHLI SAHAJA

"PROMOSI HARI MALAYSIA"
LANGGAN AKHBAR AMANAH PERCUMA T-SHIRT
 untuk urusan langganan
 011 3233 4322

Johor sedang alami gelombang senyap Melayu
 → ms2


Najib jumpa Trump: Campurtangan asing paling tinggi
 → ms8

Uruskan pelarian Rohingya dengan berkesan
 → ms9

NAJIB TERSASAR: TUN M BERSIH ISU FOREX

TUN Dr Mahathir Mohamad tidak pernah diberitahu tentang urusan perdagangan mata wang asing (forex) oleh Bank Negara Malaysia, kata bekas menteri kewangan kedua, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop dalam sidang Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) mengenainya 6 September lepas.

Laporan penuh →
muka 2



Jus Arif

HANYA : RM 38 / 280ml
UNTUK TEMPAHAN :
 019-6239858 (HJ BAHAR)

KHASIAT :

1. Membantu mengatasi masalah kesihatan
2. Membantu meningkatkan IQ pelajar
3. Membantu meningkatkan tenaga
4. Membantu meningkatkan kecergasan
5. Menarik minat anak-anak untuk belajar

RAMUAN :
 Gabungan 8 makanan sunnah ~ kismis, kurma ajwah, kurma madu, madu, buah tin, buah zaitun, za'faran & habbatus sauda

[f](#) [i](#) Jus Arif

Johor sedang alami 'gelombang senyap Melayu'

MEMAHAMI Johor adalah kubu Umno sejak sekian lama, namun bahasa tubuh orang Johor sejak kebelakangan ini membayangkan 'gelombang senyap Melayu' sedang bergerak di negeri itu sekarang, kata Salahudin Ayub.

"Saya dapat melihat bahasa tubuh mereka, bagaimana mereka mendekati kami pada masa kini, (ia) lebih mesra.

"Berdasarkan pengalaman saya dalam politik, saya dapat merasakan tanda-tanda perubahan kali ini," kata timbalan presiden AMANAH yang juga penasihat AMANAH Johor itu dalam satu temubual dengan Malaysiakini.

Dalam pilihan raya umum lepas, daripada 56 kerusi DUN, BN telah menang 38 sementara gabungan Pakatan Rakyat ketika itu hanya berjaya memenangi 18 kerusi.

Salahuddin mengaitkan perubahan itu dengan konsep "hanya berlian boleh memotong berlian" dengan memetik pengerusi Pakatan Harapan Tun Dr Mahathir Mohamad serta presiden Bersatu, Tan Sri Muhyiddin



Salahuddin bersama anak-anak Johor yang menuntut hak mereka.

Yassin yang masih mempunyai pengaruh besar di negeri itu.

Dengan wujudnya Pakatan Harapan, katanya, ditambah pula dengan perpecahan dalam Umno, ia memudahkan pihaknya untuk

meyakinkan orang Melayu mengenai isu-isu penting, seperti 1MDB dan cukai barangan dan perkhidmatan (GST).

"Tetapi saya bersetuju dengan (Naib Presiden PKR) Rafizi Ramli bahawa isu

1MDB tidak begitu berkesan di kawasan luar bandar, kerana mereka lebih prihatin terhadap GST, (mereka) terasa kos sara hidup telah meningkat," katanya.

SOKONGAN UNTUK HARAPAN

Salahuddin, yang telah menumpukan perhatiannya di Johor sejak setahun yang lalu, yakin sokongan yang akan diperolehi HARAPAN dalam pilihan raya umum akan datang.

"Saya yakin kita boleh dapat lebih daripada 50 peratus sokongan kerana kita tidak memerlukan majoriti besar. Untuk menang di Johor, sudah cukup bagi kita untuk mendapat majoriti mudah untuk perubahan di negeri itu," katanya.

Tidak seperti pada masa lalu, HARAPAN kini dapat menembusi kampung-kampung tradisional dan kawasan Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (Felda) - kawasan yang dianggap sebagai kubu terakhir untuk BN, dakwa Salahuddin.

Dengan memetik Tanjung Piai, tempat pemimpin AMANAH itu dilahirkan, Salahuddin menyifatkan bagaimana setiap rumah di kawasan tersebut pernah mewakili kekuatan Umno seluruh negara.

"Dalam pilihan raya umum yang lalu, saya boleh buat kiraan, bagi setiap rumah di mana terdapat lima atau enam pengundi, dulu memang tahu tak dapat undi (mereka).

"Sekarang ni, daripada tujuh atau lapan pengundi dalam sesebuah rumah, saya yakin boleh dapat sokongan empat atau lima orang," katanya kepada Malaysiakini.

Ada yang menganggapnya macam "tsunami Melayu", tetapi Salahuddin lebih suka memanggilnya "gelombang senyap Melayu".

"Orang Melayu Johor adalah berbudaya, mereka tak tunjuk penentangan mereka, sangat sopan," katanya.

Bagaimanapun, katanya, apabila hari-hari bergaul dengan mereka, dapat dirasai penerimaan dan bahasa tubuh mereka itu.

Tun M tidak diberitahu isu Forex

TUN Dr Mahathir Mohamad tidak pernah diberitahu mengenai urus niaga perdagangan mata wang asing Bank Negara Malaysia (BNM) apabila ia mengalami kerugian besar, kata bekas menteri kewangan kedua, Datuk Nor Mohamed Yakkop.

"Saya pada bila-bila masa, dari tahun 1986 hingga 1993, tidak berbincang dengan perdana menteri Malaysia (Dr Mahathir) mengenai urus niaga forex oleh BNM," katanya dalam kenyataan 42 halamannya 6 September lepas.

Nor Mohamed, 70, juga memberitahu panel Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) yang Datuk Seri Anwar Ibrahim, yang merupakan menteri kewangan dari tahun 1991 hingga 1998, juga tidak dimaklumkan mengenai perkara itu.

Nor Mohamed berkata beliau ditugaskan melaksanakan dasar pengurusan rizab luar seperti ditentukan oleh lembaga bank pusat dan melaporkannya kepada gabenor BNM Jaffar Hussein dan Jawatankuasa Rizab Luar (ERC) mengenai urusan forex bank.

Antara yang menganggotai ERC ialah gabenor, timbalan gabenor dan penasihat. Terdapat juga mesyuarat pegawai kanan mingguan, yang kadangkala membincangkan mengenai hal rizab luar negara.

"Saya tidak melaporkan sama ada kepada menteri kewangan atau perdana menteri mengenai sebarang isu pengurusan rizab luar, kerana itu bukan garis termasuk dalam aturan laporan saya," katanya, sambil menambah beliau tidak terlibat dalam menentukan tindakan perakaunan bagi kerugian itu.

Ditanya mengapa beliau membenarkan urus niaga spekulasi itu, Nor Mohamed menjawab, "Kerana itu adalah kerja saya. Mengapa? Untuk

negara saya.

"Kita perlu belajar daripada kesilapan. Bank Negara belajar daripada kesilapan saya."

Nor Mohamed berkata bank pusat itu melakukan kesilapan dalam pasaran dalam tempoh itu.

"(Saya) akui kami tersilap menafsir pasaran. Selaku kakitangan bank pusat, kami percaya yang Bank of England akan menang bila berlawan (spekulasi) dengan Soros. Kami percaya yang rakan sekerja bank pusat di sana dan membeli pound sterling.

"Malangnya, Bank of England kalah. Begitu juga, maklumat yang kami ada ketika itu percaya Treati Masstricht akan diratifikasikan di Denmark pada 1992, tetapi malangnya ia ditolak.

"Kami belajar daripada pengalaman pahit daripada kejadian ini. Pengajaran ini terbukti penting dalam membantu kita merangka dasar untuk mempertahankan negara kita menentang serangan mata wang pada Krisis Kewangan Asia 1997/98, menyelamatkan berbilion duit negara yang boleh hilang (jika langkah itu tidak diambil).

"Kerugian forex berlaku. Tiada siapa boleh nafikan. Tidak boleh dinafikan juga tanggungjawab saya terhadap kerugian forex.

"Saya merasa bertanggungjawab atas kerugian forex itu dan meletakkan jawatan daripada Bank Negara Malaysia. Ketika itu, pada saya adalah penamat yang menyedihkan selepas 25 tahun berkhidmat untuk negara, melalui Bank Negara Malaysia," katanya.

Peguam Dr Mahathir, Mohamed Haniff Kathri Abdulla kemudian meminta Nor Mohamed untuk mengesahkan yang bekas perdana menteri itu tidak dimaklumkan tentang urus niaga forex.

"Ya, ya, ya, saya setuju dengan itu. Saya sahkan," kata Nor Mohamed.

Rakyat China ketua Proton

RAKYAT China dikatakan bakal mengetuai Proton selepas syarikat pengeluar kereta terbesar di China, Zhejiang Geely Holdings Group Co Ltd (Geely) pada Mei lalu membeli 49.9 peratus saham pengeluar kereta nasional Malaysia itu.

Tokoh automotif China, Li Chunrong secara rasmi telah menyertai kumpulan pengurusan kanan Geely serta menduduki jawatan Ketua Eksekutif Proton, lapor Berita Harian hari ini memetik pendedahan portal China, Automotif Review.

Chunrong sebelum ini menyertai Dongfeng Automobile pada 1987 dan dilantik sebagai Pengarah dan Timbalan Pengurus Besar Eksekutif Dongfeng-Honda Engine Co Ltd pada Julai lalu.


Dalam perkembangan berkaitan, kerajaan tidak campur tangan dalam soal pelantikan individu untuk menerajui Proton seperti diakui Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mustapa Mohamed pada awal Ogos lalu.

Menurutnya, Perusahaan Otomobil Nasional Berhad (Proton) kekal berstatus syarikat Malaysia walaupun melantik warga asing untuk memimpin syarikat tersebut.

Sementara itu, Menteri Kewangan II, Datuk Seri Johari Abdul Ghani dilapor Utusan Malaysia pada Mei lalu bahawa kerajaan tidak mempunyai kepentingan dalam perjanjian dengan Geely kerana melibatkan urus niaga antara syarikat swasta.

Langkah penjualan Proton itu ekoran kerugian besar yang dialami sejak beberapa tahun lalu sehingga memaksa Proton meminjam daripada kerajaan RM1.5 bilion bagi membolehkan pembayaran dibuat kepada vendor dan pembekal yang telah tertunggak selama lapan bulan.

Pada 2015 misalnya, Proton dicatat mengalami kerugian menghampiri RM650 juta manakala hampir RM150 juta pada tahun berikutnya dengan pada masa ini hanya mampu menjual kira-kira 5,000 unit sebulan.



KPN baharu digesa siasat 1MDB

KUALA LUMPUR: Pemuda AMANAH Nasional berharap Ketua Polis Negara (IGP) yang baharu dilantik dapat meneruskan siasatan skandal mega 1Malaysia Development Berhad (1MDB) termasuk pembabitkan individu dikenali sebagai Malaysian Official 1 (MO1).

Sambil mengucapkan tahniah di atas perantikan Datuk Seri Mohamad Fuzi Harun ke jawatan itu, Ketua Pemuda AMANAH Mohd Sany Hamzah berkata, pelantikan Mohamad Fuzi diharap dapat memberikan sinar baharu terhadap perkembangan kes 1MDB yang sebelum ini seolah 'disucikan' walaupun pelbagai pihak sama ada dalam dan luar negara mendesak siasatan secara adil dan menyeluruh dijalankan.

"Ketua Polis Negara yang merupakan jawatan kanan dalam negara ini sudah pasti mempunyai kuasa untuk mengeluarkan arahan dan kertas siasatan bagi mendakwa individu-individu yang terlibat dalam skandal 1MDB ini.

"Kami berharap agar Mohamad Fuzi bersama dengan aspirasi rakyat Malaysia yang mahukan individu dan pihak yang tidak bertanggungjawab menjerah harta negara ini didakwa seadilnya," katanya mengulas pelantikan bekas Pengarah Cawangan Khas Bukit Aman itu.

Mohamad Fuzi menggantikan Tan Sri Khalid Abu Bakar yang bersara wajib.

Sany berkata, bukti skandal melibatkan syarikat pelaburan negara itu telah didedahkan oleh banyak negara dan men-

jadi buah mulut seluruh dunia termasuk siasatan dan pendakwaan yang dilakukan Jabatan Kehakiman Amerika Syarikat (DoJ) terhadap beberapa individu.

"Pendedahan dan dakwaan yang dilakukan oleh banyak negara termasuklah Amerika Syarikat dan Singapura membuktikan skandal tersebut benar-benar wujud dan ia melibatkan Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Najib Razak.

"Adalah menjadi tugas pihak polis menyiasat secara telus biarpun yang disyaki terbabit itu adalah perdana menteri.

"Individu-individu yang terlibat dalam skandal mega ini termasuk Jho Low dan Riza Aziz masih bermaharajalela biar pun pelbagai bukti yang didedahkan secara terperinci.

"Individu-individu ini seolah-olah kebal dan tidak mampu didakwa oleh pihak berkuasa negara," katanya.

DoJ pada Julai 2016 mengumumkan langkahnya untuk menyita USD1 bilion wang dan aset berkaitan 1MDB yang didakwa digunakan dalam aktiviti pengubahan wang haram.

Selain kerajaan Amerika Syarikat, urusan niaga berhubung 1MDB juga disiasat di enam negara atas pelbagai dakwaan jenayah kewangan termasuk pengubahan wang haram.

Pada Jun 2017 pula, DoJ mendedahkan bahawa sebahagian wang yang digelapkan daripada 1MDB telah digunakan untuk membeli barang-barang kemas termasuk berlian bernilai RM120 juta untuk isteri MO1.

Jawatankuasa penyelararas parlimen PH dibentuk



Sidang media sesuai mesyuarat mingguan Majlis Sekretariat PH di Wisma Amanah Negara.

KUALA LUMPUR: Jawatankuasa penyelararas parlimen Pakatan Harapan (PH) akan ditubuhkan di 100 kawasan parlimen yang sudah menyelesaikan rundingan kerusi membabitkan empat parti gabungan itu bagi menghadapi pilihan raya umum (PRU).

Pengerusi Majlis Setiausaha PH Datuk Saifuddin Abdullah berkata, rundingan kerusi kini masuk ke fasa kedua iaitu fasa rundingan di peringkat negeri.

"Semua rundingan kerusi parlimen akan selesai hujung bulan ini. Satu jawatankuasa penyelararas parlimen PH akan ditubuhkan membabitkan 100 kawasan Parlimen.

"Ia meliputi rundingan kerusi PH yang sudah selesai dilakukan di setiap negeri," ujarnya selepas menghadiri mesyuarat mingguan Majlis Sekretariat PH di Wisma Amanah Negara, 5 September lalu.

Jelas Saifuddin lagi, PH memberikan tumpuan kepada

rundingan kerusi berdasarkan parti dan bukan calon yang bertanding serta tidak menolak kemunculan muka baru bagi menghadapi pilihan raya umum akan datang.

"Kita hendak masuk PRU sudah tentu hendak menang. Kita kena praktikal, kita sudah lihat semua faktor, kerusi yang kita tandingi ada peluang untuk kita menang," ujarnya.

PH turut mengumumkan tidak menjalinkan kerjasama dengan Pas sebaliknya akan meletakkan calon bertanding di 222 kerusi Parlimen termasuk Sabah dan Sarawak.

Beliau turut mengangap kerusi di Sabah dan Sarawak lebih unik dan mencabar berbanding di Selangor.

"Yang unik bukan di Selangor, tetapi Sabah dan Sarawak. Kerusi Selangor sama sahaja seperti negeri lain," katanya menjawab soalan media mengenai kedudukan kerusi PH di Selangor.

Projek mega Najib tidak jana pendapatan

Oleh **ARIF ATAN**

SUNGAI BESI: Kerajaan tidak dapat mengutip cukai daripada pelbagai projek mega pada era pentadbiran Datuk Seri Najib Razak yang tidak menguntungkan walaupun membabitkan perbelanjaan besar.

Naib Presiden Keadilan Rafizi Ramli berkata, projek tersebut termasuk 1Malaysia Development Berhad (1MDB) yang menelan belanja berbilion wang rakyat tetapi tidak menjana pendapatan kepada kerajaan.

"Bila tidak jana pendapatan, kerajaan tidak boleh kutip cukai maka sebab itu kerajaan kena potong peruntukan dan rakyat juga terpaksa menanggung dalam bentuk bayaran cukai-cukai yang lain.

"Cukai dikutip daripada keuntungan bukan daripada perbelanjaan. Orang berbelanja bayar GST (Cukai Barangan dan Perkhidmatan) saja tapi syarikat untuk kerajaan dapat hasil pendapatan, syarikat

itu mestilah untung baru kerajaan dapat kutip cukai.

"Kalau buat projek besar tapi tidak untung maka sudah tentu ekonomi nampak berkembang, tapi kutipan tidak bertambah malah berkurang," tegasnya pada sidang media dekat sini, baru-baru ini.

Menurut pengasas Invoce Malaysia itu, nisbah hasil cukai keseluruhan bagi Malaysia berbanding Australia telah berkurangan dalam tempoh tiga tahun berturut-turut sejak 2014.

Walaupun ekonomi Malaysia berkembang lebih konsisten berbanding Australia pada kadar pertumbuhan yang lebih tinggi antara empat hingga enam peratus di antara 2010 hingga 2016, jelasnya, pertumbuhan ekonomi yang diuar-uarkan itu sebenarnya tidak menyumbang kepada peningkatan hasil cukai negara.

"Sepatutnya jika ekonomi itu baik dia tumbuh lima hingga enam peratus maka ekonomi tumbuh, syarikat lebih banyak untung, rakyat lebih banyak

gaji maka kutipan cukai kerajaan juga keseluruhannya patut naik sama.

"Tetapi itu tidak berlaku. Nisbah cukai keseluruhan dikutip menurun setiap tahun dari 2014 hingga 2016 (16.2% kepada 15.6% ke 15.3%) walaupun Datuk Seri Najib mendabik dada ekonomi berkembang pesat.

Sehubungan itu, Rafizi berpendapat pertumbuhan ekonomi di negara ini tidak semestinya menjana pendapatan kepada negara.

"Keadaan di Australia adalah sebaliknya. Walaupun ekonomi mereka tidak berkembang sepesat Malaysia, jumlah cukai yang dikutip meningkat naik lebih baik dari kadar perkembangan ekonomi. "Ekonomi (Australia) berkembang sikit tapi cukai banyak dapat dikutip. Maka dia boleh banyak berbelanja untuk rakyat.

"Ini bermakna kerajaan Australia terus mendapat hasil cukai yang meningkat yang boleh dibelanjakan kepada rakyat," tambah Rafizi lagi.

GST dilaksana kerajaan BN kerana hutang negara

KUALA LUMPUR: Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) diperkenalkan kerajaan BN ekoran beban hutang negara yang tinggi dan meningkat saban tahun.

Ahli Parlimen Petaling Jaya Utara Tony Pua berkata, hutang yang ditanggung kerajaan Persekutuan meningkat sebanyak 114 peratus daripada RM306.4 bilion pada 2008 kepada RM655.7 bilion pada hujung 2016.

Oleh itu, jelasnya kerajaan terpaksa melaksanakan cukai regresif itu bagi menampung bebanan hutang yang ditanggung negara yang kian bertambah dari tahun ke tahun.

"Soalan seterusnya yang perlu ditanya, mengapa kerajaan Umno-BN meminjam begitu banyak wang dan ke manakah wang itu dilaburkan?"

"Jawapannya mudah - ketirisan, rasuah, dan kleptokrasi di bawah pen-

tadbiran Umno-BN yang wujud melalui skandal 1MDB yang akan menyebabkan rakyat Malaysia selaku pembayar cukai kerugian sekurang-kurangnya RM42 bilion," katanya.

Setiasuaha Publisiti DAP Kebangsaan itu juga berkata, selagi budaya ketirisan, rasuah dan kleptokrasi tidak dihapuskan, apa juga bentuk cukai yang dikenakan terhadap rakyat Malaysia tidak akan mencukupi untuk menampung perbelanjaan negara.

"Bak kata pepatah Melayu, 'besar periuk, besarlah keraknya,'" katanya memberi bidalan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak dalam sesi dialog TN50 dan sambutan Hari Wanita Kebangsaan di ibu negara baru-baru ini mendakwa Kerajaan Persekutuan tidak akan berfungsi tanpa pelaksanaan GST yang

Minda Pengarang

Tetap berpotensi cerah jika tiga penjujur

SUDAH hampir pasti, walaupun belum benar-benar pasti, bahawa pertandingan tiga penjujur akan berlaku dalam PRU14. Ini tidak dapat dielakkan, justeru masing-masing begitu ghairah untuk bertanding. Ini bermakna calon Pakatan Harapan akan berdepan dengan calon Umno-BN dan Pas.

Hingga kini Pas bertegas untuk bertanding sendirian, malah mahu meletakkan sebanyak mungkin calonnya untuk bertanding di kawasan Parlimen dan Dun diseluruh negara. Itu haknya.

Sementara Pakatan Harapan dengan komponennya - KeAdilan, DAP, AMANAH dan Bersatu- sudah tentu bersiap sedia untuk bertanding sebanyak mungkin juga. Ketua Parlimen DAP, Lim Kit Siang berpandangan Pakatan Harapan perlu berdepan dengan pertandingan tiga penjujur termasuk di Selangor dalam PRU14.

Menurut Lim, ini adalah realiti politik yang dihadapi dan inilah juga sebabnya semakin besar peluang Pakatan Harapan akan dapat mengalahkan Umno-BN walaupun dalam pertarungan tiga penjujur. Misi dan visi Pakatan Harapan ialah untuk membawa perubahan kepada Putrajaya dan Kerajaan Negeri, khususnya di Johor - untuk kali pertama dalam sejarah negara kelak.

Lim Kit Siang juga meramalkan jika terdapat 10% pengundi Melayu dan 5% pengundi bukan Melayu dari Umno-BN menyokong PH dalam PRU14 berbanding PRU13, maka kemungkinan besar PH akan mampu membentuk kedua-dua Kerajaan Persekutuan dan Negeri Johor.

Sementara itu, AMANAH perlulah membina kekuatan sekukuh-kukuhnya dengan menambah sebanyak mungkin cawangan dan ahli di seluruh negara. Ini adalah asas untuk membina kekuatannya. AMANAH Kelantan sejauh ini sudah melakukannya.

AMANAH akan mengadakan Konvensyen Nasionalnya kali kedua selama tiga hari pada 15, 16 dan 17 September ini di Alor Setar, Kedah, antara negeri yang berpotensi untuk dimenangi oleh AMANAH/PH dalam PRU14.

Pelbagai pihak menanti pesan-pesan, saranan dan sebagainya dari pihak pimpinan di atas pentas utama dan para perwakilan yang diharapkan akan memberikan cadangan untuk mengemaskini gerak kerja AMANAH untuk menghadapi PRU14 yang dianggap sebagai "ibu segala pilihan raya".

Seperti diketahui, dalam semua pilihan raya, tenaga kerja yang ramai sangat diperlukan. Bukan saja pengatur strategi, pasukan gerak gempur, perayu undi dan lain-lain kerja yang memerlukan petugas siang dan malam. Maka itu dana untuk menghadapi PRU14 ini sangat diperlukan.

Oleh itu, parti komponen dalam Pakatan Harapan perlu membawa sebanyak mungkin undi untuk memenangi PH. Bukan saja ceramah besar dan kecil, tetapi juga pelbagai cara untuk menarik pengundi. Di sinilah terletak kebijaksanaan komponen PH.

Walaupun kemungkinan besar akan beraku pertandingan tiga penjujur, seperti yang diramalkan, tetapi tentu saja PH boleh mengahapnya jika jenteranya kuat, tersusun, berstrategi, dana yang diperlukan dan sokongan rakyat.

Maka itu, inilah masanya, seluruh pemikiran, tenaga, segala kepakaran yang ada dalam komponen PH untuk digembleng bagi menghadapi PRU14. Pelbagai isu yang ada kelihatan memihak kepada pembangkang dengan kegawatan ekonomi dan pelbagai lagi. Namun jangan bergantung kepada isu semata-mata, tetapi juga gerak kerja yang mantap.

Keikhlasan dan pengorbanan

Percikan dan titisan peluh yang tumpah mengalir itu, satu perjuangan kerdil daripada kami.

Percikan dan titisan darah dari binatang ternakan itu, boleh kami cuci kembali.

Percikan lecah, lumpur dan kotoran ketika kami menumbangkan binatang ternakan (dengan kasih sayang) itu satu pengorbanan tidak seberapa daripada kami.

Yang penting kami dari Parti Amanah Negara akan mendidik ahli-ahli kamimemahami erti perjuangan dan pengorbanan, demi kepentingan orang awam; si miskin mahupun si kaya dari kalangan mereka.

Kami perlu menggembirakan diri kami, orang miskin, orang susah, serta saudara mara dan sahabat handai dengan daging terbaik daripada korban ini.

Kami cuba cari binatang ternakan terbaik kerana itu syarat penyempurnaan korban.

Kami akan terus cari yang terbaik tetapi dengan penuh keinsafan kami sedar firman Allah SWT, yang bermaksud: "Daging dan darah binatang korban atau hadiah itu tidak sekali-kali akan sampai kepada Allah, tetapi yang sampai kepadanya ialah amal yang ikhlas yang berdasarkan taqwa dari kamu. Demikianlah ia memudahkan binatang-binatang itu bagi kamu supaya kamu membesarkan Allah kerana mendapat nikmat petunjukNya. Dan sampaikanlah berita gembira (dengan balasan yang sebaik-baiknya) kepada orang-orang yang berusaha supaya baik amalnya." (al-Haj 37)

Gembira dan bersyukur dapat melatih dua orang yang belum pernah menyembelih binatang ternakan, sehingga mereka berjaya



Pencerahan Mingguan **TANWEER USBU'II**

USTAZ HASANUDDIN MOHD YUNUS
Naib Presiden AMANAH

menyembelih dengan sempurna di Jalan Sg Gabai, Kg Sg Lui dalam Parlimen Hulu Langat.

Gembira dan bersyukur kepada Allah dengan kerjasama penduduk di sana, mereka membuat suasana sangat meriah.

Gembira dan bersyukur kepada Allah dapat mengagihkan daging kepada peserta korban, fakir miskin dan sahabat handai, kaum keluarga serta kenalan.

Kami percaya mereka akan berkorban bersama kami untuk lakukan perubahan, demi menukar kerajaan Umno-BN yang semakin tidak peduli kepayahan hidup rakyat.

Mereka juga akan menolak sesiapa yang bersekutu dengan Umno, apatah lagi mendiamkan diri ketika berlaku rasuah, pembaziran dan kitarisan pengurusan negara.

Ayuh! Terus berkorban walaupun musim ibadah korban telah berakhir untuk tahun ini.

JANGAN JADI WAKIL RAKYAT, MENTERI TERUNG!

Diriwayatkan bahawa Raja Bashir al-

Syihabi berkata kepada khadamnya pada suatu hari: "Aku terasa sangat nak makan terung."

Lalu si khadam pun menjelaskan: "Terung ... semoga Allah memberkati terung. Ia adalah ibu segala makanan, ibarat daging tanpa lemak, ikan tanpa tulang, boleh dimakan secara goreng, dimakan secara panggang, diperap, dijeruk dengan cuka atau dimakan secara kukus."

Berkata si raja: "Tetapi aku makan beberapa hari lepas, kenapa perut aku sakit?"

Jawab si khadam: "Oh terung? Laknat Allah ke atas terung! Sesungguhnya ia adalah makanan berat, kasar, menyebabkan angin dan menggelapkan muka wahi tuanku!"

"Celakalah engkau! Engkau memuji dan mencaci sesuatu perkara dalam satu masa!" bentak sang raja.

Khadam pun terus mengampu: "Wahai tuanku, patik adalah khadam kepada raja, bukan khadam kepada terung. Apabila raja berkata ya, patik pun berkata ya. Apabila raja berkata tidak, patik pun mesti berkata tidak!"

Jangan ada ulamak yang sanggup jadi ulamak terung pula.



Pemuda AMANAH Nasional mengutuk sekeras-kerasnya tindakan zalim dan tidak bertamadun kerajaan Myanmar ke atas etnik Rohingya. Etnik yang beragama Islam itu ketika ini sedang diseksa, dirogol hatta dibunuh oleh junta tentera negara itu tanpa rasa bersalah.

Bagi kami, dunia termasuklah kerajaan Malaysia perlu terus konsisten mengutuk tindakan zalim itu. Dalam masa yang sama, kuasa yang ada pada kerajaan perlu digunakan bagi menzahirkan sikap Malaysia yang menolak apa jua bentuk kezaliman dan ketidakadilan lebih-lebih lagi Myanmar terletak tidak jauh daripada negara ini.

MOHD SANY HAMZAN
Ketua Pemuda AMANAH Nasional



Retorik, realiti dan idealisme

RETORIK Umno, Ketuanan Melayu mesti dibela. Retorik Pas, Islam mesti dipertahankan. Melayu dan Islam tergugat seandainya Umno dan Pas ditumbangkan. Bumi dipijak milik orang. Dengan kata lain, bukan Melayu dan bukan Muslim akan berkuasa dan meminggirkan Melayu-Muslim.

Realitinya, sebahagian Muslim-Melayu termakan dengan retorik sedemikian. Bilangannya boleh jadi majoriti, 50-50, atau minoriti. Selagi kekusaran ini membelenggu masyarakat Muslim-Melayu, maka kita gagal mengorak langkah untuk perubahan.

Idealnya, retorik dengan perkauman dan agama sempit hanya omong-omong kosong. Melayu padahal tidak memiliki kedudukan istimewa, cuma Melayu istimewa yang ada kedudukan dalam negara ini. Islam bukan sekadar bentuk, tetapi nilai. Ringkasnya, nilai kemanusiaan yang harus dimartabatkan untuk rahmat semua.

Hakikatnya kita tersepit antara retorik, realiti dan idealisme. Untuk mencapai idealisme, kita perlu mengolah persetujuan massa dalam dunia realiti. Jikalau idealisme kita terlalu terkecepan

sehingga gagal diterima oleh massa yang masih dihantui retorik lama, maka kita gagal mencapai perubahan yang dimahukan. Namun seandainya kita mengadunkan hujah kita untuk memenuhi citarasa massa, kita akan mengulangi retorik lama Umno dan Pas. Belumpun idealisme kita tercapai, kita telah mengalah kepada retorik lama.

Contohnya, idealisme kita untuk mengangkat pemimpin yang berintegriti dan berkemampuan untuk mentadbir tanpa mengira kaum dan agama. Seorang bukan Muslim yang jujur dan berkebolehan, lebih layak untuk diangkat sebagai pemimpin, daripada seorang Muslim yang rasuah dan tidak berkebolehan. Namun, disebabkan kita bimbang idea ini terlalu kedepan sehingga gagal diterima massa, maka kita cuba meyakinkan massa bahawa pemimpin yang kita angkat juga adalah Muslim-Melayu yang akan membela kepentingan Melayu.

Saya bersetuju bahawa isu pokok yang harus ditangani segera adalah rombakan institusi dan sistem negara, agar tiang kuasa boleh disemak-imbang, supaya rasuah dan penyalahgunaan kuasa untuk menutup pendedahan rasuah dikurangkan, kalau gagal



Siang-Malam
Lim Hong Siang

dihentikan. Tetapi reformasi sistem ini memerlukan sokongan massa, yang malangnya menambat langkah untuk perubahan kerana takut perubahan ini menggadai kepentingan dan kedudukan Melayu-Muslim.

Inilah malapetaka yang menimpa Malaysia, ketika kita menyambut kemerdekaan ke-60. Kegagalan kita untuk merungkaikan isu kaum dan agama, menggagalkan perjuangan kita dalam agenda menuntut demokrasi dan reformasi sistem negara.

Kita terus berpura-pura, atau munafik. Kita berteriak hingga suara serak di gerai mamak untuk pemain Malaysia yang beraksi di gelanggang sukan, malah berkongsi degupan jantung dan denyutan nadi pada kadar yang sama. Semua rakyat Malaysia seia sekata pada detik-saat itu,

walaupun berbeza-beza warna kulit. Cuma selepas tirai perlawanan sukan melabuh, kita kembali ke hidup harian masing-masing, dengan label "bumiputera" dan "bukan bumiputera".

Cuba bayangkan, seandainya satu pasukan bola sepak menjuarai perlawanan, tetapi hadiah yang dianugerahkan kepada setiap pemain berbeza-beza, apakah yang akan terjadi? Apakah pemain yang mendapat hadiah paling kurang itu akan mencurahkan segala keringatnya untuk perlawanan seterusnya? Seandainya sumbangannya yang setara dengan pemain lain tidak dibalas dengan layanan yang setara, sudah tentu ia melunturkan semangatnya. Jikalau sentimen ini wujud dalam satu pasukan, apakah pasukan ini akan menang dalam perlawanan akan datang?

Ketidakjujuran dalam diri kita untuk berdepan dengan isu kaum-agama punca ia gagal diselesaikan. Kita bermegah dengan kepelbagaian yang wujud, tetapi pada masa yang sama, kita khuatir kedudukan kita tergugat lantaran kepelbagaian yang wujud - tanpa kita sedar bahawa kekuatan kita sebenarnya terbina atas kesediaan kita meraih kepelbagaian.

Akhirnya kegagalan ini menam-

bat langkah kita untuk memperbetulkan apa yang salah, bukan sahaja Perdana Menteri secara individu atau regu campuran bersama isterinya, tetapi juga sistem negara yang serba tidak kena. Kita ada pilihan raya, tetapi kerajaan yang berkuasa tidak meraih sokongan majoriti. Kita ada sistem kehakiman, ada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah, ada polis, ada parlimen, ada kabinet, tetapi MO1 terus bermaharajalela. Semua usaha untuk mereformasikan negara, tergendala hanya kerana kita dihantui retorik kaum dan agama.

Malah, untuk mengolah restu massa dalam realiti, sesetengah di kalangan kita terpaksa mengetepikan idealisme, kerana kita faham seandainya masalah yang terpampang di depan mata tidak diselesaikan, kita gagal pergi lebih jauh. Namun akibatnya, kita menjadi satu masyarakat yang hanya mampu memikirkan penyelesaian jangka pendek, tanpa kita memandang ke arah yang lebih jauh. Kita tidak hilang di dunia ini, tetapi nampaknya kita tidak tahu ke arah mana kita tuju selepas ini.

Dan inilah malapetaka yang menimpa Malaysia selepas 60 tahun merdeka!

Selepas 2 tahun AMANAH berdepan lautan politik bergelora

Kini AMANAH sudah berumur dua tahun. Akan menyambut ulangtahunnya dengan mengadakan Konvensyen Nasional pada 15,16 dan 17 September di Alor Setar.

Sementara konvensyen peringkat negeri Selangor pula pada 10 September ini.

Di sini saya merakamkan kembali sajak yang saya tulis setahun lalu:

*Engkau tidak dibelai
Sebagai anak manja
Tapi dibawa mengharungi
Lautan politik nan bergelora
Dengan ribut taufan
Dan batu karang di dasarnya.*

*Engkau menebarkan harum
Wangi warna oren
Ke serata tanah air
Menawarkan khidmat bakti
Peduli rakyat
Tanpa batas kaum dan agama*

*Engkau berada di jalur tengah
Politik nasional
Dengan segala kelainan
Toleransi dan terbuka
Tetapi uniknya
Engkau tetap berada di orbit Islam.*

*AMANAH jangan bimbang
Dengan gelombang besar
Dan batu karang di lautan biru itu
Justeru engkau dibina
Dengan keyakinan dan hasrat murni
Pasrah kepada Illahi.*

*Belayarlah dengan tabah dan yakin
Kerana ia sebuah perjuangan
Sumber mata air kejayaan
Rakyat prihatin bersamamu
Untuk membawa perubahan
Kepada tanah air tercinta ini*

AMANAH kelihatan "walking tall" di tengah gegak gempita politik, simpang siur pemikiran pelbagai pihak, di tengah resah gelisah rakyat yang merasakan sangat tertekan dengan beban hidup oleh harga barang yang terus naik, cengkaman GST, hutang negara, ringgit yang rendah nilainya, pengangguran belia dan graduan yang terus meningkat, daya beli rakyat merosot jauh.

Dalam masa yang sama kegiatan rasuah bersekala besar, penyelewengan, salah guna kuasa, pembaziran dan pelbagai lagi sangat membimbangkan. Kini rakyat memikirkan survival untuk hidup, mimpi ngeri dan segalanya. Di sinilah kiranya AMANAH

perlu mengambil peranan penting menangani masalah ini.

Khabarnya PRU14 akan diadakan tidak lama lagi. Maka AMANAH sebagai pendukung setia Pakatan


Harapan tentulah sedang melakukan segala persiapan untuk membantukan kemenangan para calon Pakatan Harapan.

Kita sedang menunggu untuk mendengar pesan-pesan pimpinan dalam Konvensyen Nasional AMANAH di Kedah itu, sebuah negeri yang dilihat perkembangan AMANAH berkembang subur.

Sejauh ini, AMANAH sedang membina integritinya, justeru sebuah parti politik yang mahu bertahan dan terus dihormati, ialah parti politik yang terus membina integritinya.

AMANAH kelihatan sudah diterima bukan saja oleh golongan prihatin, masyarakat bandar tetapi juga nasyarakat luar bandar. Hingga jauh di pedalaman AMANAH sudah menebarkan warna orennya di mana-mana. Bukan saja melalui sayap pemuda, Arif, tapi juga sayap wanitanya, AWAN dan puteri-puteri yang turut memberikan sumbangan.

Dalam masa dua tahun ini, prestasi AMA-



NAH begitu cemerlang. Ia bukan lagi parti pinggir, menumpang teduh di cucur atap rumah orang. Tetapi ia berada di tengah rumah.

Dahulu, ada pihak yang sangat sinis melihat AMANAH, sebagai parti serpihan yang tidak akan panjang umurnya, sebuah parti kecil yang tidak ada pengaruh dan pendukung yang ramai, serta pelbagai penghinaan lagi.

Tetapi sudah dua tahun umur AMANAH dan terus gagah serta dihormati. Maka itu untuk memperkukuh lagi AMANAH, maka AMANAH sangat perlu membanyakkan lagi cawangannya, menambah ahi seramai mungkin.

Semua kekuatan ini perlu ada justeru semuanya ini akan menjadi penggerak utama AMANAH dalam menghadapi PRU14. Kita yakin, pesan utama pemimpin dan perwakilan yang akan berucap di konvensyen tersebut ialah memfokuskan mengenai penambahan ahli dan cawangan.

Konvensyen yang sangat penting ini sedang diperhaikan oleh pelbagai pihak. Bagaimana ia sebuah parti yang muda dari segi umur, tetapi sudah bersedia menghadapi pelbagai cabaran.

Shahrir akui saingan getir di Johor

KUALA LUMPUR: Tan Sri Shahrir Abdul Samad mengakui pelantikan Tan Sri Muhyiddin Yassin sebagai pengerusi Pakatan Harapan (PH) Johor akan memberi kesan kepada BN khususnya di kawasan Parlimen Pagoh.

Ini kerana, kata ketua Umno bahagian Johor Bahru itu, Muhyiddin ialah ahli Parlimen Pagoh selama 7 penggal.

Muhyiddin memenangi kerusi Parlimen Pagoh sejak pilihan raya umum 1978, kecuali pada PRU 1986 dan 1990 kerana beliau bertanding di kerusi Dewan Undangan Negeri (Dun) Bukit Serampang.

"Pada saya kesannya mungkin di Pagoh. Kawasan dia sendiri.



"Itu persaingan sengitlah," katanya kepada FMT selepas Program Amanah Warisan Taman Tugu, 4 September lalu.

PH mengumumkan Muhyiddin yang juga presiden PPBM mengetuai jentera PH di Johor, Timbalan Presiden

“ Muhyiddin memenangi kerusi Parlimen Pagoh sejak pilihan raya umum 1978, kecuali pada PRU 1986 dan 1990 kerana beliau bertanding di kerusi Dewan Undangan Negeri (Dun) Bukit Serampang. ”

PPBM, Datuk Seri Mukhriz Mahathir akan mengetuai jentera PH di Kedah dan Penasihat AMANAH Kelantan, Datuk Husam Musa di negeri itu.

Timbalan Presiden Keadilan Datuk Seri Azmin Ali pula dilantik sebagai pengerusi PH Selangor dan Setiausaha Agung DAP Lim Guan Eng selaku pengerusi PH Pulau Pinang.

Pengerusi DAP negeri Chong Chieng Jen menerajui gabungan pembangkang itu di Sarawak, Pengerusi PKR negeri Christina Liew

di Sabah, Ketua PPBM negeri Ahmad Faizal Azumu di Perak dan Pengerusi Amanah negeri Adly Zahari di Melaka.

Mengulas lanjut, Shahrir berkata, BN dan Umno masih mempunyai kekuatan di Pagoh walaupun Muhyiddin ialah orang kuat di kawasan Parlimen itu.

Katanya, BN perlu berusaha keras dari segi pendekatannya untuk melawan Muhyiddin pada PRU akan datang di kerusi itu.

Menteri intergriti BN sanggah SPRM

KUALA LUMPUR: Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Paul Low menolak kenyataan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) berhubung pemberian 'duit tambang' atau elaun perjalanan kepada pengundi untuk balik mengundi adalah satu bentuk rasuah.

Ini kerana katanya, pengundi tidak wajib menyokong parti atau individu yang menaja perjalanan mereka, melainkan ada bukti menunjukkan pengundi itu diberikan wang dengan syarat untuk mengundi calon tertentu.

"Adakah itu mempengaruhi seseorang mengundi anda? Saya tak

fikir begitu.

"Jadi kecuali orang itu beritahu pengundi 'saya beri anda wang dengan syarat anda undi saya', maka pemberian dana itu tidak boleh dianggap tindakan merasuah," katanya yang bertanggungjawab terhadap tadbir urus, integriti dan hak asasi manusia.

Beliau berkata demikian di luar Persidangan Serantau mengenai Demokrasi di Asia Tenggara, anjuran Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (Suhakam) dan Yayasan Kofi Annan, semalam, lapor FMT.

Low yang pernah mengetuai

Transparency International-Malaysia mengulas kenyataan Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Operasi) SPRM, Datuk Azam Baki yang dipetik Sin Chew Daily berkata, penawaran sebarang bentuk dorongan, tidak kira wang tunai atau hadiah, dianggap rasuah.

Tetapi, katanya, ia bukan satu bentuk rasuah jika ahli politik memberi bantuan kepada golongan miskin.

"Contohnya, jika pemimpin politik tertentu mengagihkan beras atau bantuan kepada orang miskin di kawasannya, ini tidak dianggap rasuah," katanya.

Ketua Ulamak Pas nafi dakwa tajaan haji 1MDB haram

KUALA LUMPUR: Ketua Dewan Ulamak Pas Pusat Dr Mahfodz Mohamed menafikan mengeluarkan kenyataan tajaan haji 1MDB sebagai rasuah dan haram.

Dalam satu kenyataan ringkas yang disiarkan laman rasmi parti itu, Ketua Penerangan Dewan Ulamak Pas Pusat Mohd Asri Mat Daud berkata, Dr Mahfodz menafikan membuat kenyataan itu dan beliau tidak pernah berada di tempat ibadah korban di Johor seperti dilaporkan.

Berita yang ditularkan di media sosial baru-baru ini mendakwa Dewan Ulamak Pas bersetakat memutuskan bahawa status haji yang dibiayai Yayasan 1MDB sebagai rasuah dalam beribadah dan tidak mendapat haji yang mabrur.

Ia memetik kenyataan Dr Mahfodz ketika menghadiri program korban di Johor kononnya tindakan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak itu berunsur rasuah yang juga haram di sisi Islam.

"Duit yang dicuri masih duit haram. Ia tidak boleh dihalalkan dengan menggunakannya untuk ibadah.

"Tentu diketahui bahawa dengan pembiayaan imam-imam kariah dan ketua kampung untuk menunaikan ibadah haji dengan menggunakan wang haram dan curi daripada 1MDB.

"Kita semua maklum bahawa jika kita termakan makanan yang haram bagi orang Islam maka kita tidak bersalah. Tetapi jika kita tahu makanan yang dihidang itu haram kita makan juga, maka perbuatan kita itu salah disisi agama," Dr

Mahfodz didakwa sebagai berkata.

Berita yang sama juga mendakwa kononnya Ahli Parlimen Pasir Mas Nik Abdul Nik Abdul Aziz berpendapat duit 1MDB yang digunakan untuk pembiayaan haji tidak akan menjadi halal walaupun telah menghantar imam-imam kariah dan ketua kampung ke Makkah.

"Tersebar di laman sosial satu kenyataan yang menyebut nama Datuk Dr Mahfodz Mohamed, Ketua Dewan Ulamak Pas Pusat berkenaan tajaan haji oleh 1MDB.

"Ketua DUPP (Dewan Ulamak Pas Pusat) menegaskan bahawa kenyataan tersebut tidak dilakukan oleh beliau dan beliau sendiri tidak pernah berada di tempat ibadah korban di Johor yang dikaitkan itu," kenyataan rasmi Dewan Ulamak Pas Pusat itu dipetik.

Anwar hanya beri garis panduan bukan restu

KUALA LUMPUR: Penasihat umum Keadilan Datuk Seri Anwar Ibrahim hanya memberi garis panduan berhubung rundingan antara Keadilan dan Pas dan bukannya merestui usaha itu sehingga menjejaskan kepentingan Pakatan Harapan (PH).

Malah Naib Presiden Keadilan Rafizi Ramli menjelaskan, dalam isu rundingan kerusi dengan Pas, Anwar yang menjalani hukuman penjara mempunyai keterbatasan maklumat dan satu-satunya saluran maklumat adalah melalui para peguam beliau.

Sehubungan itu, katanya kenyataan Anwar 2 September lalu tidak boleh disalahertikan sebagai persetujuan untuk terus mengantung rundingan kerusi di peringkat PH demi memujuk Pas sehingga ke saat akhir penamaan calon.

Rafizi menjawab kritikan pelbagai pihak terhadap Anwar yang dilihat sebagai merestui rundingan Keadilan-Pas yang diusahakan Timbalan Presiden parti itu Datuk Seri Mohamed Azmin Ali dan dakwaan bahawa usaha itu direstui Anwar.

"Saya mengalu-alukan kenyataan Datuk Seri Anwar Ibrahim mengenai isu rundingan kerusi di antara KEADILAN dengan Pas yang banyak membantu menjelaskan latar belakang persetujuan beliau mengenai rundingan tersebut (ketika isu ini timbul dua tahun lalu) dan pandangan mutakhir beliau setelah dua tahun perkara ini berlanjutan.

"Saya lihat ada pihak yang mendakwa kenyataan Datuk Seri Anwar itu menjadi bukti bahawa strategi berunding dengan Pas hingga ke saat akhir itu datangnya dari Datuk

Seri Anwar sendiri. Ramai penyokong Keadilan (PKR) dan PH serta rakyat terbanyaknya yang kecewa, tidak kurang juga yang menyerang Datuk Seri Anwar," ujar Rafizi dalam satu kenyataan, hari ini.

Menurut Rafizi, pandangan Anwar dalam sesuatu perkara ketika beliau terpenjara adalah berbentuk panduan umum yang memberi garisan jelas pertimbangan-pertimbangan yang mesti diambil kira dalam membuat keputusan.

Anwar, jelas Rafizi menyenaraikan sempadan-semipadan (parameters) supaya keputusan yang dibuat mengambil kira perkara-perkara penting yang ditetapkan oleh sempadan-semipadan itu.

Bagaimanapun tambah beliau, keputusan diserahkan untuk dibincangkan dan dimuktamadkan oleh pemimpin Keadilan dan PH kerana Anwar mempunyai keterbatasan dari segi maklumat terkini yang diperolehi.

"Dalam isu rundingan kerusi dengan Pas ini, keterbatasan maklumat itu lebih meruncing kerana satu-satunya saluran maklumat beliau yang paling kerap ialah melalui peguam-peguam Sivaras Rasiah, Latheefa Koya dan N Surendren yang ketiga-tiganya adalah pendokong kepada cadangan bekerjasama dengan Pas untuk mengelakkan pertandingan 3 penjur," ujarnya.

Rafizi menegaskan, memperjuangkan isu rakyat adalah strategi yang lebih baik untuk memenangi undi penyokong Pas dan bukannya rundingan dengan pemimpin parti itu yang secara jelas telah menemui jalan buntu.

ASH-HAR
TRAVEL & TOURS SDN BHD
شركة أشهر للسياحة
Ditubuhkan Sejak: 1994 منذ ١٩٩٤
No. Lesen Haji: PJH 19/1438H
No. Lesen KPL: 5259

Ibadah Umrah Lebih Mudah Bersama

ASH-HAR

TRAVEL & TOURS SDN BHD

UMRAH • HAJI • PELANCONGAN

HARGA
SERENDAH
RM 5,990
SEORANG

Kami Menyediakan Pakej:

UMRAH TERUS

UMRAH EKONOMI

12 HARI 10 MALAM

Penginapan:
Madinah: SOFARA AL HUDA /Setaraf
Makkah: NADA DEFAH /Setaraf

Harga:
RM 5,990

UMRAH EKSKLUSIF 5 BINTANG 12 HARI 10 MALAM

Penginapan:
Madinah: SOFARA AL HUDA /Setaraf
Makkah: AL SAFWAH HOTEL /
HILTON TOWER/Setaraf

Harga:
RM 7,390

UMRAH MUSIM CUTI SEKOLAH

Penginapan:
Jarak Hotel (Makkah): 200-350 meter
TERMASUK Cuti Sekolah Bulan Mac

Harga:
RM 6,790

UMRAH MUSIM BIASA

TIDAK TERMASUK Cuti Sekolah dan
Musim Perayaan

Harga:
RM 5,990

UMRAH & ZIARAH

UMRAH TRANSIT

BADAL HAJI & UMRAH

Serta Pakej:

HAJI EKONOMI & VIP

- **PAKEJ EKONOMI :** RM 29,700 - RM 40,700
- **PAKEJ KHAS :** RM 36,700 - RM 45,700
- **PAKEJ AL SAFWAH :** RM 53,900 - RM 61,900
- **PAKEJ AL SAFWAH (VIP 1) :** RM 99,900 - RM 109,900
- **PAKEJ DAR AL TAWHID (VIP 2) :** RM 149,000 - RM 159,000

PELANCONGAN LUAR NEGARA

AMAZING TURKEY (WINTER)	RM 4,699 (11-19 NOV 2017), RM 4,999 (1-9 DEC 2017)
YOGJAKARTA	RM 2,099 (26-29 AUG 2017/15-18 DEC 2017)
KOREA (WINTER)	RM 4,299 (1-5 DEC 2017)
MELBOURNE (SUMMER)	RM 4,799 (1-6 DEC 2017)
HO CHI MINH	RM 1,599 (22-26 JUL 2017/25-28 NOV 2017)
BRISBANE GOLDCOAST (SUMMER)	RM 5,500 (26-31 DEC 2017)
GUANGZHOU (SUMMER & WINTER)	RM 1,880 (16-20 DEC 2017/13-17 DEC 2017)
BALI	RM 1,850 (16-20 SEPT 2017/1-5 DEC 2017)
BEIJING (WINTER)	RM 3,550 (27 DEC 2017-2 JAN 2018)
LOMBOK	RM 1,899 (10-13 AUG 2017/9-12 DEC 2017)
BRUNEI	RM 1,550 (6-8 OCT 2016/8-10 DEC 2017)
BANGKOK PATTAYA	RM 1,850 (25-29 OCT 2017)
HONGKONG SHENZHEN	RM 3,550 (28 DEC 2017-1 JAN 2018)
UZBEKISTAN TOUR (WINTER)	RM 5,399 (29 NOV-6 DEC 2017)

HUBUNGI KAMI DI:

ASH-HAR TRAVEL & TOURS SDN BHD

23-1 JALAN 3/76D, DESA PANDAN, 55100 KUALA LUMPUR

03-9200 7050

ashhartravel@gmail.com +6017-367 5070

UNTUK MAKLUMAT TERKINI, LAWATI KAMI DI:

Ash Har Travel & Tours Sdn Bhd

ash_har94 @ashhartravel

toursashhartravel.
wixsite.com/desapandan

EJEN DIPERLUKAN

Najib disambut sebagai kleptokrat di Amerika

DATUK Seri Najib Razak didakwa sedang melangkah ke padang yang penuh dengan jerakap samar apabila beliau ke Washington menemui Presiden Donald Trump 12 September ini.

Beliau bakal disambut sebagai kleptokrat di Amerika Syarikat dalam kunjungannya itu, kata bekas duta Amerika ke Malaysia, John Mallot.

Dalam surat terbukanya kepada Najib, bekas Duta Amerika ke Malaysia (1996-98), John Mallot berkata, harapan Najib agar Trump mengarahkan Jabatan Kehakiman (DoJ) menarik balik siasatannya ke atas 1MDB hanya harapan kosong.

"Jangan haraplah. Hatta Trump tidak



John Mallot

mampu untuk mengarahkan DoJ hentikan siasatan ke atasnya. Jadi lupakan harapan itu," kata Mallot dalam surat terbuka yang disebarkan 5 September lalu.

Sebelum ini, ahli parlimen AMANAH dari Kuala Terengganu telah menghantar satu surat terbuka kepada Mallot meminta bekas duta itu memberikan pandangan tentang jemputan ke atas Najib itu.

Menurut Mallot, Trump tidak akan mampu membantu Najib kerana dia sedang menjaga kepentingan dirinya sekarang.

"Dia tidak akan berbuat apa-apa untuk membantu anda," kata Mallot

kepada Najib.

Katanya, apa yang difokuskan oleh Trump sekarang adalah Korea Utara dan ancaman yang sedang dihadapi oleh Amerika, Korea Selatan dan Japan.

"Dia sedang pertimbangkan sekatan kelas dua, bermakna negeri yang mempunyai hubungan perniagaan dengan Korea Utara tidak boleh lagi berniaga dengan Amerika.

"Fikirkan tentang berapa jumlah eksport anda ke Amerika?" kata Mallot dalam surat itu.

"Jadi Najib, bersiaplah untuk jelaskan kenapa syarikat dari Malaysia terus menerus melanggar sekatan dari PBB,

dan kenapa syarikat seperti Glocom, syarikat penjual senjata yang menjadi barisan depan kepada Korea Utara, dibenarkan beroperasi di Malaysia," katanya.

Menurut Mallot, Trump juga marah kepada China. Dia fikir China tidak membantu Amerika menghadapi Korea Utara.

"Dia fikir China menipu Amerika dalam urusanniaga dan memanipulasi nilai mata wangnya.

"Bila dia fikir awak telah meminta bantuan China untuk membantu menyelesaikan skandal 1MDB, dia mungkin tidak berapa senang," kata Mallot lagi.

Najib jumpa Trump: Campurtangan asing paling tinggi

TINDAKAN Presiden Amerika, Donald Trump membawa Datuk Seri Najib Razak ke negara itu adalah satu aktiviti campur tangan antarabangsa yang paling tinggi untuk urusan dalam negara ini, kata Tun Dr Mahathir Mohamad.

"Tindakan ini adalah percubaan untuk bersihkan imejnya (Najib) dalam negara ini," katanya dalam temubual secara langsung dengan *The Malaysian Insight* melalui Facebook.

Namun bagi bekas Perdana Menteri Malaysia selama 22 tahun itu ia tidak akan berjaya.

"Itu yang diharapkan tetapi saya yakin rakyat Malaysia tidak akan terima perkara ini," kata Mahathir dalam temubual yang turut disertai oleh Lim Kit Siang itu.

Pengarang *The Malaysian Insight*, Jahabar Sadiq menjadi moderator temubual yang berlangsung selama 40 minit itu.

Menurut Mahathir, kerajaan selalu menuduh pembangkang membawa orang asing untuk campur tangan dalam urusan dalam negara ini.

"Sekarang dia mahu jumpa Mr Trump. Tentu sekali ia adalah satu percubaan untuk membersihkan imejnya dalam negara ini.

"Ini adalah campur tangan tertinggi kuasa asing ke atas politik dalaman kita," kata Mahathir dalam temubual itu.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak akan mengadakan lawatan kerja ke Washington atas jemputan Presiden Amerika Syarikat, Donald Trump pada 12 September ini.



Tun Mahathir bersama Lim Kit Siang dalam bualbicara anjuran *The Malaysian Insight*. Moderatornya adalah Jahabar Sadiq, pengarang TMI.

Menurut kenyataan dikeluarkan Wisma Putra, Malaysia dan Amerika Syarikat melihat lawatan ini adalah sempena meraikan ulang tahun ke 60 hubungan dua hala yang dipertingkatkan di bawah kepimpinan Perdana Menteri kepada perkongsian komprehensif berdasarkan kepentingan bersama.

Kedua-dua pemimpin itu dijangka membincangkan isu berkaitan keselamatan negara, perjuangan global membabitkan keganasan, ekstremisme, perdagangan serta pelaburan yang akan memberi manfaat kepada negara dan masyarakat.

Kunjungan ini berlaku ketika Jabatan Kehakiman (DoJ) Amerika Syarikat bertindak ke atas 1MDB dengan membekukan aset syarikat milik negara itu.

PROMOSI PANAS!!

KOMBO BUKU POLITIKAL ISLAM

SATU HARGA 3 BUKU HANYA RM 80

TEMPAH SEGERA!!

APA ANDA TUNGGU LAGI??

UNTUK TEMPAHAN ATAU MAKLUMAT LANJUT: **01132334322 (EN HAKIM)**

Rumah, tingkatkan ekonomi sasaran segera PH Kelantan



Husam menyerahkan surat dan kunci Rumah Ehsan kepada Mohd Zaki.

MEMASTIKAN rakyat mendapat tinggal yang wajar dan meningkatkan keupayaan mata pencarian mereka akan menjadi sasaran segera apabila Pakatan Harapan (PH) mengambil alih pentadbiran Kelantan.

"Rumah sebagai asas kehidupan berkeluarga perlu diberi perhatian terpenting dalam pembangunan dan kesejahteraan rakyat," kata Datuk Husam Musa, pengerusi PH Kelantan dalam ucapan di majlis penyerahan kunci rumah ehsan di kampung Pak Jah, Tumpat kelmarin.

Beliau yang teruja dengan perkampungan tepi sungai di situ berkata sepatutnya kawasan berkenaan dimajukan dengan pelancongan.

"Kawasan seperti ini sama saja dengan pusat-pusat tarikan pelancong antarabangsa di Kemboja dan Vietnam.

"Keadaan semulajadi yang indah dengan anak-anak sungai dan tumbu-

han segar di tebing seperti ini memang amat popular sekarang," katanya.

Apa yang penting katanya, pihak kerajaan membuat perancangan supaya prasarana pelancongan diwujudkan untuk membolehkan masyarakat tempatan mengambil bahagian.

"Jika aset berharga pemberian Allah ini dirancang dengan baik tentulah ia boleh menjadi sumber pendapatan kepada rakyat tempatan.

"Dengan pembangunan berasaskan aset lokal seperti inilah masyarakat setempat dapat menambatkan pendapatan dan menambahkan peluang kerja," katanya.

Beliau yakin dengan gelombang baru yang menyeluruh di seluruh negara sekarang akan menyebabkan kerajaan Barisan Nasional (BN) tumbang dan digantikan dengan PH dalam pilihan raya umum ke 14 nanti.

"PH sudah bertegas akan memansuhkan GST jika menang, saya tak fikir ada lagi orang nak sokong lagi kerajaan GST ini," katanya.

Pada majlis itu, Mohd Zaki Mohd Nor menerima rumah ehsan yang diusahakan Jawatankuasa Dun (JDUN) Amanah Kelabaran.

Pengerusi JDUN itu, Faizah Othman yang ditemui selepas majlis penyerahan itu berkata pihaknya telah berusaha mendapat sumbangan orang ramai apabila mendapat maklumat keluarga Zaki yang tinggal dalam sebuah bangsal kecil tanpa bilik dan tandas.

"Alhamdulillah kami telah berjaya mengumpul hampir RM20,000 dan membeli perkakas untuk pembinaan.

"Mohd Zaki adalah buruh binaan dan beliau meyiapkan sendiri rumah ehsan ini," katanya.

Uruskan pelarian Rohingya dengan berkesan

PEMUDA AMANAH Nasional mengutuk sekeras-kerasnya tindakan zalim dan tidak bertamadun kerajaan Myanmar ke atas etnik Rohingya.

Namun dalam masa yang sama, Malaysia perlu mempunyai pelan strategi yang berkesan dalam menguruskan mereka kerana kehadiran pelarian ini mengundang rasa risau rakyat Malaysia

Dalam satu kenyataan, Ketua Pemuda AMANAH, Mohd Sany Hamzan berkata, etnik yang beragama Islam itu ketika ini sedang disiksa, dirogol hatta dibunuh oleh junta tentera negara itu tanpa rasa bersalah.

"Bagi kami, dunia termasuklah kerajaan Malaysia perlu terus konsisten mengutuk tindakan zalim itu," katanya.

Dalam masa yang sama, katanya, kuasa yang ada pada kerajaan perlu digunakan bagi menzahirkan sikap Malaysia yang menolak apa jua bentuk kezaliman dan ketidakadilan lebih-lebih lagi Myanmar terletak tidak jauh daripada negara ini.

Katanya, tindakan zalim kerajaan pimpinan Aun San Su Kyi ini menyebabkan umat Islam Rohingya terpaksa lari menyelamatkan diri ke perairan negara berdekatan termasuklah Bangladesh, Indonesia, India dan Malaysia sendiri.

Katanya, tindakan kerajaan menerima pelarian ini demi menyelamatkan nyawa mereka sangat disokong kerana

PBB perlu ambil tindakan segera ke atas Myanmar

PRESIDEN AMANAH Mohamad Sabu menyifatkan kekejaman tentera Myanmar terhadap etnik Rohingya sebagai pelanggaran nilai-nilai kemanusiaan dan undang-undang antarabangsa.

Beliau menegaskan, kebiadaban regim Myanmar perlu diambil tindakan segera oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) atau Pertubuhan Persidangan Islam (OIC).

"Ayuh masyarakat antarabangsa, bertindak segera untuk menyelamatkan masyarakat Rohingya yang sedang teraniaya," katanya dalam kenyataan.

Mengulas mengenai laporan terkini mengatakan bahawa ada kumpulan militan Rohingya bertindak menyerang balai-balai polis di Myanmar, beliau berkata pihak pemerintah Burma berhak memerangi dan melawan kumpulan bersenjata.

Namun kata beliau, anehnya yang diperangi adalah rakyat awam mirip kepada penghapusan etnik Rohingya.

"Setiap negara yang berdaulat, merdeka dan mengamalkan demokrasi, maka negara itu adalah negara yang bermaruah dan berintegriti.

"Sebarang usaha untuk menjatuhkan pemerintah berdaulat dengan cara mengangkat



Pemuda AMANAH bercakap kepada media selepas menyerahkan memo kepada kedutaan Myanmar di Kuala Lumpur.

ia adalah tuntutan yang diperintahkan oleh Allah.

"Namun begitu, kehadiran pelarian ini mengundang rasa risau rakyat Malaysia," kata Sany.

Ini dapat dilihat menerusi laman sosial yang rata-rata melahirkan kekusutan terhadap situasi yang ada.

Rakyat Malaysia secara kemanusiaanannya sangat mengakui akan kepentingan untuk membantu mereka yang sedang diuji.

Namun begitu, katanya, kebimbangan yang disuarakan rakyat ini perlu diambil perhatian serius oleh kerajaan dengan melihat kepada faktor-faktor yang diberikan.

Antara faktor yang disuarakan termasuklah soal keselamatan negara,

keharmonian rakyat, dan persaingan hidup seharian.

Kebimbangan-kebimbangan ini mempunyai kewajarannya dengan melihat kepada keadaan semasa pelarian di dalam negara ini.

Pelarian Rohingya khususnya sangat bermaharajalela di dalam negara dan bebas menjalani kehidupan setaraf dengan warganegara biarpun tidak mempunyai taraf kerakyatan.

Bagi netizen, kata Sany, etnik Rohingya yang dilihat bermaharajalela di dalam negara ini disebabkan kegagalan kerajaan memainkan peranannya seperti sepatutnya.

Kerajaan bersama dengan sikap serta keprihatinan rakyat Malaysia terhadap Rohingya, namun dalam masa

yang sama kerajaan tidak mempunyai perancangan yang jelas dalam mengurus pelarian ini.

"Malaysia seolah-olah tidak mempunyai garis panduan yang efisien dalam menguruskan pelarian ini menyebabkan ramai yang terabai," katanya.

Tidak kurang juga yang menduduki negara dengan seperti negara mereka sendiri akibat kebebasan yang diberikan, dakwanya.

Ini mendorong kepada berlakunya penguasaan etnik tersebut di tempat-tempat awam seperti Pasar Borong Selayang, ibu kota Kuala Lumpur yang sering disuarakan oleh netizen dan masyarakat setempat, tambah beliau.

"Luahan masyarakat ini perlu diambil perhatian, ada pun kita mengakui akan kepentingan kita untuk membela



nasib umat Islam Rohingya ini. "Oleh yang demikian, Pemuda

AMANAH Nasional menggesa kerajaan menyediakan pelan strategi yang efisien dalam usaha menguruskan pelarian ini dengan baik," katanya.

Ini sangat penting bagi memastikan tidak berlaku penindasan dan ketidakadilan terhadap rakyat Malaysia dan pelarian itu sendiri.

"Dalam hal ini, kami mencadangkan pihak kerajaan mengambil contoh negara-negara yang menerima pelarian termasuklah Turki dan Indonesia itu sendiri.

"Kami sangat yakin, dengan mewujudkan pelan pengurusan ini, masalah yang berbangkit berjaya diselesaikan," katanya.

Justeru itu, katanya, Pemuda AMANAH Nasional menggesa satu persidangan khas parlimen Malaysia bagi membincangkan isu yang melibatkan Rohingya ini.

"Kita sebagai negara jiran Myanmar perlu menzahirkan sikap yang lebih serius terhadap kezaliman yang tidak berkesudahan ini.

"Dalam masa yang sama kita dapat berbincang secara menyeluruh berkaitan pelan pengurusan pelarian yang kami cadangkan ini.

"Ayuh seluruh rakyat Malaysia, kita berdoa agar Allah melindungi umat Islam Rohingya yang sedang ditindas ini," katanya

Hentikan pembunuhan ke atas Rohingya

AMANAH mendesak kerajaan Myanmar untuk menunaikan tanggungjawabnya terhadap rakyat khususnya kaum Rohingya dengan membebaskan mereka dan tanah air dengan memberikan autonomi kepada wilayah Arakan. Pengarah Komunikasi AMANAH, Khalid Abdul Samad menggesa kerajaan Malaysia menyelaras inisiatif negara-negara Islam dan ASEAN, untuk mencari penyelesaian adil yang jelas tidak mampu dilakukan kerajaan Myanmar dengan sendirinya.

Bagi beliau, ketika kerajaan Indonesia, Turki dan Iran bersuara membantahnya, "sunyiya kerajaan Malaysia dalam isu ini membingungkan kita. Ke mana perginya semangat persaudaraan Islam yang dilaung-laungkan sebelum ini?"

"Kerajaan Malaysia mesti bertindak segera menghentikannya dengan melakukan apa yang perlu, sama ada secara terbuka atau tertutup, bukan sekadar mengutuk dan membantah kezaliman yang sedang berlaku," kata Khalid dalam satu kenyataannya.

Katanya, walaupun campur tangan dalam urusan dalaman negara jiran adalah sesuatu yang sentiasa ingin dielak, kezaliman sebegini rupa tidak boleh ditinggalkan begitu sahaja.

Menurut Khalid, amat jelas bahawa pembantaian kaum Rohingya sedang dilakukan oleh junta tentera Myanmar.

lanya adalah bukti nyata bahawa pembantaian ini adalah keganasan anjuran regim Myanmar sendiri.

Ini memberikan gambaran bahawa bagi kerajaan Myanmar, penyelesaian terhadap persoalan berbezanya agama, bangsa, bahasa dan budaya adalah secara genosid atau pembersihan etnik, katanya.

"Kerajaan yang sepatutnya bertanggungjawab untuk membela dan melindungi rakyatnya, sebaliknya menjadi institusi yang menganjur pembunuhan, penyiksaan, rogol dan pembantaian rakyat minoritinya termasuk golongan wanita, kanak-kanak dan orang tua.

"Adalah jelas bahawa sikap dan tindakan kerajaan dan tentera Myanmar perlu dikutuk dan dihentikan. Tiada alasan yang boleh diterima untuk mengharuskan kezaliman yang sebegini dahsyat. Tiada tempat bagi amalan sebegini dalam dunia bertamadun," katanya.

Genosid dan pembersihan etnik sekejam ini malangnya turut didalangi pimpinan Buddhist Myanmar, katanya kesal.

"Ini mencemarkan imej agama Budhha yang sekian lama dilihat sebagai agama perdamaian dan kasih sayang. Adalah diharap persatuan-persatuan Buddha seluruh dunia akan bangkit bersama persatuan-persatuan Islam dan NGO antarabangsa mengutuk kezaliman ini," katanya.

Isu rundingan dengan Pas sudah berakhir



Rafizi Ramli

KUALA LUMPUR: Naib Presiden Keadilan Rafizi Ramli mengemukakan kenyataan Timbalan Presiden Keadilan Datuk Seri Azmin Ali untuk patuh kepada keputusan Majlis Presiden Pakatan Harapan (PH) dan yakin sebagai Pengarah Pilihan Raya PH, Azmin mempunyai ruang besar untuk memperkasakan persediaan PH menghadapi BN, walaupun jika berlaku pertembungan tiga penjur.

Dalam satu kenyataan media, Rafizi yang juga Ahli Parlimen Pandan juga menyeru seluruh pemimpin Keadilan untuk memberi tumpuan kepada persediaan pilihan raya umum

ke-14 (PRU14) dan tidak melayan berita politik yang tidak membantu mengalahkan Umno/BN.

Rafizi baru-baru ini mendapat perhatian umum apabila secara terbuka mengkritik tindakan sebahagian pemimpin parti itu khususnya Biro Politik Keadilan yang dipengerusikan Azmin untuk terus berunding dengan Pas bagi mengelakkan pertandingan tiga penjur.

Beliau juga menyarankan kongres khas diadakan bagi membincangkan dan membuat keputusan muktamad berhubung tindakan segelintir pemimpin parti itu yang ingin terus

menjalinkan hubungan dengan Pas.

Tindakan Rafizi ini mendapat reaksi keras daripada beberapa pemimpin Keadilan yang menyifatkan beliau cuba memecahbelahkan parti.

Bagaimanapun Majlis Presiden PH beberapa hari kemudian memutuskan bahawa pakatan politik itu tidak mempunyai hubungan dengan Pas.

Mengulas lanjut, Rafizi beranggapan perbezaan pendapat mengenai rundingan kerusi dengan Pas telah tamat berdasarkan keputusan Majlis Presiden PH yang dipersetujui Biro Politik Keadilan dan komitmen Azmin untuk mematuhi.

Oleh itu beliau menyeru ahli parti untuk "menjaga kawasan masing-masing" dan menumpukan perhatian kepada kempen akar umbi bagi menghadapi PRU14 yang boleh diadakan bila-bila masa dari sekarang.

"Kini, kita sudah terlalu dekat dengan PRU14 dan sewajarnya kita memberi fokus kepada persediaan PRU14.

"Saya akan terus turun ke kerusi-kerusi marginal di seluruh negara. Dalam bulan Julai dan Ogos, saya telah berkempen sebanyak 61 kali (ceramah dan acara kempen lain) di 46 kerusi marginal di peringkat Parlimen dan

Dun di seluruh negara iaitu sekitar 7 atau 8 kerusi Dun/Parlimen setiap minggu tanpa henti.

"Jumlah tontonan terkumpul kesemua ceramah-ceramah ini di Facebook dan Youtube telah mencecah 1.1 juta tontonan sepanjang dua bulan ini.

"Saya yakin tanggung jawab berjumpa pengundi di bawah dan menyampaikan maklumat sebegini adalah lebih penting dari melayan berita-berita tidak sah yang direka oleh sumber-sumber yang tidak berani menerbitkan nama mereka sendiri," tegas beliau.

Henti beri gambaran salah pada media

KUALA LUMPUR: Naib Presiden Keadilan Rafizi Ramli kesal kerana segelintir pemimpin parti itu sering memberikan maklumat salah kepada media atas nama 'sumber dalaman parti' untuk memastikan pandangan mereka diambil sebagai pandangan umum, walaupun ia bertentangan dengan perbincangan atau keputusan sebenar Biro Politik atau Majlis Pimpinan Pusat (MPP) parti itu.

Rafizi mengakui dihubungi bertalu-talu oleh wakil media ekoran laporan yang disiarkan Sinchew Daily kononnya beliau diberi amaran keras oleh Biro Politik kerana memburukkan nama baik parti dan akan dipecat dari Keadilan jika terus bersuara.

"Berita itu ditulis berdasarkan satu sumber dari Biro Politik yang tidak dinamakan.

"Saya ingin mengesahkan bahawa tidak ada sebarang keputusan Biro Politik yang begitu. Saya tidak diberi sebarang amaran oleh sesiapa dan tiada sebarang keputusan mengenai tindakan tatatertib dibuat oleh Biro Politik. Sudah tentu berita yang saya boleh dipecat juga direka-reka.

"Semua ini telah disahkan oleh Setiausaha Agung, Datuk Saifuddin Nasution Ismail," jelas ahli parlimen Pandan itu.

Rafizi bagaimanapun mengakui tidak terkejut dengan apa yang berlaku kerana beberapa kali sebelum ini keadaan yang sama berlaku setiap kali wujud perbezaan pendapat yang ketara di dalam kepimpinan

Keadilan tentang beberapa isu.

"Ada beberapa orang pimpinan PKR (Keadilan) yang gemar memberikan gambaran yang salah kepada pihak media dengan berselindung di sebalik nama 'sumber dalaman parti' untuk memastikan pandangan mereka diambil sebagai pandangan umum, walaupun itu bertentangan dengan perbincangan atau keputusan sebenar Biro Politik atau Majlis Pimpinan Pusat (MPP)," katanya.

Perkara ini, ujarnya pernah berlaku semasa pelantikan Menteri Besar Selangor menggantikan Tan Sri Khalid Ibrahim, apabila berita-berita yang tidak sahah terus dibekalkan kepada pengamal media yang jelas memusuhi Keadilan seperti Jocelyn Tan dari The Star.

Menurutnya, walaupun mesyuarat Biro Politik dan Majlis Pimpinan Pusat pada waktu itu secara jelas memutuskan hanya satu calon untuk jawatan Menteri Besar iaitu Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail, ada sahaja berita-berita dari sumber tidak rasmi kononnya wujud keputusan yang berbeza.

Perkara yang sama, tambah beliau berlaku menjelang pilihan raya negeri (PRN) Sarawak apabila ada segelintir ahli Biro Politik yang menghantar mesej berlainan kepada pemimpin Keadilan di Sarawak sedangkan Biro Politik berkali-kali memutuskan untuk mempertahankan perjanjian pembahagian

kerusi yang telah dipersetujui di peringkat Majlis Presiden Pakatan Harapan (PH).

"Berita ini akhirnya sampai kembali kepada saya sebagai Setiausaha Agung (pada waktu itu) apabila mereka (pimpinan akar umbi) mahu mengesahkan berita itu," ujarnya.

Menurut Rafizi, selagi dua tiga orang ahli Biro Politik yang tidak berdisiplin ini memberikan maklumat yang salah kepada pihak media dan anggota parti, keadaan akan terus berclaru.

Oleh sebab itu beliau mengambil keputusan (sejurus selepas PRN Sarawak dan PRK Sungai Besar dan Kuala Kangsar) bagi memanfaatkan masa yang ada untuk berkempen di kerusi-kerusi marginal berbanding cuba membetulkan maklumat yang salah yang disebarkan secara berterusan oleh dua tiga orang ahli Biro Politik Keadilan tersebut.

"Sebelum ini, saya mengambil keputusan untuk berdiam diri agar perkara ini tidak sampai ke pihak media tatkala pimpinan-pimpinan yang sama sedang mengusahakan perbincangan dengan Pas.

"Untuk tidak terus bertembung akibat maklumat yang salah disebarkan, saya mengambil keputusan lebih baik tidak turut serta di dalam mesyuarat Biro Politik untuk mengurangkan kebarangkalian saya terpaksa membetulkan versi keputusan Biro Politik yang kerapnya diberikan tafsiran berbeza," ujarnya.

Akar umbi kurang yakin komitmen Azmin

KUALA LUMPUR: Komitmen Timbalan Presiden Keadilan Datuk Seri Mohamed Azmin Ali untuk memperkukuhkan Pakatan Harapan (PH) diragui kumpulan akar umbi gabungan parti pembangkang tersebut melainkan beliau melaksanakan empat perkara.

Dalam satu kenyataan media, Gerakan Aktivis Harapan (GAH) mendesak Naib Presiden PH itu untuk membentuk sekretariat PH Selangor, mengusir Pas daripada kerajaan Selangor, mengarahkan Keadilan Kelantan menolak lantikan politik dalam kerajaan negeri dan menerima secara inklusif penyokong PH dalam keputusan dasar politiknya.

Dalam satu kenyataan baru-baru ini, Azmin mengakui menerima keputusan PH untuk menolak sebarang perbincangan dengan Pas dan berjanji akan memperkukuhkan jentera pilihan raya bagi menghadapi sebarang kemungkinan pertandingan tiga penjur.

Bagaimanapun GAH mengakui 'tidak teruja' dengan pengakuan Azmin dan menyifatkan kenyataan itu sebagai 'melepaskan batuk di tangga'.

Sehubungan itu, GAH turut menyokong hasrat ahli akar umbi Keadilan yang mendesak diadakan mesyuarat agung luar biasa (EGM) atau kongres khas bagi membincangkan hal kerjasama dengan Pas dan mahu Azmin menjawab segala persoalan berhubung sikap tidak konsisten biro politik Keadilan yang dipengerusikan olehnya dalam melaksanakan keputusan parti khususnya merujuk hubungan Keadilan dan Pas.

Undi Pas kecil berbanding undi kritikal

Oleh **ARIF ATAN**

KUALA LUMPUR: Berusaha untuk memikat Pas dengan hasrat mendapat undi pentaksub parti itu menjadikan Pakatan Harapan kehilangan undi kritikal yang lebih besar, tegas Pengarah Hal Ehwal Syariah AMANAH, Ustaz Zolkharnain Abidin.

Menurut bekas pegawai di Jabatan Hal Ehwal Agama di Perlis itu, undi pentaksub Pas perlu diyakini sebagai sangat kecil tetapi jika dapat meraihnya pada pilihan raya umum akan datang dianggap sebagai baik.

"Tapi nampaknya sehingga kini, harapan itu seperti mengharap kucing berhenti makan ikan goreng. Undi pentaksub Pas sangat kecil berbanding undi pengundi kritikal.

"Jika berlaku pertandingan dua penjur BN - PH (Pakatan Harapan), saya percaya pentaksub Pas tak akan beri undi kepada PH.

"Sama ada mereka undi BN, buat undi rosak atau tak keluar mengundi," jelasnya dipetik daripada status yang dimuat naik di Facebook beliau, baru-baru ini.

Terdapat kelompok dalam Keadilan secara

terbuka menyokong untuk terus berunding dengan Pas ketika pilihan raya umum ke-14 (PRU-14) semakin hampir.

Selain Timbalan Presiden Keadilan Datuk Seri Mohamed Azmin Ali seramai 17 lagi pemimpin parti itu termasuk Naib-naib Presiden, Ketua Wanita, ahli-ahli Biro Politik dan ahli-ahli MPP menyokong langkah itu seperti didedah Naib Presiden Keadilan Rafizi Ramli, 27 Ogos lalu.

Zolkharnain yang juga Timbalan Pengerusi AMANAH Perlis berkata, terdapat pentaksub Pas enggan mengundi calon daripada komponen

parti di bawah Pakatan Rakyat pada PRU lalu.

"Tentulah semua parti mahukan undi semua orang, termasuk undi pentaksub Pas. Namun soalnya, bagaimana nak dapatkan undi pentaksub Pas, sebab pentaksub Pas hanya undi Pas sahaja.

"Dalam PR (Pakatan Rakyat) dulu pun, ada pentaksub Pas tidak beri undi kepada PKR atau DAP, walaupun kedua-dua parti itu rakan Pas, bahkan Pas masuk bertanding di kerusi Kota Damansara dan Sungai Acheh atas kemahuan pentaksubnya," jelas beliau.

TAWARAN ISTIMEWA

& 2018

PROMOSI

EZKEMBARA
NO. KPK/LN : 6814

**PELBAGAI
DESTINASI
MENARIK!**

SEOUL

TARIKH	HARGA(RM)	
	DEWASA	KANAK ²
NOVEMBER 09 - 13 NOV 2017	3,150	2,840
APRIL 13 - 22 APR 2018	3,150	2,840
FEB 01 - 05 FEB 2017 08 - 12 FEB 2017	2,990	2,680

TURKI

TARIKH	HARGA(RM)	
	DEWASA	KANAK ²
NOVEMBER 30 NOV - 9 DIS 2017	4,199	-
WINTER 07 - 16 FEB 2018 NOVEMBER DISEMBER	4,199	-
SPRING 13 - 22 APRIL 2018	3,999	-
SUMMER 21 - 30 JUN 2018	4,100	-
AUTUMN OCTOBER	4,100	-

PAKEJ JUMRAH

**PAKEJ
ZAAFARAN**

TARIKH	HARGA(RM)		HOTEL MEKAH	HOTEL MADINAH
	DEWASA	KANAK ²		
NOVEMBER 29 - 10 DIS 2017	7,950	7,650	MEKAH SAFWA TOWER (SETARAF) 50-10M	MADINAH CONCORDE HOTEL (SETARAF) 150M
FEBRUARI 14 - 25 FEB 2018	7,550	7,250		
MAC 14 - 25 MAC 2018	7,750	7,250		

**PAKEJ
RUMMAN**

TARIKH	HARGA(RM)		HOTEL MEKAH	HOTEL MADINAH
	DEWASA	KANAK ²		
DISEMBER 13 - 24 DIS 2017	7,150	6,800		
JANUARI 17 - 28 JAN 2018	6,890	6,590	MEKAH MALAK AT-TAQWA (SETARAF) 200-300M	MADINAH CONCORDE HOTEL (SETARAF) 150M
FEBRUARI 01 - 12 FEB 2018	6,890	6,590		
MAC 01 - 12 MAC 2018	6,890	6,590		
APRIL 04 - 15 APRIL 2018	6,890	6,590		

**PAKEJ
TAMAR**

TARIKH	HARGA(RM)		HOTEL MEKAH	HOTEL MADINAH
	DEWASA	KANAK ²		
DISEMBER 18 - 28 DIS 2017	6,790	6,490	MEKAH LU'LU'AT (SETARAF) 200-300M	MADINAH CONCORDE (SETARAF) 150M
APRIL 18 - 29 APRIL 2018	5,890	5,590		

+603 - 6184 1542

WWW.EZKEMBARA.COM

Najibnomics beri kesan buruk ekonomi negara

SAYA merujuk tulisan Dr Bruce Gale di The Straits Times, Jumaat lalu berjudol Najibnomics beri kesan baik bagi ekonomi Malaysia.

Penegasan beliau bahawa analisis objektif menilai dasar dan pendekatan ekonomi Najib atau dengan singkatan "Najibnomics" gagal dibuat kerana penilaiannya diwarnai oleh sebilangan kecil kontroversi, khususnya 1MDB dan FGV mungkin sahaja ada kebenarannya.

Umum wajar tahu bahawa Gale ialah bekas rakan kongsi "Political and Economic Risk Consultancy" yang berpangkalan di Hong Kong dan ketika ini menyediakan khidmat penyelidikan, analisis dan editorial bebas kepada sektor swasta. Pernyataan saya rakamkan tanpa prajudis.

Gale tidak perlu menyalahkan mana-mana pihak yang membangkitkan isu 1Malaysia Development Bhd (1MDB) atau juga Felda Global Ventures (FGV) dan pemberian dana US\$681 juta (RM2.6 bilion) dari Arab Saudi kerana ia menyinggung persoalan pokok tentang 'tadbir-urus' atau 'governance' yang tiris, pincang bahkan 'goyah', tambahan semua kes itu melibatkan MO1.

Tidak timbul isu Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak dipandang negatif ekoran kes-kes tersebut kerana hakikatnya sememangnya Najib ialah PM yang paling parah mengalami 'trust deficit'. Isu sama ada negara dalam 'krisis' atau sekadar 'gambaran sebenarnya tidaklah begitu buruk' seperti yang cuba diketengahkan Gale adalah noktah perdebatan.

Saya akan cuba menyinggung secara ringkas mengikut enam tajuk kecil iaitu Hutang Negara, Kelemahan Ringgit, Impak kepada Orang Miskin, Pembaharuan Birokratik, Kelemahan dan Pemberian Pujian Sewajarnya.

HUTANG NEGARA

Di segi persoalan hutang kerajaan Persekutuan, Gale ternyata amat mudah memuji Najib kerana didakwa berjaya mengurus kedudukan fiskal kerajaan dengan baik.

Apa yang tidak disebutkan Gale adalah yang tidak apa-apa ajaib tentang Model Pertumbuhan KDNK yang dipacu Najib Razak.

Berpandukan pertumbuhan yang dipacu 'modal' atau 'capital' (model lama yakni input-based growth), dengan cara 'meminjam' atau 'berhutang', era Najib menyaksikan hutang melonjak hampir ke paras "had statutori atau undang-undang" yang tidak dibenarkan "meminjam" iaitu 55% paras KDNK.

Gale pastinya tahu bahawa telah menjadi rahsia umum bahawa Hutang Kerajaan Persekutuan telah mencecah RM673,966 bilion berpandukan www.nationaldebtclocks.org/debtclock/malaysia.

Cuma yang gagal diketengahkan Gale adalah untuk mengiktiraf bahawa Najib menyembunyikan perbelanjaan besar pembangunan ke dalam perbelanjaan di 'Luar Bajet' atau "Off-Budget" yang kini telah mencecah RM187 bilion, yang dijamin kerajaan Malaysia (Contingent Liabilities) yang sengaja bagi mengelakkan kerajaan melepasi had hutang 55% KDNK.

Sebagai contoh Kementerian Kewangan memindahkan pinjaman RM27.9 bilion kepada syarikat milik MOF, Pembinaan PFI Sdn Bhd. Hutang itu tetap perlu dibayar kerajaan dan pembayar cukai, disamping anggaran RM29 bilion bayaran bunga setahun (2017). Ini lebih separuh hasil kutipan GST! Mantan Menteri Kewangan Tengku Razaleigh Hamzah sekali lagi melahirkan kegusaran tentang hutang tersembunyi ini.

NILAI RINGGIT

Beralih kepada persoalan kelemahan ringgit, penghujahan Gale sekali tersasar. Beliau meletakkan kelemahan ringgit kerana faktor luaran khususnya harga minyak mentah, bukan faktor domestik. Lebih pelik lagi Gale menyatakan kejatuhan ringgit tidak semuanya buruk kerana pihak pengeksport akan dapat manfaat. Sudah bunyi macam menteri Umno-BN pula.

Mungkin Gale perlu jawab mengapa nilai mata wang negara yang tidak mengeksport minyak lebih baik prestasinya dari ringgit

Pernah dalam tahun 2015-2016, ringgit juga jatuh sebanyak 14% berbanding Peso (Filipina), 15% berbanding Baht (Thailand)

dan 16% berbanding Rupiah (Indonesia).

Hujah Gale yang masih boleh lagi memuji Najib kerana kelemahan ringgit menggalak barangan eksport adalah sangat mengaibkan seorang ahli ekonomi. Tambahan kalau sebuah negara seperti Malaysia yang perlu mengimport bahan-bahan input, sebelum dapat dijadikan produk yang punya sedikit sahaja 'tambah-nilai'nya, maka kos import pasti akan mencetuskan 'imported inflation'.

IMPAK TERHADAP GOLONGAN MISKIN

Apa yang gagal diketengahkan Gale setelah Najib 'berani membuat reformasi fiskal' dengan penarikan balik subsidi dan penguatkuasaan GST adalah impak buruknya kepada golongan miskin dan kategori 'Bawah 40' (B-40) dan Middle-40 (M-40).

Gale tidak menyinggung aspek kegagalan pengurusan kewangan Najib yang berhajatkan pembayaran hutang atau 'debt servicing' yang tinggi. Ini belum masuk bab hutang 1MDB lagi.

Banyak yang telah dicatatkan mengenai impak dasar ekonomi Najib terhadap golongan miskin, khususnya ketika langkah rasionalisasi subsidi dan pengenalan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) yang bersifat kontroversi.

Terdahulu banyak bantuan dan subsidi telah dikurangkan dari RM43.3 bilion pada 2013 kepada RM24.6 bilion pada 2016. Antara subsidi yang ditarik balik adalah tepung, gula, beras dan minyak masak.

Kajian penyelidikan mendapati bahawa kesan GST kepada rakyat mengurangkan lebih kurang 50% perbelanjaan isi rumah secara langsung dan hampir 20% secara tak langsung. Penarikan subsidi ini mengakibatkan harga barang berkenaan naik antara 14% hingga 31%.

Yang paling menekan, kata mereka adalah kenaikan harga petrol dan diesel yang kini terapung menyebabkan peningkatan harga barang termasuk masakan. Sejak 2013, harga petrol RON95 meningkat 20%, daripada RM-1.90 seliter pada 2013 kepada RM2.30 seliter kini.



ANALISIS

DR DZULKEFLY AHMAD

Merumuskan tulisan ringkas ini, saya rasa amat ralat penulisan Gale gagal untuk memberikan penghujahan mantap dan tuntas mengapa beliau masih memberi pujian kepada Najib hanya kerana keinginan Najib untuk melakukan reformasi fiskal mahu struktural.

Malang diukur dengan kerja-buat Najib atas tema-tema besar yang beliau bangkit dalam penulisan, ternyata Najib hampir gagal seluruhnya. Saya tidak mahu menyinggung perihal Pemandu (Unit Pengurusan Prestasi dan Pelaksanaan) yang telah menelan hampir RM500 juta dana Jabatan Perdana Menteri (JPM) tanpa satu kejayaan atau 'deliverable' yang boleh dibanggakan.

MEMPERKUAT BIROKRASI & INSTITUSI

Nyata Dr Bruce Gale tidak langsung dapat apresiasi keperluan negara ini untuk memperkuatkan institusi-institusi kritikal yang menyemak-imbang pihak eksekutif yakni Najib dan kabinetnya.

Lambang kebobrokan pengurusan kewangan dan kepincangan tadbir-urus Najib diperagakan dalam skandal 1MDB dan FGV.

Saya cadang beliau kembali menelaah buku 'Why Nations Fail' (sebagai asas fikiran mazhab "New Institutional Economics") sebelum memanjangkan pujiannya terhadap Najib selaku Menteri Kewangan terburuk negara ini.

■ **Dr Dzulkefly Ahmad ialah Pengarah Strategi AMANAH.**

Peranan Asean perlu bagi tangani isu Rohingya

PARTI Sosialis Malaysia (PSM) memandang serius krisis kemanusiaan dan keganasan berterusan yang melanda masyarakat Rohingya di negeri Rakhine, Myanmar. PSM mengancam sepenuhnya kekerasan dilakukan tentera Myanmar yang melakukan pembunuhan besar-besaran masyarakat Rohingya. Ini sama seperti penghapusan kaum dan ia tidak boleh ditolak ansur lagi.

Terdapat laporan-laporan menyatakan tentera Myanmar melancarkan serangan mengejut terhadap beberapa perkampungan Rohingya di beberapa lokasi di dalam negeri Rakhine seperti Maungdaw, Buthidaung dan Rathedaung. Juga terdapat laporan menyatakan pembunuhan kejam dilakukan terhadap masyarakat Rohingya.

Terdapat peningkatan signifikan peristiwa kekejaman terhadap masyarakat Rohingya terutamanya selepas tindakan terkini pengurangan angkatan tentera oleh kerajaan pusat pimpinan Aung San Suu Kyi dan General tentera Min Aung Hlaing.

Kami juga menerima maklumat bahawa; Penduduk kampung Zay Di Pyin yang beragama Islam telah dihalang untuk pergi bekerja atau mencari makanan dan air bersih selama lebih 3 minggu, walaupun

terdapat sejumlah kecil yang dibenarkan melepasi kepungan untuk membeli barangan keperluan harian. Pihak polis juga mengesahkan bahawa penduduk kampung Rakhine beragama Buddha telah mencatu jumlah makanan yang boleh dibeli masyarakat Rohingya tetapi menghadkan pergerakan mereka di sekitar perkampungan termasuk menyekat akses untuk bekerja.

Beberapa penduduk kampung Rohingya di utara dan selatan Maungdaw telah diserang oleh gabungan dua pasukan iaitu tentera Burma dan Polis Pengawal Sempadan (Border Guard Police - BGP).

Pada 31 Julai 2017, kumpulan ekstremis Buddha (Moghs) yang dilindungi oleh pihak berkuasa tempatan telah memancung seorang ayah dan dua anak lelakinya yang sedang bekerja di ladang mereka di Rathedaung, Arakan. Insiden tragis ini berlaku di kampung Neng Ya yang terletak di barat bandar Rathedaung.

Walaupun seperti sebelum ini, kerajaan Myanmar mengatakan bahawa serangan terhadap masyarakat Rohingya ini sebagai serangan untuk menghapuskan kumpulan ekstremis, tetapi insiden demi insiden yang dilaporkan di peringkat akar umbi mem-

buktikan sebaliknya.

Masyarakat Rohingya di negeri Rakhine telah menderita dengan diskriminasi yang sistematik dan tekanan kuat oleh kerajaan Myanmar selama berdekad. Situasi semakin bertambah buruk beberapa tahun kebelakangan ini dengan peningkatan serangan ganas terhadap masyarakat Rohingya. Beberapa kelompok nasionalis Myanmar turut cuba mengeksploitasi konflik di negeri Rakhine ini bagi menaikkan sentimen anti-Rohingya untuk menghalalkan keganasan berasaskan etnik perkauman.

Krisis kemanusiaan yang melanda masyarakat Rohingya pasti akan berterusan selagi mana kezaliman dan prejudis dibiarkan berlaku, ia perlu dihentikan.

Kami mendesak kerajaan Myanmar agar:

1. Menghentikan segera pembunuhan masyarakat Rohingya di negeri Rakhine. Hentikan semua operasi ketenteraan di wilayah itu.
2. Membenarkan bantuan kemanusiaan memasuki negeri Rakhine bagi menyediakan rawatan terhadap mangsa konflik keganasan ini.
3. Menghentikan menyekat berita dari negeri Rakhine dengan membenarkan akses media bebas ke wilayah itu.

4. Mengadakan dialog dan perbincangan dengan masyarakat Rohingya bagi memahami penderitaan mereka dan mencari solusi bermakna untuk mengakhiri krisis.
5. Memperakui masyarakat Rohingya sebagai warganegara Myanmar yang sah dan hentikan segala diskriminasi terhadap mereka.

PSM menyeru seluruh komuniti Asean untuk mengambil langkah segera untuk hentikan krisis di negeri Rakhine sebelum ia menjadi bencana kemanusiaan yang lebih teruk. Asean sepatutnya segera menubuhkan sebuah badan bebas untuk meniasat tuduhan pembunuhan besar-besaran masyarakat Rohingya di negeri Rakhine.

Asean sepatutnya memainkan peranan dalam membantu proses untuk mencapai solusi keamanan buat krisis ini. Kebiasaan yang berterusan oleh kerajaan Malaysia dan pemimpin-pemimpin Asean seolah-olah mereka menerima tindakan kezaliman berlaku terhadap masyarakat Asean yang lain juga.


■ **Choo Chon Kai ialah Pengerusi Biro Perhubungan Antarabangsa, Parti Sosialis Malaysia (PSM).**

RCI forex BNM: Anwar tampil beri keterangan

PUTRAJAYA: Bekas Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim akhirnya tampil di Istana Kehakiman 7 September lalu bagi memberi keterangan pada prosiding Suruhanjaya Siasatan Untuk Menyasat Kes Kerugian Akibat Urus Niaga Mata Wang Asing Oleh Bank Negara Malaysia (BNM) sekitar tahun 1990-an.

Bekas Menteri Kewangan itu yang kini menjalani hukuman penjara diiringi anggota Jabatan Penjara ketika memasuki Istana Kehakiman pada kira-kira 8.40 pagi.

Kenderaan yang membawa Anwar diiringi kenderaan pasukan Polis Diraja Malaysia dan Jabatan Penjara menggunakan laluan khas untuk ke perkarangan mahkamah



menyebabkan wakil media menghadapi kesukaran untuk merakamkan kehadirannya.

Anwar ialah menteri kewangan dari 1991 hingga 1998. Beliau dilantik sebagai Timbalan Perdana Menteri pada 1993 sebelum di-

pecat pada tahun 1998.

Presiden Keadilan Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail, anaknya Nurul Izzah Anwar serta anggota keluarganya, peguam beliau R.Sivarasa dan Datuk Dr Gurdial Singh Nijar juga berada di Istana

Kehakiman.

Sehingga 6 September lalu, prosiding yang memasuki hari keenam telah memanggil 17 saksi.

Selain Anwar, saksi lain yang memberi keterangan termasuk bekas Gabenor Bank Negara Malaysia Tan Sri Ahmad Mohd Don dan bekas Ketua Audit Negara Tan Sri Dr Hadenan Abdul Jalil.

Suruhanjaya Siasatan kes kerugian urus niaga mata wang asing itu ditubuhkan selaras dengan Akta Suruhanjaya Siasatan 1950 [Akta 119] yang penubuhan dan keanggotaannya mendapat perkenan Yang di-Pertuan Agong Sultan Muhammad V.

Suruhanjaya enam anggota itu dipengerusikan Pengerusi Petro-

lium Nasional Bhd (Petronas) Tan Sri Mohd Sidek Hassan.

Anwar sebelum ini menggesa Mohd Sidek memanggil beliau sebagai saksi ekoran nama beliau disebut beberapa kali sewaktu sesi pendengaran RCI tersebut.

"Saya cukup terkejut apabila pengerusi Tan Sri Sidek menjawab bahawa mereka 'belum memutuskan' sama ada akan memanggil saya atau tidak.

"Memandangkan saya merupakan Menteri Kewangan pada ketika kejadian tersebut berlaku, sudah pasti ini bukan suatu keputusan yang sukar untuk dibuat!

"Amat menyedihkan jika siasatan ini ditutup tanpa mendengar keterangan saya," ujar Anwar dalam satu kenyataan.

Pas, Umno terkesan dengan pertandingan 3 penjur

KUALA LUMPUR: Pensyarah Pusat Pengajian Sains dan Kemasyarakatan Universiti Sains Malaysia (USM) Profesor Dr Ahmad Atory Hussain yakin pertandingan tiga penjur pada pilihan raya umum (PRU) akan datang bukan sekadar memberi kesan kepada pakatan pembangkang malah bakal memberi kesan negatif kepada Umno dan Pas.

"Sokongan kepada Pas dan Umno sudah pun terpecah dengan pembentukan parti serpihan AMANAH dan PPBM.

"Kesimpulannya, pada hari pengundian nanti sama ada diadakan tahun ini atau tahun depan, penyokong yang menjadi tempat Pas dan Umno bergantung pada

pilihan raya umum 2013 akan lebih kecil.

"Malah ada juga yang akan meninggalkan mereka untuk bersama dengan pemimpin AMANAH dan PPBM yang diundi mereka sebelum ini," kata Atory.

Menurut beliau, di atas kertas memang nampak seperti pertandingan pelbagai penjur menentang BN akan menyukarkan peluang PH untuk menang, namun tidak mustahil ia akan memberi kesan sebaliknya kepada BN dan Pas kerana pengundi dua parti itu akan berpecah dua.

Bagaimanapun, Atory mengakui masih banyak yang perlu dilakukan PH untuk menjamin kemena-

ngan pada PRU akan datang kerana Pas menyukarkan keadaan untuk gabungan itu.

Ditanya apakah yang boleh dilakukan oleh gabungan yang di pimpin bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad itu bagi meningkatkan peluang pada pilihan raya nanti, Atory berkata, antara langkah yang boleh diambil adalah mengumumkan calon menteri besar mereka untuk setiap negeri.

"Beritahu pengundi siapakah orangnya yang kamu tawarkan sebagai pemimpin – iaitu mereka akan ada seorang pemimpin yang baik dan boleh diterima.

"PH juga mesti pastikan manifesto pilihan raya gabungan

itu sampai kepada pengundi dan mudah difahami," katanya.

Majlis Presiden PH baru-baru ini membuat keputusan tegas untuk tidak bekerjasama dengan Pas pada PRU akan datang.

Dalam kenyataan yang dikeluarkan selepas bermesyuarat selama 3 jam, pemimpin PH berkata gabungan itu akan menyediakan strategi untuk menghadapi pertandingan tiga penjur.

Mesyuarat itu menyusuli laporan mengatakan beberapa pemimpin Keadilan terbabit dalam rundingan dengan Pas mengenai pengagihan kerusi di Selangor pada PRU14.

Timbalan Presiden Keadilan Datuk Seri Mohamed Azmin Ali

Azmin juga mendakwa rundingan itu bagi mengelak pertandingan tiga penjur di Selangor dan meningkatkan peluang kemenangan Keadilan dan parti pembangkang lain.

Langkah itu bagaimanapun tidak dipersetujui sesetengah pemimpin parti, termasuk Ahli Parlimen Selangor William Leong yang mengumumkan meletak jawatan dari Biro Politik Keadilan baru-baru ini.

mendakwa rundingan dengan pemimpin Pas bukan dibuat atas kapasiti perbadi tetapi keputusan parti.

Bagaimanapun, Setiausaha Agung Keadilan Datuk Saifuddin Nasution menafikan parti pernah membuat keputusan itu.

Kawal media atas talian cemari semangat merdeka

KUALA LUMPUR: Hasrat kerajaan untuk mengawal kebebasan media atas talian melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM) menjadikan sambutan hari kemerdekaan tahun ini bagai tiada erti.

Ahli Parlimen Klang Charles Santiago berkata, adalah sukar untuk mempercayai jaminan menteri berkenaan bahawa tidak akan berlaku pencabulan terhadap kebebasan media jika cadangan itu dikuatkuasakan.

"Salleh patut tahu bahawa tidak ada sesiapa pun yang akan termakan dengan jaminannya itu. Dan pihak kerajaan perlu diberitahu berulang kali bahawa tidak ada ertinya kebebasan jika kebebasan media itu sendiri tidak

ada," katanya dalam satu kenyataan.

Menteri Komunikasi dan Multimedia Datuk Seri Salleh Keruak baru-baru ini mengumumkan cadangan kerajaan mewajibkan portal berita atas talian yang mempunyai jumlah pengunjung yang tinggi untuk berdaftar dengan kementerian.

Menurut Salleh, pihaknya akan mengadakan pertemuan dengan pengendali media atas talian sebelum mengambil sebarang keputusan bagi menyakinkan orang awam bahawa tidak berlaku sebarang tindakan pencabulan terhadap kebebasan media.

Mengulas lanjut, Charles berkata sambutan 31 Ogos akan

lebih bermakna jika semua rakyat Malaysia dapat merai dan merasai hak kebebasan yang dijamin setiap individu dalam sebuah masyarakat yang demokratik.

"Mengimbau semula pengalaman lepas, saya hanya nampak ruang demokrasi di negara ini semakin hari semakin hilang, di mana pemerintah elit berterusan menentukan bagaimana kita harus berfikir, hidup dan berkasih sayang.

"Pengalaman itu memberikan saya perasaan seolah-olah di-jajah semula oleh pihak penjajah yang menindas," ujar beliau.

DAP adakan pemilihan semula CEC Oktober ini

KUALA LUMPUR: DAP menunggu persetujuan Jabatan Pendaftaran Pertubuhan (RoS) selepas menetapkan pemilihan semula Jawatankuasa Tertinggi Pusat (CEC) parti pada 1 Oktober depan, kata Setiausaha Organisasi DAP, Anthony Loke.

"DAP hantar senarai nama calon dan penetapan tarikh pemilihan semula CEC kepada RoS seperti diminta.

"Setelah terima jawapan balas daripada RoS, DAP barulah adakan perancangan seterusnya," katanya kepada China Press.

Menurut Anthony, senarai nama calon yang diserahkan kepada RoS berdasarkan pemilihan 2012.

"Bagaimanapun, lebih 10 calon dikeluarkan daripada senarai tersebut kerana ada yang meninggalkan parti dan meninggal dunia," katanya.

Pada awal bulan lalu, RoS mengarahkan DAP mengadakan semula pemilihan CEC bagi membolehkan perwakilan memilih 20 anggota CEC yang sah dan diiktiraf.

Ketua Pengarah RoS, Datuk Mohammad Razin Abdullah berkata, ini kerana RoS mendapati pelantikan 20 anggota CEC dan pemegang jawatan utama parti itu, hasil pemilihan semula pada 29 September 2013 adalah tidak sah dari segi undang-undang.

'Mazhab elak 3 penjurur' burukkan imej PH



Datuk Dr Mujahid Yusuf Rawa

KUALA LUMPUR: Rakyat mahu ketegasan Pakatan Harapan (PH) dengan satu suara untuk menamatkan hayat politik BN seterusnya memberi peluang kepada politik baharu muncul bagi melenyapkan kebimbangan pengundi terhadap pertandingan tiga penjurur pada pilihan raya umum (PRU) akan datang.

Naib Presiden AMANAH Datuk Dr Mujahid Yusuf Rawa berkata, keputusan Majlis Presiden PH untuk tidak menjalinkan kerjasama dengan Pas amat dialu-alukan.

Sehubungan itu, beliau menggesa kewujudan 'kartel' dalam parti gabungan PH iaitu Keadilan dibendung dan PH tidak diheret dalam persaingan dalaman parti itu.

"Tiada siapa yang menghalang mana-mana parti komponen secara individu berhubung dengan mana-mana pihak namun jika ada kesan kepada organisasi parti PH, parti komponen lain berhak menimbulkan soalan khususnya tentang masa depan PH.

"Hubungan selektif Pas-PKR (Keadilan) menimbulkan kebimbangan kepada parti komponen dan para pendokong PH. Ini memandangkan alasan (Timbalan Presiden Keadilan) Datuk Seri Mohamed Azmin Ali ialah mahu mengelak pertembungan tiga penjurur. Demikian alasan kelompok PKR yang bersetuju dengan Azmin.

"Nampaknya ia alasan yang kelihatan penuh skema, namun keperluan memutuskan sikap

berdolak-dalik Pas adalah sebahagian daripada jawapan kepada 3 penjurur," katanya.

Menurut Dr Mujahid, ketegasan PH untuk tidak menjalinkan hubungan dengan Pas memungkinkan parti itu terus tersisih dari kerangka gabungan pembangkang dan pengundi dapat membuat keputusan lebih mudah.

Justeru ujarnya, pemimpin Pas juga perlu membuat keputusan secara tegas sama ada mahu menyertai pilihan raya umum secara bersendirian atau menjalinkan kerjasama dengan Umno.

"Itu masalah Pas yang akan dinilai oleh pengundi nanti. Melayan sikap Pas hanya mengukuhkan persepsi PH lemah dan berpecah. Itu yang Umno mahu.

"Kelibat 'mazhab elak 3 penjurur'

sering mengganggu ketegasan yang dituntut oleh rakyat dan usaha sebilangan besar komponen PH. Ya! Tiga penjurur menghantui kita tetapi kita juga ada ruang masa untuk memberi penjelasan dan perkembangan baru dapat menampung kehilangan pengaruh Pas.

"Tiga penjurur adalah realiti yang mampu ditangani dengan ketegasan PH menolak perangai flip-flop Pas dalam melawan Umno/BN," tegasnya.

Dr Mujahid menambah, selain kecewa dengan Pas ramai yang turut kecewa dengan sikap sesetengah pemimpin Keadilan yang masih mahu berunding dengan Pas bagi mengelak pertandingan tiga penjurur walaupun parti itu tidak menunjukkan kesungguhan untuk menewaskan

kerajaan kleptokrasi BN.

Ahli Parlimen Parit Buntar itu menambah, kepelikan sikap Pas dalam isu 1MDB dan hubungan 'gelap' parti itu dengan Umno menyebabkan ia mendapat jolokan 'makan keliling' oleh Ahli Parlimen Pas Pokok Sena Datuk Mahfuz Omar.

Sehubungan itu, beliau yakin tanggapan negatif terhadap PH akan berleluasa jika hubungan selektif Keadilan dan Pas berterusan.

"AMANAH menerima isu keterlibatan Pas dalam Kerajaan Negeri Selangor dengan dada terbuka tetapi ini bukan bermakna 'mazhab elak tiga penjurur' mewajarkan tindakan 'ambil kesempatan' suasana ke atas survival PH di mata pengundi seluruh negara," ujarnya.

PH mampu tawan tiga kerusi parlimen BN di Johor

KUALA LUMPUR: Ketua Parlimen DAP Lim Kit Siang tidak menolak kemungkinan Umno-BN akan kehilangan tiga kerusi parlimen di Johor dalam pilihan raya umum (PRU) akan datang.

Menurut beliau, berpandukan pola pengundian PRU tahun 2004, 2008 dan 2013, majoriti selesa Umno di tiga kerusi Parlimen iaitu Tebrau, Pasir Gudang dan Johor Bahru semakin menyusut.

"Jika trend sebegini terus berlaku, kita tidak boleh menolak kemungkinan Umno-BN akan kehilangan sekurang-kurangnya dua atau ketiga-tiga kerusi parlimen di Johor Bahru.

"Ini bermakna Umno-BN boleh kehilangan

parlimen Johor Bahru yang merupakan satu-satunya kerusi tunggal mereka dalam PRU14 akan datang sama ada tahun ini atau tahun hadapan," katanya.

Beliau menambah, jika Umno tewas di kawasan tersebut kenyataan Presiden Umno Datuk Seri Najib Razak sebelum ini kononnya kemenangan parti itu di beberapa kawasan bandar di Johor sebagai bukti penerimaan orang bandar kepada Umno adalah meleset sama sekali.

Pada PRU 2004, BN memperoleh majoriti 26,011 undi di Parlimen Tebrau dan angka itu menurun kepada 14,851 undi dalam PRU

2008 manakala kedudukan BN dilihat semakin goyah pada 2013 apabila hanya berjaya mempertahankan 1,767 undi.

Bagi kerusi Parlimen Pasir Gudang, BN mendapat 31,121 majoriti dalam PRU 2004. Pada 2008, majoriti yang diperolehi BN menurun kepada 17,281 undi manakala pada PRU13, BN hanya berjaya bertahan dengan majoriti 935 undi.

Di Parlimen Johor Bahru, majoriti 46,791 undi yang diperolehi Tan Sri Shahrir Abdul Samad yang mewakili BN dalam PRU 2004 berkurang mendadak pada PRU 2008 dengan hanya mendapat 25,349 undi. Jumlah itu

semakin merosot dalam PRU 2013 apabila BN hanya memperoleh 10,495 undi.

"DAP berminat untuk bertanding di salah satu kerusi di kawasan ini ñ meskipun ianya kerusi paling sukar dimenangi di Johor Bahru.

"Keputusan sama ada DAP akan bertanding di salah satu kerusi daripada tiga kerusi tersebut, bagaimana pun akan diputuskan oleh kepimpinan Pakatan Harapan," jelasnya.

Dalam PRU lalu, Kit Siang meranapkan kubu BN Johor apabila berhijrah dari kerusi Ipoh Timur ke Gelang Patah dan menewaskan bekas Menteri Besar Johor Datuk Abdul Ghani Othman dengan majoriti 14,762 undi.

Persaingan 3 penjurur jejakkan BN, Pas

KUALA LUMPUR: Pertarungan 3 penjurur antara Pakatan Harapan (PH), BN dan Pas dalam pilihan raya umum (PRU) ke-14 akan memberi kesan buruk kepada BN, dengan Pas bakal mengalami nasib paling buruk, kata Pengerusi DAP Johor Liew Chin Tong.

Menurut Ahli Parlimen Kluang itu, para pengundi yang menyokong Umno pada PRU lalu kini beralih kepada PH kerana tidak bersetuju dengan parti itu dan juga Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak.

"Ada juga yang mengundi Pas dalam pilihan raya lalu beralih kepada PH kerana tidak bersetuju dengan idea Pas bekerjasama dengan Umno apabila pemimpinnya Najib dibebani dengan skandal terburuk negara," kata beliau merujuk skandal mega 1MDB.

Beliau juga memetik faktor ekonomi seperti pelaksanaan cukai barang dan perkhidmatan (GST), nilai ringgit yang susut dan pemansuhan subsidi memberi kesan kepada rakyat Malaysia dalam pilihan mereka di peti undi.

Dalam kenyataan yang dikeluarkan selepas ucapannya pada bengkel pilihan raya DAP Johor di Batu Pahat, Chin Tong berkata, tanggapan bahawa persaingan 3 penjurur akan memberi manfaat kepada Umno dan BN hanya satu tanggapan semata-mata.

Beliau berkata persaingan sedemikian akan memberi manfaat kepada BN dan Pas sekiranya PH lemah dan tidak ada sasaran.

"Tetapi PH adalah kerajaan alternatif yang kuat dan menarik bagi mereka yang menentang pemerintahan kleptokrat Najib dan mereka yang ingin melihat permulaan baharu untuk Malaysia.

"Kedua-dua Umno dan Pas hanya akan ditinggalkan dengan penyokong mereka yang paling tegar, manakala yang lain beralih kepada PH," ujarnya.

Beliau bagaimanapun menggesa PH memberi penerangan kepada pengundi untuk membezakannya daripada Umno yang diketuai Najib dan Pas.

Beliau berkata adalah perlu untuk menjelaskan bahawa mengundi Pas bererti mengundi Najib.

Chin Tong juga berkata, Najib dan isu 1MDB telah menyebabkan perpecahan dalam Umno yang mengakibatkan pemecatan Tan Sri Muhyiddin Yassin dan Datuk Seri Shafie Apdal dari Kabinet pada Julai 2015.

Muhyiddin kemudiannya membantu membentuk PPBM manakala Shafie menubuhkan Parti Warisan Sabah untuk mencabar BN.

Kembalikan Felda ke landasan yang betul

KUALA LUMPUR: Presiden Persatuan Anak Peneroka Felda Kebangsaan (Anak) mahu Felda kembali ke landasan yang betul sebagaimana gagasan yang pernah digariskan bekas Perdana Menteri Allahyarham Tun Abdul Razak.

Pengerusinya Mazlan Aliman dalam perutusan kemerdekaan berkata, Felda yang diwujudkan pada 1956 dengan matlamat menyusun semula masyarakat dan membasmi kemiskinan kini mempunyai 112,635 orang peneroka di 317 tanah rancangan Felda dengan 95% daripadanya orang Melayu.

Kata beliau, cabaran besar yang digalas Allahyarham Tun Abdul Razak adalah untuk menempatkan masyarakat luar bandar yang ketinggalan dalam segenap segi kepada rancangan tanah tersusun seperti Felda.

"Kita saksikan kejayaan Felda pernah menjadi kebanggaan kita dan model di seluruh dunia.

"Apa yang menjadi kekusaran di ketika ini, Felda mengharungi cabaran dan

detik sukarnya ekor kesilapan besar bukan sahaja dengan penyenaian FGV dalam Bursa Malaysia pada 2012 tetapi apabila Felda diterajui di kalangan mereka yang tidak beramanah yang mempunyai percaturan dan rakus untuk mengambil segala manfaat daripada Felda," ujarnya.

Dalam perutusan video berdurasi 4 minit itu, Mazlan berkata menjadi tanggung jawab bersama rakyat negara ini untuk menangani situasi kritikal yang berlaku di Felda.

"Kita perlu bersama menyelamatkan dan memulihkan Felda sama ada berkaitan dengan sumber pendapatan peneroka, pembangunan anak-anak syarikat dan yang lebih penting perubahan untuk mengembalikan Felda di landasan yang betul," tegasnya.

Beliau turut menyarankan generasi muda Felda yang menjadi kelompok majoriti hari ini mengambil peranan sepatutnya untuk membawa Felda ke arah kecemerlangan.

Sokongan Najib pada Rohingya separuh hati

KUALA LUMPUR: Ketua Biro Antarabangsa AMANAH Raja Kamarul Bahrin Shah mempersoal keprihatinan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak terhadap nasib umat Islam Rohingya walaupun pada akhir tahun lalu menganjurkan Himpunan Solidariti Untuk Rohingya bersama Pas di Stadium Titiwangsa.

Sehubungan itu beliau menyarankan Najib agar menolak jemputan Presiden Amerika Syarikat (AS) Donald Trump ke Rumah Putih 12 September ini dan sebaliknya menyertai Pope Francis melawat Myanmar dan Bangladesh bagi meninjau etnik Islam Rohingya.

"Malangnya Najib lebih



Raja Kamarul Bahrin Shah

berminat untuk ke Amerika berjumpa Presiden Trump yang terkenal dengan sikap perkauman dan anti Islamnya.

"Di manakah keprihatinan

Najib terhadap penderitaan umat Islam di negara jiran kita di Myanmar? Isteri Presiden Turki yang datang dari benua Europah pun pernah menyertai rombongan kapal bantuan untuk Rohingnya.

"Adakah (Datik Seri) Rosmah Mansor, isteri Najib berminat berbuat demikian walaupun beliau pernah terbang menggunakan jet kerajaan untuk hanya menerima piala anugerah di Turki tahun lepas?" soalnya.

Ahli Parlimen Kuala Terengganu itu berkata, alasan pentadbiran Najib bahawa Malaysia menghormati dasar tidak masuk campur hal ehwal dalam negara anggota Asean

adalah tidak masuk akal apabila pembunuhan beramai-ramai etnik Rohingya berterusan di Myanmar.

"CENTHRA iaitu Pusat Penyelidikan Hak Asasi Manusia Antarabangsa mendesak polisi tidak masuk campur tangan Asean ini tidak terpakai dalam isu tragedi pembunuhan beramai-ramai Myanmar," katanya.

Serangan terbaharu oleh tentera Myanmar ke atas komuniti Rohingya menjelang sambutan Aidiladha menyebabkan berpuluh ribu etnik Rohingnya melarikan diri ke sempadan Bangladesh namun mereka telah dihalang memasuki negara tersebut.

Keadilan komited kukuhkan PH

PRESIDEN Keadilan Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail dalam kenyataan ringkasnya menjelaskan, Biro Politik Keadilan yang mengadakan mesyuarat minggunanya 29 Ogos lalu membuat ketetapan bahawa parti itu komited kepada usaha mengukuhkan Pakatan Harapan (PH) serta menyusun strategi untuk menewaskan Umno-BN pada pilihan raya umum (PRU) akan datang.

Isa susulan kenyataan yang dibuat Naib Presiden parti itu Rafizi Ramli yang kesal dengan tindakan beberapa anggota Biro Politik yang seringkali mengubah keputusan dicapai khususnya dalam isu kerjasama dengan Pas sehingga menimbulkan kekeliruan anggota parti.

Sebelum itu, Majlis Presiden PH yang dianggotai Keadilan, DAP, AMANAH dan PPBM mengambil pendirian tidak akan bekerjasama dengan Pas dalam PRU14 dan bersedia menghadapi pertandingan tiga penjur.

PH digesa selalu ingatkan Keadilan

PAKATAN Harapan (PH) Selangor perlu mengingatkan Pengerusi PH negeri yang juga Menteri Besar Selangor Datuk Seri Mohd Azmin Ali bahawa PH tidak bertolak ansur dengan sebarang rundingan kerusi dengan Pas di negeri itu.

"Walaupun ia adalah hak Keadilan untuk meneruskan hubungan dengan bekas sekutunya, tetapi ia menjadi hak parti-parti dalam gabungan PH untuk menolak cadangan Keadilan, jika wujud, untuk PH bekerjasama dengan Pas pada PRU14 akan datang," ujar Ahli Parlimen Segambut Lim Lip Eng, 28 Ogos lalu.

Lip Eng mengulas kesediaan Azmin yang juga Timbalan Presiden Keadilan untuk mengadakan 'perbincangan tidak rasmi' dengan Pas secara persendirian dan tidak melibatkan PH.

Azmin sebelum ini mendakwa rundingan yang diusahakan beliau dengan Pas mendapat mandat parti, selepas timbul spekulasi Keadilan cuba mengadakan perjanjian berasingan dengan Pas bagi memastikan pertandingan satu lawan satu menentang BN pada pilihan raya umum akan datang.

BN tewas lapan negeri jika pembangkang gabung

KAJI selidik dijalankan Institut Darul Ehsan (IDE) mendapati BN akan tewas di peringkat Persekutuan dan kehilangan lapan negeri jika parti pembangkang bekerjasama mewujudkan pertembungan satu lawan satu menentang BN di semua kerusi Parlimen dan Dewan Undangan Negeri (Dun).

"Apa yang nak saya tonjolkan berdasarkan survei kita adalah apa akan berlaku sekiranya gabungan pakatan pembangkang kekal.

"Rakyat dibahagi dua, satu pakatan pembangkang dan satu lagi BN dan ini hasilnya Pakatan (PH) campur Pas, tak kiralah apapun namanya, mendapat 59 peratus undi termasuk lapan negeri jatuh ke tangan pembangkang," kata Timbalan Pengerusi Institut Darul Ehsan (IDE), Prof Datuk Dr Mohammad Redzuan Othman.

Beliau berkata demikian pada sidang media Survei Malaysia 2017, #MoodRakyat n Kajian Trend Masyarakat Malaysia Dalam Isu Semasa di Auditorium IDE, Bangunan IDE di Shah Alam, 28 Ogos lalu.

Keadilan rai perbezaan pendapat, kata Hanipa

KUALA LUMPUR: Ahli Parlimen Sepang Mohamed Hanipa Maidin menyambut baik pendirian Naib Presiden Keadilan Rafizi Ramli bahawa perbezaan pendapat bukan satu masalah bagi parti itu.

"Sahabat baik saya YB Rafizi dilaporkan media (berkata) bahawa perbezaan pendapat dalam PKR (Keadilan) bukan satu masalah.

"Saya harus puji PKR dalam hal ini. Meskipun PKR tidak 'claim' sebagai parti Islam seperti ada sebuah parti yang 'claim' sebegitu, namun tradisi mereka meraikan perbezaan pendapat saya akui lebih dekat

dengan tradisi Islam seperti mana contohnya yang ditunjukkan oleh imam-imam mazhab.

"Dalam parti yang akui parti Islam, tradisi Islam yang raikan kepelbagaian seolah-olah tak wujud," ujar Ketua Biro Undang-undang (Kanun) AMANAH Nasional itu dalam status di facebooknya.

Rafizi dalam satu kenyataan baru-baru ini berkata, berbeza pendapat tidak dilihat sebagai satu masalah dalam Keadilan dan kebebasan itu membezakan parti reformasi itu dengan Umno dan Pas.

Ahli Parlimen Pandan itu diminta menjelaskan perbalahannya dengan Timbalan Presiden Keadilan Datuk Seri Mohamed Azmin Ali berhubung usaha rundingan PKR dengan Pas bagi mengelakkan pertandingan tiga penjur.

Tambah Hanipa lagi Penasihat Umum Keadilan Datuk Seri Anwar Ibrahim ialah pencetus kepada sikap dan tindakan ahli partinya.

"Tahniah DSAI (Anwar), anda tidak didik pemimpin dan ahli parti anda rasa seseorang itu lebih suci daripada orang lain," ujarnya.

Saya maafkan Tipah, kata Rafizi

KUALA LUMPUR: Naib Presiden Keadilan Rafizi Ramli mengambil sikap berlapang dada dengan tuduhan Ahli Majlis Pimpinan Pusat Keadilan Latheefa Koya bahawa beliau seorang ejen Umno atau 'Ponorogo'.

Latheefa yang juga peguam Datuk Seri Anwar Ibrahim tidak berpuas hati dengan gesaan Rafizi supaya kongres khas diadakan bagi menentukan hala tuju hubungan Keadilan dengan Pas dan membidas Ahli Parlimen Pandan itu sebagai 'barah' kepada pembangkang.

"Mengenai tuduhan saya ialah seorang ejen Umno dan rujukan kepada 'Ponorogo' seperti yang dituduh oleh Saudari Latheefa Koya, kempen mengaitkan saya sebagai ejen Umno bukanlah satu perkara yang baru.

"Saya sedia maklum sejak lebih setahun yang lepas ada cerita yang dibawa kononnya saya telah dibeli oleh Umno (melalui Datuk Seri Zahid Hamidi yang digelar 'Ponorogo') untuk menghancurkan Keadilan dari dalam sebagai pertukaran kepada tidak ke penjara (kerana saya ada banyak kes di mahkamah).

"Saya berlapang dada dan tidak akan menjawab tuduhan-tuduhan itu kerana kita kesuntukan masa. Masa dan tenaga saya lebih baik ditumpukan kepada membina kempen di kerusi-kerusi marginal yang dibantu Invoke dengan turun ke bawah berkempen setiap minggu," ujarnya dalam satu kenyataan.

Rafizi bagaimanapun menegaskan tidak pernah berjumpa dengan mana-mana menteri atau pemimpin Umno-BN terutama Zahid.

"Saya hanya bertemu Datuk Seri Zahid sekali sahaja di mahkamah dalam tahun 2012 untuk menyelesaikan kes saman beliau terhadap saya.

"Saya mengisytiharkan harta setiap tahun secara berkanun dan saya yakin rakyat tahu saya tidaklah ada kekayaan yang disyaki hasil dari sogokan.

"Saya memaafkan Saudari Latheefa Koya dan semua yang membuat pelbagai tuduhan terhadap saya," katanya.

Walaupun menyedari pandangan politik

selalunya dipenuhi emosi, namun beliau mengingatkan bahawa para pemimpin Keadilan mempunyai niat yang sama iaitu untuk menewaskan Datuk Seri Najib Razak dan BN.

Rafizi turut mengingatkan sesetengah pihak yang berasa kedudukan politik mereka terancam bahawa beliau telah dijatuhkan hukuman penjara dan besar kemungkinan dihalang dari bergiat di dalam politik untuk satu tempoh melebihi 7 tahun.

"Saya tidak pasti sama ada saya akan kekal di dalam politik selepas saya menjalani hukuman (jika rayuan ditolak) kerana saya tidak boleh membaca masa depan. Oleh itu, saya tidak sewajarnya dilihat sebagai satu ancaman politik kepada rakan-rakan; sekadar seorang yang sudah terbiasa bersuara apabila saya berbeza pendapat," ujarnya.

Justeru beliau mengajak semua ahli Keadilan dan Pakatan Harapan (PH) untuk menumpukan tenaga dan masa kepada usaha menumpaskan Umno-BN selaras dengan keputusan Majlis Presiden PH.

Majlis sah



Menurunkan haiwan korban daripada lori di majlis korban AMANAH Cawangan Seksyen 18, Shah Alam



Ahli Jawatankuasa AMANAH Nasional Wan Aishah Wan Ariffin bersama suami (tengah) bergambar bersama Timbalan Ketua AMANAH Kawasan Batu Tarmizi Mohd Jam selepas menunaikan solat sunat Aidiladha di Madrasah Tarbiah Kg Banda Dalam.



Bergotong royong melapah dan memotong daging di majlis korban AMANAH Cawangan Seksyen 18, Shah Alam.



Timbalan Pengerusi AMANAH Negeri Sembilan Mohd Taufek Abdul Ghani (kiri) mengedarkan daging korban kepada keluarga asnaf di sekitar Paroi.



Aktivis AMANAH Kawasan Rompin berkonvoi mengedarkan daging korban kepada golongan asnaf di kampung pedalaman.



Majlis korban anjuran AMANAH Seremban berlangsung di Surau Kampung Tengah, Lenggeng.

Majlis korban AMANAH bantu golongan asnaf



Majlis korban anjuran AMANAH Hulu Langat dan AMANAH Dun Dusun Tua di Kg Pajam Beranang dan Kg Sg Lui Hulu Langat berlangsung meriah. Turut hadir Naib Presiden AMANAH Ustaz Hasanuddin Mohd Yunos dan Ketua Pemuda AMANAH Mohd Sany Hamzan.



Bekas calon AMANAH PRK Kuala Kangsar Dr Termizi Ramli membantu melapah haiwan korban di Kg. Ulu Piol. Majlis yang sama berlangsung di Kg. Menora diikuti jamuan rakyat bersama penduduk.



Program Korban dan Kenduri Rakyat Pakatan Harapan Parlimen Subang berlangsung di Paya Jaras.



Program ibadah korban AMANAH Rompin dihadiri penduduk kampung yang turut bergotong royong membungkus daging korban.

Pemuda AMANAH harap IGP baharu **siasat 1MDB**

Kelolaan **ARIF ATAN**

PEMUDA AMANAH Nasional mengucapkan jutaan tahniah kepada Datuk Seri Mohamad Fuzi Harun yang dilantik sebagai Ketua Polis Negara yang baharu.

Ketuanya, Mohd Sany Hamzan berkata, Fuzi yang sebelum ini memegang jawatan Pengarah Cawangan Khas Bukit Aman dilantik menggantikan Tan Sri Khalid Abu Bakar yang bersara wajib.

Menurutnya, perlantikan Ketua Polis Negara yang baharu diharap dapat memberikan sinar baharu terhadap perkembangan kes 1 Malaysia Development Berhad (1MDB).

Ujar beliau, skandal besar melibatkan dunia itu sebelum ini seolah 'disucikan' dan dilepaskan biarpun pelbagai pihak sama ada dalam dan luar negara mendesak siasatan secara adil dan menyeluruh dijalankan terhadap 1MDB.

"Bukti skandal melibatkan wang negara ini telah didedahkan oleh banyak negara dan menjadi buah mulut seluruh dunia menyebabkan Malaysia dipandang hina.

"Ini termasuklah pendedahan Jabatan Keadilan Amerika Syarikat (DOJ) apabila skandal



ini melibatkan negara itu," katanya dalam satu kenyataan.

Sany menjelaskan, pendedahan dan dakwaan

yang telah dilakukan oleh banyak negara termasuklah Amerika Syarikat dan Singapura membuktikan skandal tersebut benar-benar wujud dan ia

melibatkan Perdana Menteri Malaysia, Dato' Seri Najib Tun Razak.

Katanya, adalah menjadi tugas pihak polis menyiasat secara telus biarpun yang disyaki terbabit itu adalah perdana menteri itu sendiri.

"Individu-individu yang terlibat dalam skandal mega ini termasuklah Jho Low dan Riza Aziz masih bermaharaja biarpun pelbagai bukti yang didedahkan secara terperinci.

"Individu-individu ini seolah-olah kebal dan tidak mampu didakwa oleh pihak berkuasa negara," tegasnya.

Kata beliau, Ketua Polis Negara yang merupakan jawatan kanan di dalam negara ini sudah pasti mempunyai kuasa untuk mengeluarkan arahan dan kertas siasatan bagi mendakwa individu-individu yang terlibat dalam skandal 1MDB ini.

"Kami berharap agar Mohamad Fuzi bersama dengan aspirasi rakyat Malaysia yang mahukan individu dan pihak yang tidak bertanggungjawab menjerah harta negara ini didakwa seadilnya!," jelasnya lagi.

'Kita pakat-pakat baiki'

RAKYAT di Kelantan terutama golongan muda diajak untuk bersama-sama menjadikan negeri itu muncul lebih baik dan sejahtera pada masa hadapan.

Ketua Pemuda AMANAH Kelantan, Hazmi Hassan berpendapat pelbagai kepincangan berlaku di negeri tersebut yang menuntut usaha kepada perubahan daripada menjadi bertambah parah.

"Kerosakan yang ada di negeri kita (Kelantan) ini, kita pakat-pakat baiki. Negeri kita ini pada pandangan saya sudah punah.

"Kalau barang punah boleh dibaiki tetapi kalau seperti tikus membaiki labu tak boleh pergi mana," bidasnya pada program Aidiladha AMANAH Kelantan di Cabang Empat, Kota Bharu pada 1 September lalu.

Turut hadir Naib Presiden AMANAH, Datuk Husam Musa merangkap Penasihat AMANAH Kelantan dan Pengerusi



Hazmi Hassan

AMANAH Kelantan, Datuk Wan Abdul Rahim Wan Abdullah.

Sehubungan itu, Hazmi berkata, satu gagasan menyuburkan kembali prinsip perjuangan bekas Menteri Besar Kelantan, Almarhum Tuan Guru Nik Aziz dilancarkan baru-baru ini bagi memulihkan kepincangan yang berlaku di negeri tersebut pada masa ini.

"Negeri kita sudah cukup baik tapi pentadbirannya tidak begitu. Sebab itu, Pemuda AMANAH Kelantan membawa satu gerakan Restorasi Kelantan 1990.

"Kita membawa kembali Kelantan kepada pentadbiran yang telah dirintis Almarhum Tuan Guru Nik Aziz," tegasnya lagi.

Almarhum Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat dengan jawatan terakhirnya sebagai Mursyidul Am Pas meninggal dunia pada 12 Februari 2015 dalam usianya mencecah 84 tahun.

Bekas Ahli Dewan Undangan Negeri (Dun) Chempaka yang dikenali hidup sangat sederhana di rumah kayu binaan kampung itu bergelar Menteri Besar Kelantan selama 23 tahun sejak 1990.

Pada penggal awal pentadbirannya, beliau yang turut disenangi masyarakat bukan Islam diuji dengan pelbagai kesulitan, tekanan bahkan serangan daripada semua pihak.

Sekilas Kata...

DIPANDU WARKAH...

"Jangan mengata parti orang dipandu warkah dari penjara. Bu-



kankah parti tuan (Pas) pernah dipimpin warkah dari IJN (Institut Jantung Negara)? Cakap siang pandang-pandang."

HASBI MUDA
Ketua Pemuda AMANAH Negeri Terengganu

UNDI PAS BERMAKNA UNDI UMNO?...

"Undi HARAPAN bermakna undi DAP. Memanglah begitu sebab



DAP adalah komponen HARAPAN. Yang bimbangnya takut undi Pas seperti membantu Umno untuk kekal berkuasa. Musuh yang jelas tidak mengapa, tapi musuh yang berse-

lindung itu bahaya. Akhir kata, undi Pas

FITNAH..."

"Fitnah yang tular di media sosial tentang Datuk Azmin Ali bukannya calon Menteri Besar



selepas PRU-14 (Pilihan Raya Umum ke-14) bertujuan untuk mengganggu muafakat yang semakin utuh di kalangan parti-parti Pakatan Harapan khususnya di negeri Selangor."

RAMADHAN LOTHPI
Pengarah Komunikasi Pemuda AMANAH Negeri Selangor

PENINDASAN dan kezaliman terhadap etnik Rohingya di Arakan, Myanmar tidak berkesudahan. Kini pihak berkuasa Myanmar sedang melancarkan serangan secara tidak bertamadun kepada etnik tersebut. Mereka disiksa, dirogol, hantar dibunuh serta dibakar hidup-hidup tanpa rasa bersalah.

Atas dasar kemanusiaan, suasana ini menuntut kepada kita untuk membantu mereka mengikut kemampuan yang Allah nikmatkan kepada kita khususnya di Malaysia ini.

Oleh yang demikian, Pemuda AMANAH Nasional dengan kerjasama Biro Kebajikan Kemanusiaan dan Bencana Alam AMANAH melancarkan Tabung Peduli Untukmu Rohingya sebagai ruang dan peluang kepada seluruh masyarakat menyumbang bagi mengurangkan beban yang ditanggung.

HARAPAN

TABUNG PEDULI
Untukmu
ROHINGYA

5628 3464 1808

TABUNG KEBAJIKAN PEMUDA AMANAH

Umat Islam Rohingya sedang dizalimi,
dibunuh, disiksa oleh penguasa Myanmar.
Mereka sangat memerlukan bantuan

BERSAMA KAMI
MEMBANTU MEREKA

SEBARANG PERTANYAAN: ☎ 016 2017251 (HAZIQ)

ANJURAN: PEMUDA AMANAH NASIONAL
DAN BIRO KEBAJIKAN KEMANUSIAAN & BENCANA ALAM AMANAH

iPad percuma tetapi yuran mahal?

Kelolaan **ARIF ATAN**

MULAI sesi akademik 2014/2015, pihak Universiti Malaysia Kelantan (UMK) dicanangkan mendahului Universiti Awam (UA) apabila menyediakan kemudahan iPad kepada pelajaranya.

Naib Canselor UMK ketika itu, Prof Dr Raduan Che Rose dilapor berkata, pemberian peranti tersebut selari dengan konsep pembelajaran terkini serta sebagai pemudahcara pembelajaran dan pengajaran (P&P) di dalam kuliah pelajar.



Namun, rata-rata mahasiswanya pada masa ini mempersoal sama ada pemberian komputer tablet skrin sesentuh yang dikatakan percuma itu turut mempengaruhi yuran pengajian mahal yang mereka tanggung.

Aktivis mahasiswa Rahman Imuda berkata, walaupun iPad itu diberi percuma seperti didakwa tetapi kadar yuran yang dikenakan

terhadap pelajar UMK dianggap tidak masuk akal sebagai sebuah UA.

"Anehnya, yuran UMK menjadi yuran termahal di Malaysia (bagi Universiti Awam) bermula dari generasi iPad (2014).

"Memanglah iPad dikatakan percuma tapi hakikatnya yuran pendaftaran mencecah RM3,455, yuran per semester RM2,130 dan terbaru yuran Latihan Industri (LI) lebih RM1,300," dedahnya.

Beliau memberitahu, Parlimen Mahasiswa UMK yang merupakan program kerjasama Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) sesi 2015/2016 dan Kelab Debat dan Pidato pada ketika itu pernah mengemukakan usul menggesa

supaya yuran diturunkan ekoran peningkatan terlalu tinggi bayaran itu bermula sesi 2014/2015.

"Usul telah diterima oleh semua perwakilan tanpa seorang pun membantah. Dewan yang 'mulia' itu terdiri daripada MPP dan wakil pemimpin mahasiswa.

"Secara umumnya, ia menjadi simbolik semua mahasiswa mahu yuran UMK diturunkan kerana tekanan kewangan yang semakin menghimpit. Tiba-tiba yuran LI pula melonjak?" soalnya dipetik dari status Facebook beliau, 5 September lalu.

Mengulas pemberian iPad kepada mahasiswa, bekas pimpinan MPP universiti itu berpendapat hal

tersebut tidak pernah relevan memandangkan banyak lagi pendekatan bagi mencapai hasrat untuk mendigitalkan pembelajaran.

Pengalaman tiga tahun menuntut, jelasnya, melihat fungsi iPad dalam pembelajaran tidak kritikal apabila pelajar diminta menghasilkan video menggunakan iPad pada tahun pertama pengajian

"Selepas itu, cuma akses kepada aplikasi pembelajaran yang digunakan. Semua ini boleh dilakukan di komputer. Lebih baik berikan netbook atau laptop," ujarnya dan menganggap urusan jual beli iPad itu pasti akan menguntungkan pihak tertentu.

Sepintas

Graduan lebur RM5,000

Selepas tiga bulan membuat bayaran RM5,000 kononnya bagi proses permohonan pekerjaan, visa bekerja di luar negara dan caj perkhidmatan, individu yang menipu sebagai ejen perkerjaan di luar negara gagal dihubungi.

Graduan lepanan universiti tempatan yang mahu dikenali sebagai Wan, 24, dilapor berkata, ejen itu yang dipanggil sebagai Ezmir memaklumkan gaji sebagai buruh seperti di Australia dan New Zealand adalah lumayan sehingga mencecah AS\$2,000 (RM8,545) sebulan.

Sehubungan itu, beliau mengingatkan orang ramai termasuk graduan tidak terlalu mempercayai tawaran pekerjaan di luar negara sebelum mendapatkan maklumat lengkap.

"Sebaik-baiknya, siasat betul-betul tawaran berkenaan dan jangan terlalu gelojoh nak cari kerja, akhirnya kena tipu," kata Wan lagi yang sebelum itu meminjam sejumlah wang tersebut daripada keluarganya.

Tribunal beri peringatan

Masyarakat antarabangsa perlu mendesak Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) menubuhkan satu tribunal atau mahkamah khas bagi menyalahkan kezaliman yang menimpa etnik Rohingya serta masyarakat minoriti di Myanmar.

Pensyarah Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Dr Muzaffar Shah Mallow berkata, PBB harus mengadakan mesyuarat tergempar membincangkan isu terbabit bagi menyalahkan segala jenayah yang berlaku dan mengheret mereka yang bersalah ke mahkamah.

Menurutnya dipetik dari artikel beliau baru-baru ini, penubuhan tribunal atau mahkamah khas perlu dianggap satu keutamaan mendesak bagi membuka mata dunia terhadap nasib buruk yang menimpa mangsa penindasan tersebut.

Pada masa sama, jelas Dr Muzaffar lagi, langkah tersebut memberi peringatan kepada semua negara

untuk tidak melakukan tindakan di luar batas kemanusiaan terhadap mana-mana golongan.

Sains bukannya matlamat

Sains dan teknologi yang diterima oleh Islam dilihat sebagai alat bukannya matlamat, kata Dekan Institut Antarabangsa Tamadun Islam dan Dunia Melayu, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Prof Datuk Dr Sidek Baba.

Menurutnya, sains dan teknologi sebenarnya adalah untuk membawa kesejahteraan kepada manusia tetapi boleh disalahgunakan sehingga memusnahkan manusia dan alam.

"Al-Quran memberikan fokus kepada pembangunan rijal (man) sekukuhnya tidak sahaja dalam pembangunan pemikiran dan ilmu tetapi juga pembangunan diri.

"Sikap amanah, adil, jujur dan bijaksana hanya mampu dibina sekiranya manusia menghubungkan dirinya dengan Pencipta," jelasnya dipetik dari tulisan beliau minggu lalu.

Syor Bajet 2018 dibanjiri suara mahasiswa

Laman web khas di <https://bajet2018.najibrazak.com> dibanjiri cadangan untuk Bajet 2018 berkaitan desakan mengurangkan yuran pengajian universiti dan menaikkan nilai Kad Debit Diskaun Siswa 1 Malaysia (KADS1M Debit).

Semakan akhbar mingguan Amanah pada 7 September lalu mendapati rata-rata orang awam membangkitkan isu tersebut dalam kategori Pendidikan yang merupakan antara 14 kelompok cadangan.

Sylvester Anthony berkata, pendidikan golongan muda yang bakal menjadi peneraju masa depan negara perlu diberi tumpuan bagi mengelak lebih ramai mereka yang berpotensi untuk berjaya terhenti di pertengahan jalan kerana tidak mampu untuk membayar yuran pengajian.

Menurut Aiman Shafiq pula, kenaikan yuran menjejaskan kewangan pelajar terutama kalangan yang tidak memperoleh biasiswa mahu pun pinjaman.

Sebaliknya, penguurangan yuran pengajian, jelas beliau, akan meringankan beban pelajar yang tidak berkemampuan terbabit sekaligus memupuk minat mereka untuk mendalami ilmu dengan lebih baik.

Sementara itu, Firdaus Adnan menyarankan agar nilai bantuan menerusi KADS1M Debit ditingkatkan kepada RM300.

"Kos sara hidup pelajar di IPT semakin meningkat dengan banyak barang keperluan yang perlu dibeli dan dibayar. Dengan kenaikan



sebanyak RM300 pelajar dapat menampung sedikit perbelanjaan di IPT," katanya.

Hal sama turut diperkatakan Razid Sakirin memandangkan harga buku yang perlu

dibeli mahasiswa mencecah ratusan ringgit hanya untuk satu atau dua subjek.

"Nilai sebanyak RM250 yang diterima sekarang ini rasa sudah tidak relevan. Disyor dinaikkan antara RM350 hingga RM500 dan diserahkan kepada mahasiswa dalam minggu pertama setiap semester bukannya di akhir semester seperti dilakukan pentadbiran universiti tertentu," ujar Razid lagi.

Kisah pelarian berabad lampau

SEMUA lelaki, wanita tua dan kanak-kanak diikat dan dicampak ke tanah sebelum dipijak dengan gajah sehingga mati selepas kerajaan Thai menawan Kota Gerisik.

Pada tahun 1786 itu juga Thai mengalahkan Patani manakala Sultan Muhammad yang tidak bersedia menyiapkan angkatan perang terbunuh akibat bedilan meriam.

Itu antara pengalaman pahit generasi lalu yang dirakamkan kembali dalam naskah *Gajah Putih di Bumi Geroda: Perang Melayu-Siam 1767-1842* ini.

Kebetulan pada ketika isu pelarian etnik Rohingya yang dizalimi pemerintah Myanmar mengusik nilai manusiawi, seramai 90,000 orang Patani pada lebih 200 tahun lalu melarikan



diri ke negeri-negeri Melayu termasuk Kedah. Buku dibidani Mohd Herman Roslan dan Fareq

Rizal ini turut dilengkapi senarai rujukan daripada sejarahwan tanah air seperti Buyong Adil dan Prof Abdullah Zakaria selain orientalis Barat tentunya.


Fakta berkaitan daripada jurnal, kertas kerja dan Latihan Ilmiah juga menjadi sandaran dalam buku terbitan Geroda Merah Resources ini.

Usaha pengarang memuatkan senarai sultan Kedah dan raja-raja Chakri serta kronologi peristiwa berkaitan

seawal tahun 1723 sehingga 1909 iaitu ketika Persetiaan Inggeris-Siam dimeterai dilihat membantu pemahaman pembaca.

Pengarang menganggap Perang Melayu-Siam sebagai pertempuran paling lama dan rencam menimpa bangsa Melayu di kawasan utara Semenanjung Tanah Melayu moden dari kurun ke-18 hingga ke-20.

Kehilangan Patani yang dimasukkan ke dalam Thailand merupakan kehilangan besar Kedah. Menelaah buku ini juga mengingatkan kita pentingnya aspek pertahanan tanah air diberi perhatian serius.



Ibrahim, lebih dari itu

Tapi dia lebih daripada itu dia mengamok sejak muda belia musnah semua patung-patung sembahang tinggal satu hanya, yang besar bersama kapak pemusnah Tanyalah dia siapa yang buat, katanya kalau dia boleh menjawab!

Berjenakakah dia? soal ketuhanan; pedulikan dia menghina seluruh bangsa ayah sendiri pun jadi musuhnya sebuah unggun api paling besar disediakan dan dia akan dicampak ke nyala api Tapi apakah dia peduli?

Keterpesonaan di dalam diri mencukupi, dan hanya pada Yang Esa unggun api sebesar apa pun pada Ibrahim bukanlah pencabar keyakinannya

Qulnaa yaanaaru kuunii bardan wasalaaman 'alaa Ibrahiim
Allah berfirman wahai api sejujulah dan sejahteralah Ibrahim

-ii-
Lihatlah perwatakannya belum remaja pun, ketika menengadahkan ke langit lihat bintang-bintang dia bertanya "Apakah ini Tuhanku?" Ah, ia hilang

Kemudian bulan, "apakah ini Tuhanku?" bulan pun hilang, dan matahari lebih besar

katanya "inilah Tuhanku"; tetapi matahari pun jatuh terbenam. Ah... *Innii wajjahtu wajhiya lillazii fataras samawaati wal-ardh* Ibrahim menghadapkan wajahnya kepada pencipta langit dan bumi

Juga al-Quran menceritakan Ibrahim meminta kepada Tuhan: Tunjukkan kepadaku bagaimana Engkau menghidupkan orang mati. "Apakah kamu tidak percaya?" tanya Tuhan *Qaala balaa walaakin liyatdma-enna qalbi* Bukan tidak percaya, jawab Ibrahim tetapi untuk mententeramkan hatiku

-iii-
Tetapi dia lebih daripada itu Membesar dengan ujian sejak belum remaja seperti semua orang lain berkeluarga, dia juga tetapi dia menunggu sehingga 80 lebih usia belum dikurniakan anak maka beristeri kedua dan hadapi segala kerenah cemburu wanita terpaksa menjauhkan isteri ke gurun sunyi dan tatkala menyambut kelahiran bayi si isteri sendirian mencari air ke sana berlari ke sini berlari - Sofa Marwah, Sofa Marwah dan akhirnya mengalir zamzam di bawah kaki si bayi yang menendang-nendang bumi

Kini setiap tahun kita menghayati kisah ini tatkala menunaikan fardhu Haji; dan kita mengenang peristiwa korban manusia Nabi Ibrahim menyembelih anaknya Ismail ketika menyambut Aidil-Adha setiap tahun Keterpesonaan di dalam dirinya Ibrahim sentiasa pasrah kepada Allah

2. Keterpesonaan Ibrahim dan Ismail

Pernahkah anda terfikir walau sekali untuk menyembelih leher anak sendiri Ya, memotong lehernya dengan pisau, seperti orang menyembelih lembu atau kambing? dan anda melakukannya bukan kerana marah atau benci atau dendam kesumat dan bukan kerana anda gila tetapi kerana keterpesonaan

Keterpesonaan kepada Tuhan Keterpesonaan darjat tertinggi Ibrahim dan Ismail ayah dan anak dua-dua bersama pasrah serah segalanya dan diri kepada Allah

Apabila Allah meminta demikian maka demikianlah

3. Luhur jiwa Ibrahim

Luhur jiwa Ibrahim saat menerima perintah itu tiada pun soal atau tanya walau yang diminta kasih satu-satunya dia ada; setelah berkurun penantian kini diminta serah, sembelih tak tanya pun mengapa dia terima saja pasrah



Agenda politik adalah beramanah pada rakyat

Oleh **ABU FIRDAUS**

TARIKH 16 September 1963 adalah penubuhan Malaysia. Tetapi cadangan penubuhannya dibuat oleh Tunku Abdul Rahman pada tahun 1961 yang pada awalnya merupakan gabungan Malaya, Sarawak, Singapura, Brunei dan Borneo Utara.

Hari Malaysia diisytiharkan sebagai cuti umum untuk seluruh negara pada tahun 2010. Sebelum itu ia hanya menjadi cuti umum bagi Sabah dan Sarawak. Ini berlaku ekoran tekanan daripada beberapa kalangan yang mempersoalkan mengapa Sarawak dan Sabah perlu menyambut 31 Ogos sedangkan tarikh itu memperingati kemerdekaan Malaya dan bukannya Sarawak dan Sabah. Suruhanjaya Cobold mendapati rakyat Sarawak dan Sabah menyokong penyertaan negara mereka ke dalam Malaysia.

Sarawak mencapai taraf pemerintahan sendiri pada 22 Julai 1963. Bermula tahun 2016 Sarawak menyambut tarikh itu sebagai Hari

Sarawak dan menyifatkannya sebagai Hari Kemerdekaan Sarawak. Tetapi faktanya tarikh itu adalah hari Sarawak memperoleh pemerintahan sendiri. Hari kemerdekaannya adalah melalui Malaysia pada 16 September 1963.

Singapura bagaimanapun capai kemerdekaan pada 31 Ogos 1963, tarikh asal penubuhan Malaysia yang terpaksa ditunda. Tetapi kini Singapura menjadikan ulangtahun keluarnya dari Malaysia, iaitu pada 9 Ogos 1965 sebagai Hari Kebangsaannya.

Sementara Hari Kebangsaan Brunei merupakan ulangtahun kemerdekaannya iaitu pada 23 Februari 1984, tarikh akhir Britain melepaskan kekuasaannya. Tetapi Britain memberikan kemerdekaan pada 1 Januari 1984. Brunei memperoleh taraf memerintah sendiri pada tahun 1959. Mereka mengadakan pilihan raya untuk separuh kerusi dewan undangan pada tahun 1962.

Parti Rakyat Brunei menyapu bersih semua kerusi yang diper-

tandingkan. Parti ini menolak penubuhan Malaysia. Sebaliknya mereka memperjuangkan gagasan Persekutuan Kalimantan Utara, terdiri daripada Sarawak, Brunei dan Borneo Utara. Satu pemberontakan berlaku dan pihak British menundukkannya. Ekoran itu Brunei mengambil keputusan untuk tidak menyertai Malaysia.

Singapura memperoleh taraf pemerintahan sendiri pada tahun 1959 dan mengadakan pilihan raya yang menyaksikan kemenangan Parti Tindakan Rakyat. Parti itu memperjuangkan penyatuan Singapura dengan Malaya. Sabah memperoleh taraf pemerintahan sendiri pada 31 Ogos 1963. Tetapi kemerdekaan Sabah adalah pada 16 September 1963, serentak dengan penubuhan Malaysia.

Apa yang menimbulkan tekanan supaya Hari Malaysia disambut adalah kesedaran mengenai kepentingan Sarawak dan Sabah bagi kekuasaan Barisan Nasional di peringkat persekutuan. Ini kerana BN sudah kehilangan majo-

riti di Semenanjung Malaysia dalam pilihan raya umum ke-12 pada tahun 2008.

Apabila diadakan pilihan raya umum ke-13, sekali lagi BN bergantung pada pengundi dari Sarawak dan Sabah. Ia memberi tekanan kepada kerajaan Persekutuan untuk memberi layanan seimbang kepada Sarawak dan Sabah. Maka kini timbul pelbagai isu terhadap apa yang sebenarnya berlaku ketika penubuhan Malaysia. Selama ini banyak fakta dibenamkan atas sebab agenda politik pada waktu itu.

Agenda politik ketika penubuhan Malaysia adalah untuk menghalang Singapura jatuh ke pihak komunis. Kemudian ia berkembang untuk menghalang Sarawak, Brunei dan Sabah daripada jatuh ke dalam pengaruh Indonesia, yang ketika itu mesra komunis.

Apabila ancaman dari Indonesia sudah tidak ada ekoran kejatuhan Sukarno, agenda politik dalam Malaysia adalah mengenai kaum. Rusuhan kaum berlaku di Singa-

pura pada tahun 1964. Singapura keluar Malaysia pada tahun 1965. Sementara Peristiwa 13 Mei berlaku pada tahun 1969. Barisan Nasional ditubuhkan pada tahun 1974 dan agenda politik ketika itu pula ialah memperkasakan Bumi-putera. Dasar Ekonomi Baru dilaksanakan dengan tumpuan pada pembangunan.

Ketika itu, fakta, kebenaran, kejujuran, ketelusan dan amanah bukanlah perkara penting. Semua maklumat diurus supaya rakyat mendokong matlamat politik kerajaan. Akibatnya berlaku penyelewengan dan korupsi.

Tetapi kini ada IT yang mana kebenaran tidak boleh dibenamkan lagi. Walaupun IT juga mencambahkan berita palsu tetapi fakta tidak boleh disembunyikan atas alasan agenda politik. Pentadbiran kini perlu dilakukan dengan telus dan amanah. Agenda politik adalah untuk kesejahteraan rakyat tanpa mengorbankan fakta, amanah, kebebasan dan keadilan. ■

Hari-hari akhir di kota Yangon

HARI terakhir di Yangon dihabiskan bersama Mandeep dengan awal paginya ke Bogyoke Market, pasar aneka yang dinamakan sempena Bogyoke Aung San, atau Jeneral Aung San.

Pasarnya menarik, walaupun tidak sehegar Chatuchak di Bangkok. Di sini hasil keluaran tempatan diniagakan; dari batu-batuan jed hingga ke pakaian tradisional pelbagai etnik.

Saya sekadar membeli cenderahati kecil untuk dibawa pulang ke Pulau Pinang buat sanak saudara.

Selesai di Bogyoke Market, kami langsung bertemu dengan kumpulan pelajar yang sudah menunggu di sebuah kafe kecil milik kolektif anak muda Yangon. Saya tidak berapa mengenali mereka memandangkan mereka adalah kenalan Mandeep. Namun ada antara mereka yang mengenali saya hasil kempen solidariti yang pernah saya dan teman-teman di Kuala Lumpur gerakan buat teman mereka yang dipenjarakan.

Separuh mereka adalah penyokong kuat NLD, rata-ratanya anak-anak kepada calon dan pemimpin parti yang baru menang. Separuh yang lain masih sinikal dan kritikal.

NLD bagi mereka bukanlah jawapan muk-tamad untuk pembebasan rakyat Myanmar. Antara hujahnya adalah betapa NLD yang diakui banyak memperoleh sokongan dari luar negara berkemungkinan membuka pintu untuk lebih banyak campur tangan asing, dengan beralaskan pelaburan ekonomi.

Saya hanya memerhati dan mendengar sahaja perdebatan kecil antara mereka. Mereka inilah wajah-wajah masa depan Myanmar.

Pertemuan singkat dengan mereka mendedahkan satu perkara penting. Biarpun berhadapan risiko yang lebih besar berbanding kita di Myanmar, dan bukan sedikit yang dipenjarakan dalam kalangan mereka, malah ada yang hilang dan terbunuh; gerakan pelajar di sana secara konsisten berupaya mengembleng ribuan pengikut dari seluruh pelosok negara.

Tanpa keupayaan komunikasi yang canggih, mereka berhasil membina jaringan pelajar yang sangat utuh. Kuncinya adalah meletakkan garis yang jelas; musuh adalah junta, bukan orang lain.

"Untungnya kami, junta tentera bukan golongan yang terpelajar. Mereka memilih kekerasan apabila berdepan rakyat yang lemah. Hasilnya, tiada rakyat yang mampu melihat mereka sebagai orang baik. Anak muda biasa tertindas peluang untuk belajar dan bekerja, sebab itu mereka bersatu melawan junta. Perbezaan jadi perkara yang diketepikan," antara yang diungkap oleh Phwe, salah seorang aktivis pelajar yang



aktif dari Yangon.

Kami tinggalkan mereka hampir lewat petang untuk bertemu pula dengan seorang calon muda dari NLD yang baru memenangi pemilihan beberapa hari lalu. Orangnyanya terpelajar, pakar teknologi maklumat, berijazah dari Thailand. Lancar berbahasa Inggeris, beliau kongsi cita-cita mengubah Yangon dan anak mudanya menjadi celik teknologi.

"Saya menggambarkan sebuah bandar yang mana kesemuanya dicapai melalui teknologi digital. Itulah masa depan yang boleh memajukan Myanmar," antara yang dikongsi beliau.

Ideanya memang menarik, malah mengingatkan saya kepada Tun Dr Mahathir Mohamad di zaman saya masih bersekolah rendah. Namun apabila mengenangkan di luar tangga pejabatnya pun masih ada anak kecil miskin yang mengemis untuk sesuap nasi, saya tidak yakin cita-cita digital beliau ini benar-benar adalah keperluan rakyatnya buat masa sekarang.

Saya harap beliau selesaikan dahulu perut lapar anak kecil di luar pejabatnya itu. Dengan teks, kami menuju ke pusat bandar untuk makan malam.

Malam terakhir di kota Yangon membuat-



Salah seorang calon muda NLD yang memenangi pilihan raya di Yangon.

kan saya tertanya-tanya; apa bentuk perubahan yang menunggu rakyat di Myanmar dengan jatuhnya sebuah rejim. Adakah makin baik, atau boleh jadi makin buruk? Apakah kemengan NLD ini boleh mencabut segala resah dari diri orang-orang tertindas dalam negara ini?

Tidak lama selepas saya bertanya soalan ini, saya bertemu jawapannya. Kota Yangon masih memberi kejutan kepada saya biarpun pada malam terakhir. Soal mencabut keresahan kaum tertindas di bumi Myanmar terjawab dalam teks yang membawa kami pulang ke hotel.

Lawan tiga penjurong lebih merugikan BN-Pas

Oleh LIEW CHIN TONG

BERBEZA dengan tanggapan ramai, pertembungan tiga penjurong antara Barisan Nasional, Pakatan Harapan dan Pas dalam PRU14 sebenarnya akan merugikan BN. Malah Pas juga bakal menerima nasib yang lebih parah.

Keputusan PRU14 akan meninggalkan kesan yang sangat ketara, iaitu sama ada negara ditadbir 10 tahun lagi di bawah pemerintahan kleptokratik Najib atau permulaan baru dengan kerajaan Pakatan Harapan.

Selepas keputusan PRU2013 diumumkan, Perdana Menteri Najib Razak sedar bahawa beliau tidak akan menang dengan pertembungan satu lawan satu di antara BN dan Pakatan Rakyat, atau pertembungan di antara Najib dan Anwar Ibrahim.

Maka Najib cuba mewujudkan situasi lain untuk menang dengan:

- Mengeneipkan Anwar Ibrahim sebagai pemimpin yang dipersetujui oleh pakatan pembangkang;
- Memancing Pas untuk bekerjasama dengan Umno-BN.
- Menggambarkan bahawa pembangkang didominasi oleh DAP dengan hanya sokongan Cina.

Namun Najib tidak sedar bahawa beliau sendiri adalah punca masalah.

Najib dan skandal 1MDB telah menyebabkan perpecahan paling besar yang tidak pernah terjadi sebelum ini di kalangan pemimpin dan ahli Umno. Perpecahan itu menyebabkan Muhyiddin Yassin dan Shafie

Apdal dipecat daripada Kabinet pada Julai 2015 dan seterusnya membawa kepada penubuhan Parti Pribumi Bersatu Malaysia (Bersatu) pada September 2016.

Kerajaan pimpinan Najib cuba memancing kerjasama Pas sejak Mac 2014 kononnya dengan agenda menyatupadukan orang Islam di Malaysia. Usaha untuk membawa Pas ke dalam dakapan Umno diperkuatkan selepas Tok Guru Nik Aziz Nik Mat meninggal dunia pada Februari 2015.

Perpecahan dalaman Pas pada Jun 2015 yang membawa kepada penubuhan Parti Amanah Negara (AMANAH) pada September 2015 adalah pertembungan yang melibatkan pihak-pihak berikut:

- Pihak yang ingin bekerjasama dengan Umno/Najib (kumpulan Hadi Awang) dan pihak yang menolak kerjasama dengan Umno/Najib (yang kemudiannya menubuhkan AMANAH);
- Pihak yang enggan bekerjasama dengan parti-parti Pakatan seperti PKR dan DAP dengan pihak yang ingin menggantikan Umno melalui pakatan pembangkang.
- Pihak yang cuma mengangkat agenda Muslim sahaja dan pihak yang memperjuangkan agenda Bangsa Malaysia.

Perpecahan dalaman Umno dan Pas pada 2015 memberi kesan yang sangat besar kepada landskap politik negara.

Perpecahan itu menyebabkan pengundi-pengundi yang mengundi Umno pada 2013 beralih sokongan kepada Pakatan Harapan atas prinsip menolak Najib dan Umno.

Akan ada pula pengundi yang mengundi Pas dalam pilihan raya lepas beralih sokongan kepada Pakatan Harapan kerana tidak ber-setuju Pas menjalin kerjasama dengan Umno yang pemimpin tertingginya Najib terlibat dengan skandal paling besar negara.

Faktor-faktor lain termasuklah kesan-kesan ekonomi akibat pelaksanaan GST, kejatuhan nilai ringgit dan pemansuhan beberapa subsidi. Ramai keluarga kelas pertengahan rendah terjejas akibat situasi ekonomi yang mendesak dan membebaskan warga kebanyakan di Malaysia.

Justeru, andaian-andaian sebelum ini tentang situasi politik negara tidak boleh diguna pakai lagi dalam senario baru yang sedang berlangsung.

Salah satu klise yang perlu dibongkar adalah pendapat bahawa pertembungan tiga penjurong memanfaatkan Umno dan BN. Jika benar Pakatan Harapan lemah dan tiada arah tuju, pertembungan tiga penjurong semestinya akan menguntungkan Umno-BN.

Tetapi jika Pakatan Harapan tampil sebagai kerajaan alternatif yang kuat dan menarik minat golongan yang menolak pentadbiran kleptokratik Najib selain mereka yang mengimpikan permulaan baru untuk Malaysia, maka Umno dan Pas hanya akan dipertahankan oleh penyokong tegar mereka sementara semua pengundi lain beralih sokongan kepada Pakatan Harapan.

Dalam senario seperti itu, pengundi-pengundi yang setia kepada Pas pimpinan Hadi Awang yang kini menjadi jurucakap

kerajaan Najib mungkin mengundi Umno sekiranya pertembungan satu lawan satu. Namun dalam pertembungan tiga penjurong, senario itu akan merugikan Umno.

Apa yang perlu dilakukan oleh Pakatan Harapan adalah menjelaskan kepada pengundi untuk membezakan Pakatan Harapan dengan Umno pimpinan Najib dan sekutunya Pas.

Pakatan Harapan perlu menjelaskan kepada semua pengundi bahawa satu undi untuk Pas adalah satu undi untuk Najib. Penyokong Pas sendiri boleh diyakinkan jika mereka sedar bahawa pemimpin mereka kini bekerjasama dengan Najib untuk melakukan lebih banyak kerosakan kepada negara.

Pakatan Harapan yang kuat dengan hala tuju yang jelas akan memaksa Umno melupakan strategi pertembungan tiga penjurong kerana strategi itu bermakna Umno tidak akan mendapat undi daripada penyokong setia Hadi yang hanya akan memilih Najib sekiranya ia merupakan pertembungan satu lawan satu melawan Pakatan Harapan.

Kita sedang melalui satu era yang luar biasa. Kita mesti bangkit menyahut cabaran yang ada untuk melawan strategi pihak lawan dengan arah tuju yang jelas.

■ **Ucapan Pengerusi DAP Johor dan Ahli Parlimen Kluang Liew Chin Tong di Bengkel Pilihan Raya DAP Johor di Batu Pahat pada 3 September 2017**

Kesenian dan kepuasan hidup berkemamusiaan

Oleh **DAENG RAMLI AKIL**

MEMANUSIAWIKAN merupakan suatu ikhtiar manusia manusiawi untuk menjadikan manusia yang menghayati perilaku manusia. Penghayatan terjadi sesudah sesuatu ilmu itu difahami, dipraktis, langsung ia menjadi amalan. Keinsafan menjadi mustahak iaitu sesudah menyedari. Kesedaran merujuk akal, manakala keinsafan berkaitan hati sanubari.

Persoalan begini sudah dibahas oleh filsuf awal Athens, Socrates dan Aristotle sekitar dua ribu seratus tahun dahulu. Untuk mendalami, sejarah dan prinsip Teori Estetika perlu dirujuk.

Tatacara penyampaian Socrates di lapangan pasar mengingatkan kita perihal tatakaedah pendidikan formal. Nabi Adam mempraktikkannya kepada ahli famili. Berikutnya, nabi Idris hinggalah nabi terakhir, Muhammad.

Pujangga seperti Kung fu-tze, Lao-tze, Sidharta dan Guru Nanak turut memilih tatacara serupa. Satu-satunya dramatis yang berjaya mengharumkan bahasa serta budaya Inggeris, William Shakespeare memilih drama untuk memanusiawikan manusia. Karya-karya agungnya, Hamlet, King Lear, malah King James bersiri menjadi bukti.

Dalam konteks dunia Melayu sejak abad lalu, wujud beberapa individu yang berjasa kepada bangsa kerana karya-karya drama bermutu serta mengandungi nilai intelek, antaranya Utuy Tatang Sontani (dramatis dunia), Motinggo Boesje, Sumandjaya (lulusan universiti di Russia), Ariffin C.Noer, Usman Awang, Syed Alwi (dramatis dunia), Faridah Marican, Rahim Razali (lulusan universiti di Australia), Ahmad Yatim (graduan Australia), Mustapha Noor (graduan USA), Anuar Nor Arai (graduan USA, Ph.D.), Shahrum, Kala Dewata (Mustapha Kamil Yasin,

Ph.D. USA), SN Nordin Hasan, SN A.Samad Said, Dinsman dan Johan Jaafar.

Tamu dari Medan Perang yang dipentaskan pada jam 10.01 malam, 29 April 2017 di Panggung Seni budaya Sungai Lembing karya Dinsman menjadi perisian utama Festival Teater Kuantan (FESTEK). Penganjurannya, Anggun Performing Arts (Roslan Madun), dengan kerjasama beberapa pihak, antaranya Majlis Perbandaran Kuantan dan PAKSI (Dinsman).

Banyak mutiara yang berkemilauan yang mencerahkan hati manusia. Memetik kata-kata dalam ucapan Zulkifli Yaakub, (Datuk Paduka, Haji), Pengarah Kemajuan Negeri Pahang, seni budaya memanusiawikan manusia juga "memudahkan manusia menyelesaikan masalah kehidupan. Malulah diri siapa pun apabila bangun pada malam larut mendirikan solat tahajud, solat taubat dan solat hajat, mohon daripada Allah SWT, agar permudahkan kehidupan, pada hal siangnya, menyusahkan orang lain."

Seniman teater Dinsman berkongsi pengalaman, katanya, "ada saudaranya menjadi kontraktor untuk menebang pokok yang disuruh oleh majlis perbandaran di sebuah negeri. Upahnya, antara seribu ringgit sepokok, adakalanya mencecah lima ribu ringgit.

"Apabila memohon peruntukan seribu ringgit untuk bayaran kepada Sasterawan Negara yang membaca puisi, pihak berkenaan menyebut, tiada peruntukan."

Nyata, seniman Dinsman kesal. Ikhtiar memanusiawikan manusia menerusi karya seni budaya dikesampingkan, pada hal, semua akhbar, termasuk yang berpenghantar Melayu, ada halaman seni budaya!

Sangat mengesankan, Deklarasi Kuala Kangsar (7-9 April 2017) yang bermula di Universiti Sultan Azlan Shah kendalian Dinsman dan Tan Sri Dr Nordin Kardi, sehingga kini disokong 30 pertubuhan sosial.

Intipatinya berupa penobatan seni budaya memanusiawikan manusia. Malam 29 April 2017 dan FESTEK jadi saksi sekali lagi, usaha memanusiawikan manusia diperkuat.

Roslan Madun, seniman lagu Melayu Asli dan penyair menyatakan bahawa sesudah puluhan kali merantau di Nusantara demi menggali khazanah seni budaya Melayu, terkesan olehnya jasa Raja Ali Haji. Katanya, "Suatu waktu, Pulau Penyengat ditadbir oleh seorang sultan yang kurang bagus akhlaknya,

juga akhlak generasi muda-mudi.

"Mahu dijadikan cerita, Raja Ali Haji mengarang Gurindam 12. Hasilnya, sultan letak jawatan dan menekuni ilmu ketuhanan/makrifatullah. Akhlak muda-mudi turut berubah menjadi sangat murni kemelayuannya hingga kini."

Juga sebagai pengisian festival, Ladin Nuawi persembahkan tiga monodrama yang kaya dengan nilai manusiawi. Seperti biasa, Ladin sememangnya lucu bijaksana. Roslan Madun dan Sani Sudin mendendangkan lagu, manakala teater Jaguh Kampung karya grup dari Kulai, Johor turut beraksi.

Tamu dari Medan Perang (TdMP) dijayakan oleh Dinsman selaku pengarang naskah dan pengarah, Roslan Madun, penerbit, Lena Farida Chin, pengurus kesenian, pelakon, Nadhilah Suhaimi, Mohd. Nizam Yamin dan Hafiz.

Persembahan kali pertama karya ini adalah pada 9 hingga 12 Jun 2006 di Stor Teater, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur dan pelakornya, Rohani Yousoff dan Azhan Abd Rani. Prof Madya Rohani baharu sahaja berpindah ke alam barzakh akibat strok (Didoakan Allah SWT membersihkan semua dosa sahabat kita yang amat baik hati ini).

Lena Farida Chin, tenaga akademik Universiti Perguruan Sultan Idris (UPSI) yang sudah mengarah 20 buah teater berasa amat bertuah kerana pertamanya, TdMP merupakan karya bermutu, juga karya seniman tulen.

Negeri Pahang pula membantu menerusi tiga perkara, iaitu budayawan berwibawa, Roslan Madun, kewangan mencukupi dan Panggung Seni Budaya Sungai Lembing

kendalian MPK. Selain itu, beliau memperoleh pelakon yang amat berbakat. Nadhirah merupakan graduan UPSI jurusan seni yang sudah berlakon 20 buah teater, manakala Nazim pula ialah guru sekolah seni, juga berpengalaman berlakon 21 kali dalam teater dan filem. CGPanya di UM ialah 3.8.

Penerima Anugerah Guru Terbaik Kokurikulum Pulau Pinang 2016, Nadhirah Suhaimi, juga pernah menjadi juara deklamasi puisi menghidupkan watak Queen/Khadijah. Dialognya kemas, bertenaga dan saya terkesan akan kualiti Norela Samad, pelakon dekad 1970-an padanya.

Juga, kualiti Juhara Ayob. Mereka menghidupkan kualiti perempuan Melayu yang murni. Gestures pula ambilan daripada Ahmad Yatim dan Rahim Razali.

Andai Pak Teguh Karya masih hidup, saya pasti beliau hadir menyaksikan aksi harian Nadhirah sebagaimana dilakukan kepada Ahmad Yatim.

Isi karya TdMP amat relevan dengan isu masa kini ñ akhlak masyarakat. Sangat terkesan bahawa umat Islam dihantui kekejaman melampau misalnya di Afghanistan, kemudian Iraq, Somalia, Etophia, Mesir, Yaman dan terkini, Syria. Kuasa-kuasa besar dunia, Amerika Syarikat khususnya memperlakukan umat Islam bagaikan bukan manusia.

Antara persoalan yang diujahkan menerusi dialog Queen adalah dalih Presiden Bush untuk menghancurkan manusia Iraq.

Seperkara lain, kualiti akhlak Melayu Islam masa kini amat ketara merosot. Kata-kata dalam Facebook dan Twitter menjadi sumber banyak bukti hingga majoriti pengguna perlu dimanusiawikan.

Memanusiawikan manusia pastinya ada dua saluran iaitu keagamaan dan kesenian. Jika Presiden John F.Kennedy pernah menyebut pada tahun 1963, "jika politik terlalu kotor, puisilah yang boleh menyucikannya", tidak keterlaluan jika panggung seni budaya Sungai Lembing diiktiraf dengan nama berkenaan sebagai yang pertama di Malaysia.

Dan, terbuka kepada semua aktiviti seni budaya yang memanusiawikan manusia di dunia.



Kirim cerpen dan puisi kepada karyakreatifamanah@gmail.com untuk disiarkan di halaman ini setiap minggu.

MEMALI

perkuburan lama dibongkar di tebingnya, penjaga syurga meratib menjilat kering darah dari parut sejarah.

sebagai tangkal sebagai azimat agama(wan) yang hanya tertegak dari luka dan kebejatan silam.

MATAHATI

SAJAK

Banjir: MP Parit Buntar serah aduan rakyat

PARIT BUNTAR: Ahli Parlimen Parit Buntar Dr Mujahid Yusuf Rawa menyerahkan laporan hasil aduan rakyat dan tinjauannya berkaitan banjir pada 3 September lalu kepada Pejabat Daerah Kerian untuk diambil tindakan segera.

Beliau meminta Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Negeri Perak memberi penjelasan kepada rakyat mengapa projek tebatan banjir Daerah Kerian gagal mengatasi banjir walaupun Kerajaan Persekutuan telah membelanjakan RM350 juta.

"JPS perlu memberi penjelasan bertanggungjawab mengapa sistem pam air tidak berkesan bagi menyalurkan air yang melimpah ke Sungai Kerian. Begitu juga penyelenggaraan sungai dan saliran. Siapakah pegawai yang bertugas pada hari kejadian?" soalnya.

Beliau juga meminta hutan paya api-api yang masih berbaki di Bagan Tiang diwartakan dengan kadar segera untuk menghalang pencerobohan industri akuakultur yang menyebabkan zon penampungan tsunami dan air pasang terhakis.

Di samping itu, Majlis Daerah Kerian (MDK) yang bertanggungjawab kepada penyelenggaraan parit di pusat bandar dan perumahan awam perlu mendedahkan jadual pembersihan parit dan



Dr Mujahid menyerahkan laporan kepada pegawai Pejabat Daerah Kerian.

longgang di kawasanannya bagi menilai keberkesanan penyelenggaraan parit.

Selain itu beliau menuntut pampasan segera kepada mangsa banjir dengan kadar tetap RM-1,000 untuk penghuni kawasan perumahan dan RM3,000 kepada premis perniagaan.

"Saya menanti respons segera dari laporan yang saya serahkan kepada Pejabat Daerah Kerian demi mengekalkan akauntibiliti dan ketelusan untuk saya memaklumkan balik kepada rakyat aduan mereka," katanya.

Menurut Mujahid, hujan lebat yang berulang-ulang dan fenomena air laut pasang besar men-

yebabkan hampir keseluruhan kawasan Mukim Parit Buntar ditenggelami banjir kilat lewat petang Ahad, 3 September lalu.

Banjir kilat itu menyebabkan sekurang-kurangnya 800 rumah penduduk di Taman Kerian Tambahan, Taman Setia Jaya, Taman Kerian, Taman Seri Tenggara, Taman Damai, Taman Abdul Raof, Taman Seri Semarak, Taman Setia Wangsa dan beberapa kampung ditenggelami air setinggi 0.1 meter hingga 0.9 meter.

Banjir itu dianggap paling buruk sejak 10 tahun lalu.

Dalam perkembangan berkaitan, Dr Mujahid menjawab fitnah kononnya beliau 'hilang' dan



Bertemu penduduk yang rumah mereka ditenggelami air.

tidak turun padang ketika banjir melanda.

Menurutnya, dakwaan tersebut termasuk penyebaran gambar yang jelas berniat buruk memandangkan kira-kira enam jam beliau berada di sekitar lokasi banjir kilat itu sehingga tengah malam.

Sehubungan itu, Dr Mujahid yang juga Naib Presiden AMANAH mendesak pihak terbabit menarik balik fitnah yang ditabur dengan meneliti maklumat log pergerakan beliau semasa banjir melanda.

Beliau turut merakam penghargaan kepada mereka yang membantu mengawal lalu lintas

di sekitar bandar Parit Buntar semasa banjir serta aktivis alam sekitar.

"Terima kasih tidak terhingga pada sukarelawan dan pemuda kawasan sekitar yang membantu kawal trafik di tempat saya bertugas pada malam kejadian.

"Saya yakin kita semua membantu tanpa perlu dijulang nama demi Parit Buntar tercinta. Maaf, saya tak sempat 'berselfie' atau posing semasa bertugas.

"Terima kasih kepada Saudara Meor Razak dari Sahabat Alam Sekitar (SAM) dan NGO lain kerana bersama kami dalam perjuangan alam sekitar khususnya di Kerian," jelasnya dalam satu kenyataan.

Bekas Adun BN bertanding semula di Kempas atas tiket PH

Oleh AMNI JAGAT

PULAI: Setiausaha Pakatan Harapan (PH) Johor Datuk Osman Sapian dijangka bertanding semula di Dewan Undangan Negeri (Dun) Kempas pada pilihan raya umum ke-14 (PRU14).

Osman yang kini Setiausaha Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) Johor ialah bekas Adun Kempas selama tiga penggal.

Bayangan mengenai kemungkinan beliau bertanding semula di Dun berkenaan di-suarakan dalam satu program bersama bekas pemimpin Umno Cawangan Permai di Flat Kempas Permai baru-baru ini.

Menurut bekas Ketua Umno cawangan, Ibrahim Ismail, 53, keputusan untuk men cadangkan Osman bertanding semula di Dun Kempas disambut baik penduduk setempat.

"Datuk Osman adalah calon terbaik untuk bertanding di Dun Kempas ini kerana pengaruh Datuk Osman kuat di sini termasuk beberapa cawangan Umno yang selama ini didirikan oleh beliau.

"Beliau boleh menggagalkan pengaruh Ketua Bahagian Umno Pulai yang juga Timbalan Menteri Dalam Negeri Datuk Nur Jazlan Mohamed yang selama ini adalah

lawan Datuk Osman semasa beliau dalam Umno dulu.

"Saya menyokong penuh Datuk Osman untuk bertanding di Dun Kempas dan saya yakin beliau boleh menang di DUN ini kerana jasa beliau terhadap penduduk Kempas sangat-sangat dihargai serta diingati oleh penduduk Kempas," kata Ibrahim ketika ditemui.

Sementara itu, Osman dalam ucapannya membayangkan kesediaan untuk dicalonkan sebagai calon Dun Kempas dalam PRU14 bagi menyambung khidmat yang telah dilaksanakan sebelum ini.

Pada pilihan raya umum lalu, Osman tidak dicalonkan Umno kerana berbeza pendapat dengan Nur Jazlan.

Bekas calon Pas di Dun Kempas Suhaizan Kaiat yang kini mengetuai AMANAH Pulai berpendapat kehadiran Osman di Kempas akan memperteguh lagi Pakatan Harapan Pulai.

Menurut Suhaizan lagi, gerak kerja pilihan raya dan penerangan PH Pulai telah mula berjalan.

Beliau yakin PH mampu menggantikan BN di Parlimen Pulai dan Dun Kempas termasuk mempertahankan Dun Pengkalan Rinting yang kini diwakili DAP.



RUMAH EHSAN... Pengerusi Pakatan Harapan Kelantan Datuk Husam Musa diiringi Pengerusi Jawatankuasa Dun (JDUN) AMANAH Kelabaran, Faizah Othman bertandang ke rumah Mohd Zaki Mohd Nor (tiga dari kiri) selepas majlis penyerahan kunci Rumah Ehsan di Tumpat, baru-baru ini. Rumah Ehsan itu adalah hasil sumbangan JDUN AMANAH Kelabaran dan dibina sendiri Mohd Zaki. Program Rumah Ehsan adalah salah satu usaha AMANAH negeri bagi membantu penduduk tempatan memiliki rumah sendiri. Laporan ZIKRY ABDULLAH

Tokoh muda ketuai PH Perak

IPOH: Pemuda AMANAH Negeri Perak melahirkan rasa gembira dengan pelantikan Pengerusi Pakatan Harapan negeri yang menampilkan tokoh muda Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM).

Ketua Pemuda AMANAH Perak Hasnul Zulkarnain berkata, pelantikan Pengerusi PPBM negeri Ahmad Faizal Azumu sebagai Pengerusi PH Negeri Perak akan mengukuhkan lagi Pakatan Harapan di negeri itu.

"Kami menyambut baik peralihan Ahmad Faizal Azumu sebagai Pengerusi Pakatan Harapan Negeri Perak.

"Biarpun baru sahaja mengenali dan bekerja bersama beliau, namun kami tidak mempunyai sebarang masalah untuk bekerjasama dalam satu pasukan di bawah naungan Pakatan Harapan.

"Kami menyakini beliau mampu mengetuai dan bergerak seiring bersama pimpinan-pimpinan lain yang sangat berpengalaman di negeri ini seperti Asmuni Awi, Nga Kor Ming, Dr Muhammad Nur Manuty, Datuk Seri Ir Mohammad Nizar Jamaluddin dan ramai lagi," ujar Hasnul dalam satu kenyataan.

Menurut Hasnul, PH kini perlu memulakan gerak kerja secara bersama dan saling lengkap

- melengkapi antara satu sama lain demimencapai matlamat utama.

"Bagi Pemuda AMANAH Perak, kami meletakkan harapan yang tinggi kepada pimpinan Pakatan Harapan Perak dalam usaha memastikan gerak kerja keempat-empat parti dapat berlangsung dengan jayanya.

"Disamping itu, kami sangat yakin kesatuan Pakatan Harapan dapat mencapai kesepakatan dalam semua aspek termasuklah pembahagian kerusi secara adil, pengaturan tugas secara kolektif dan sebagainya.

"Kami sangat optimis Pakatan Harapan mampu mengulangi kejayaan Pakatan Rakyat pada 2008," ujarnya.

Bahkan Pemuda AMANAH Perak juga yakin, rakyat akan memberikan sokongan sepenuh-



nya kepada Pakatan Harapan dalam PRU14 nanti bagi memastikan kerajaan kleptokrasi dijatuhkan seterusnya membina satu kerajaan baru yang lebih amanah dan bertanggungjawab.

Hampir sedekad BN tabur janji di Jerai

JERAI: Lebih 74,000 pengundi dalam kawasan Parlimen Jerai diingatkan supaya tidak lagi memberi sokongan kepada Umno-BN setelah terbukti parti itu memungkiri apa yang dijanjikan sejak pilihan raya umum (PRU) 2008.

"Memberi sokongan kepada Umno-BN akan menggalakkan parti itu terus mengkhianati segala janji mereka kepada rakyat," kata Ketua Pemuda AMANAH Kawasan Jerai Mohd Ridzwan Arshad Ahmad.

Ridzwan berucap pada program 'Bangkit Anak Muda' sempena menyambut kemerdekaan negara di Sungai Limau, Yan, dekat sini, malam 30 Ogos lalu.

Jelas beliau, Umno-BN Jerai yang diwakili Datuk Seri Jamil Khir Baharom telah pun melaung-laungkan pelbagai janji untuk ditunaikan sejak 10 tahun lalu.

Namun begitu, ujarnya sehingga kini apa

yang dijanjikan BN hanyalah umpama menanam tebu di tepi bibir sahaja.

"Pengundi kawasan Jerai masih ingat bagaimana projek Sulih yang ditukar nama kepada Zippy yang hendak dilaksanakan di Yan, menjanjikan ribuan peluang pekerjaan -kepada anak Kedah, sebaliknya tidak menjadi kenyataan.

"Begitu juga dengan janji Umno-BN seperti mana dalam manifesto PRU 2013 untuk membina kawasan Industri Kecil Sederhana atau IKS, sebaliknya hingga kini tiada pun bayang IKS yang hendak mereka bangunkan.

"Walaupun tujuan mereka adalah untuk memberi peluang pekerjaan kepada penduduk tempatan, tetapi apa yang diharapkan itu hanyalah setakat janji-janji kosong yang akan berulang lagi menjelang PRU ke-14 tidak lama lagi," jelasnya.

Selain itu katanya, Umno-BN pernah ber-

janji untuk membela nasib imam-imam, namun begitu apa yang dijanjikan juga masih menjadi harapan yang tidak kunjung tiba.

"Mereka berjanji berkali-kali kepada imam-imam masjid akan menaikkan elaun imam-imam masjid sekiranya Umno-BN menang dalam pilihan raya tersebut.

"Sebaliknya apa yang dijanjikan masih menjadi harapan menggantung yang entah bila akan menjadi realiti.

"Begitu juga dengan masalah bekalan air bersih yang belum dapat diselesaikan oleh kerajaan negeri Kedah sejak sekian lama," ujarnya.

Justeru beliau menyeru rakyat Kedah untuk bangkit menolak Umno dan BN serta sekutunya daripada terus memperjudikan janji-janji kosong menjelang PRU akan datang.

100 ahli Umno, 20 ahli Pas Baling sertai PPBM

Oleh **MOHD ALI HASHIM**

BALING: Tindakan lebih 100 ahli Umno cawangan Tebing Tinggi dan Charok Sikin mengisytiharkan keluar parti dan menyertai Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) membuktikan sokongan kepada Umno Bahagian Baling yang diterajui Datuk Abdul Azeez Abdul Rahim semakin terhakis.

Pengumuman keluar parti itu menjadi tamparan hebat kepada Umno Baling yang sering mendakwa mereka mempunyai sokongan padu anggota akar umbi.

Menurut Ketua Armada Baling Abd Ghafar Shuib, kedua-dua cawangan tersebut adalah kubu kuat Umno bahagian.

Namun perkembangan baru ini memberi isyarat bahawa kepimpinan Azeez semakin tidak diyakini oleh sebahagian besar pengundi di kawasan itu.

"Sebahagian besar golongan muda yang menyertai PPBM membuktikan mereka yakin dengan Pakatan Harapan untuk menerajui negara.

"Majoriti daripada mereka semakin muak dan bosan dengan janji-janji yang telah pun dilaung-laungkan oleh Umno sebelum PRU13 lalu.

"Mereka juga kesal apabila janji untuk mewujudkan hospital dan universiti tidak menjadi kenyataan walaupun tempoh untuk Umno dan BN memerintah hampir berakhir tidak lama lagi," jelas Abd Ghafar.

Tambah beliau, janji BN untuk mewujudkan peluang pekerjaan bagi golongan muda dengan pembinaan kilang dan industri di Parlimen Baling juga tidak menjadi kenyataan.

"Apa yang mereka janjikan tidak berjaya dilaksanakan sehingga kini sehinggakan begitu ramai golongan muda terpaksa mendapatkan

peluang pekerjaan sehingga ke Pulau Pinang dan Seberang Perai.

"Kedudukan Pulau Pinang dan Seberang Perai amat jauh sehingga memaksa anak muda mulai bangun seawal jam 4 pagi dan pulang ketika lewat malam.

"Kegagalan menunaikan janji tersebut memberi kesan yang amat besar kepada golongan muda apabila mereka merasa tertipu setelah memberi mandat kepada BN pada PRU lalu, sebaliknya janji yang diuar-uarkan hanya tinggal janji semata-mata," ujarnya lagi. Sementara itu, seramai 20 ahli Pas turut mengumumkan keluar parti dan menyertai PPBM pada hari yang sama.

Difahamkan semasa kempen PRU lalu, Umno dan BN telah berjanji untuk membina Hospital Pakar Baling, namun tidak menjadi realiti. Manakala janji BN untuk membina

Selangor beri insentif atlet Sukan Sea KL2017

SHAH ALAM: Atlet Selangor yang mempamerprestasi cemerlang pada temasya Sukan SEA Kuala Lumpur 2017 (KL2017) bakal menerima insentif penghargaan daripada kerajaan negeri.

Exco Pembangunan Generasi Muda, Sukan, Kebudayaan dan Pembangunan Usahawan, Amirudin Shari berkata, pengumuman itu akan dibuat dalam tempoh terdekat.

"Kita akan umumkan (nama-nama atlet cemerlang) pada program penyerahan insentif yang turut melibatkan beberapa tetamu kenamaan.

"Untuk tempoh ini, kita baru sahaja membuat perbincangan bersama Majlis Sukan Negeri (Selangor) untuk penganjuran majlis itu," katanya pada sidang media di ibu pejabat MSN Selangor, lapor Selangorkini.

Terdahulu, kontinjen negara menamatkan saingan di Sukan SEA ke-29 dengan 145 emas, 92 perak dan 86 gangsa sekali gus muncul juara keseluruhan.

Daripada jumlah itu, Amirudin berkata lebih 100 atlet Selangor meraih pelbagai pingat hasil daripada keberkesanan program pembangunan sukan di peringkat negeri.

"Seramai 155 atlet Selangor yang diletakkan di bawah program pembangunan sukan negeri. Jumlah itu menyaksikan 100 daripadanya mendapat pelbagai pingat dengan kutipan 41 Emas, 29 Perak dan 28 Gangsa.

"Boleh dikatakan atlet Selangor menjadi penyumbang terbesar kutipan pingat negara dalam temasya dwitahunan itu," katanya.

Antara atlet Selangor yang paling menyinar sepanjang temasya itu ialah pemain bowling negara, Shalin Zulkifli; gymnastik negara, Farah Ann Abdul Hadi dan atlet gimrama negara, Amy Kuan.



Sebahagian ahli Umno yang menyertai PPBM menyerahkan borang keahlian kepada Abd Ghafar.

kampus UiTM di Baling juga tidak menjadi kenyataan walaupun PRU ke-14 semakin hampir.

"Oleh kerana itu pengundi dalam Parlimen Baling seharusnya sedar

dan bangkit untuk membuat perubahan dengan menolak Umno dan BN serta sekutunya dengan memberi sokongan kepada Pakatan Harapan," katanya.

PH sasar 16 kerusi Parlimen Johor

KUALA LUMPUR: Pakatan Harapan (PH) Johor mensasarkan 10 kerusi parlimen diwakili BN akan beralih ke ke tangan pembangkang dan mengekalkan enam kerusi yang dimenangi dalam pilihan raya umum (PRU) lalu.

Timbalan Pengerusinya Liew Chin Tong berkata, semua kerusi PH yang akan ditandingi adalah di kawasan majoriti Melayu termasuk kawasan campuran.

"Saya rasa di Johor ada 10 kerusi parlimen bagi peluang cerah untuk PH rampas daripada BN, selain enam yang

telah dipegang dalam pilihan raya umum yang lalu.

"Ini kerana terdapat 55 peratus pengundi Melayu dan selebihnya adalah campuran dengan isu-isu yang menekan rakyat, saya yakini PH boleh meraih 16 kerusi keseluruhannya dengan menang mudah," ujarnya kepada Malaysia Dateline.

Sepuluh kerusi parlimen yang disasarkan PH katanya adalah Labis, Segamat, Sekinjang, Medan, Muar, Pontian, Pulai, Pasir Gudang, Johor Bharu dan Tebrau.

Manakala enam kerusi yang kini diwakili PH ialah beliau sendiri di Kluang, Lim Kit Siang (Gelang Patah), Teo Ni Ching (Kulai), Er Teck Hwa (Bakri) Datuk Mohd Idris Jusi (Batu Pahat) dan Tan Sri Muhyiddin Yassin (Pagoh).

Chin Tong yang juga Pengerusi DAP Negeri berkata, untuk PH menawan Johor dalam PRU ke-14, formula yang diguna pakai di negeri Selangor dan Perak mampu dilaksanakan di Johor.

"Kalau kita mahu tumbangkan BN Johor, saya fikir formula yang pernah digunakan

di Selangor dan Perak sesuai digunakan di Johor.

"Di Johor ini kawasan majoriti Melayu seperti Mersing, Penggerang, Kota Tinggi dan Tenggara manakala kawasan lain walaupun peratusannya majoriti Melayu tetapi ia adalah kerusi campuran," ujarnya.

BN kini mewakili 20 kerusi Parlimen di Johor, DAP (4), PKR (1) PPBM (1) manakala 37 kerusi Dun diwakili BN, Pas (4), DAP (13), Keadilan (1) dan PPBM (1).

Jamuan rakyat AMANAH Tumpat meriahkan Aidiladha

TUMPAT: Majlis jamuan rakyat sempena sambutan hari raya korban yang diadakan di Kampung Laut, dekat sini dihadiri penduduk setempat dan para tetamu.

Ketua AMANAH Kawasan Tumpat, Wan Johari Omar berterima kasih kepada penduduk Kampung Laut yang bertungkus lumus menyiapkan hidangan.

"Program ini anjuran AMANAH Tumpat dengan kerjasama Jawatankuasa Dun (JDUN) Pasir Pekan.

"Terima kasih atas kehadiran begitu ramai penduduk Pasir Pekan yang hadir memeriahkan majlis," katanya yang ditemui di majlis itu, baru-baru ini.

Turut hadir Pengerusi AMANAH Kelantan, Datuk Wan Abdul Rahim Wan Abdullah serta para pemimpin AMANAH negeri.

"Walaupun hujan lebat menjelang tengahari ia tidak mengganggu kehadiran tetamu," katanya.

Wan Johari juga berharap nasib penduduk Kampung Laut yang kini majoriti bersama AMANAH akan terbela.

"Kita bersama penduduk di sini



Wan Johari (kiri) melayani tetamu yang hadir di majlis jamuan rakyat AMANAH Tumpat.

tetap akan membantah projek Kampung Warisan yang dipaksakan tanpa persetujuan.

"Kita yakin penduduk asal di sini tetap dapat mengekalkan hak mereka sebagai penduduk yang tinggal di sini sejak turun temurun," katanya.

Projek Kampung Warisan yang dicadangkan di kampung ini menjadi isu besar apabila perundingan wajar tidak dibuat dengan

warga setempat.

Proses memajukan projek ini masih penuh tanda tanya kerana walaupun penduduk dikehendaki berpindah, proses pengambilan tanah sehingga kini belum dibuat.

Kampung Laut terletak di Dun Pasir Pekan yang kini diwakili Menteri Besar, Datuk Ahmad Yakub.

Roslan Ismail dilantik ketua pemuda PH Kelantan

KOTA BHARU: Bekas pemimpin Angkatan Muda Keadilan (AMK) Cabang Kota Bharu, Roslan Ismail dilantik mengetuai Pemuda Pakatan Harapan (PH) peringkat negeri Kelantan.

"Mesyuarat pertama Pemuda Pakatan Harapan Kelantan telah memutuskan untuk membentuk Jawatankuasa Pemuda Pakatan Harapan Kelantan dan memutuskan saudara Roslan Ismail sebagai ketua," kata satu kenyataan yang ditandatangani ketua-ketua pemuda empat parti komponen PH negeri, baru-baru ini.

Menurut kenyataan itu, pemuda

PH Kelantan menyambut baik keputusan Majlis Presiden Pakatan Harapan untuk memutuskan sebarang perbincangan dengan Pas.

"Kami akan terus memperkukuh keutuhan dan kesepaduan antara Pemuda PH Kelantan dan berusaha sedaya upaya untuk menggembelng tenaga dalam usaha menumbangkan BN pada PRU14 akan datang," katanya.

Dalam kenyataan media yang sama, Pemuda PH Kelantan juga mengumumkan perlantikan jawatan-jawatan utama dengan Asran Alias sebagai Timbalan Ketua manakala

Zulhazmi Hasan dan M. Khairul Amin Ab Rahman masing-masing menajwat Naib Ketua.

"Sementara itu Ketua Pemuda Sosialis DAP (Dapsy), Chu Keh Ching diamanahkan sebagai setiausaha," ujar kenyataan itu.

Mesyuarat juga akan diadakan dalam masa terdekat untuk melengkapkan organisasi.

"Mesyuarat ini juga akan menyusun gerak kerja pilihan raya yang akan digembelng serta merta," kenyataan media itu dipetik.

Majlis korban AMANAH Lumut diselangi tazkirah



Para petugas memotong daging korban untuk diagih-agihkan kepada orang ramai.

LUMUT: AMANAH Kawasan Lumut mengadakan majlis korban pada hari raya kedua di rumah Timbalan Ketua AMANAH kawasan Yahya Md Nor di Kampung Tersusun Bt. 7 Lekir.

Daging korban beserta sumbangan Hari Raya Aidiladha kemudian diagihkan ke rumah-rumah golongan asnaf di Lekir, Manjung, Sg. Wangi, Kg Baru Lumut, Kg. Tersusun Bt. 7 Lekir dan Pasir Pandak.

Sebahagian daging korban juga diserahkan kepada ketua-ketua cawangan AMANAH untuk diagihkan di kariah masing-masing.

Cikgu Yahya ketika berucap mengucapkan terima kasih kepada semua peserta korban dan para petugas yang membantu melancarkan program.

"Pengorbanan Nabi Ibrahim a.s. dengan menyembelih anaknya Nabi Ismail a.s. atas perintah Allah adalah satu pengorbanan yang terlalu besar dalam peradaban sejarah manusia. Begitu juga pengorbanan nabi dan rasul untuk menyebarkan Islam di seluruh alam ini.

"Bagi kita, tugas yang perlu dilakukan samalah seperti peranan seorang nabi dan rasul iaitu menyeru kepada kebaikan dan mencegah daripada kemungkaran.

"Dalam konteks hari ini pula, perjuangan yang perlu kita teruskan adalah menegakkan keadilan dan mengangkat martabat rakyat serta negara," katanya.



Roslan (duduk, tengah) bersama pemimpin Pemuda PH Kelantan yang baru dibentuk.

Wanita Harapan sokong himpunan bantah 'politik toksik'

KUALA LUMPUR: Wanita Pakatan Harapan (Wanita Harapan) akan bersama menyokong Himpunan Aman 'Wanita Bantah Politik Toksik' anjuran sekumpulan aktivis wanita berpengaruh yang menggelarkan diri mereka Wanita-Wanita Malaysia Prihatin.

Himpunan itu akan diadakan pada 10 September ini di Kuala Lumpur bagi menyatakan penolakan terhadap 'politik toksik'.

"Wanita Harapan percaya bahawa usaha yang baik ini adalah satu mesej jelas yang dilontar oleh entiti wanita Malaysia bahawa kita menolak apa jua wajah, gaya dan cara politik bankrap nilai yang kini semakin parah menyelubungi negara," kata mereka dalam satu kenyataan bersama, 5 September lalu.

Kenyataan itu dikeluarkan Ketua Wanita Harapan Zuraida Kamaruddin yang juga Ketua Wanita Keadilan; Timbalan-timbalan Ketua Wanita Harapan iaitu Chong Eng (Ketua Wanita DAP), Dr Siti Mariah Mahmud (Ketua Wanita AMANAH) dan Rina Mohd Harun (Ketua Wanita PPBM).

Menurut mereka, usaha memerangi politik toksik adalah satu tindakan tepat dan bertanggungjawab.

Ini kerana, wanita mempunyai tugas hakiki sebagai pendidik dan membangunkan

manusia.

Usaha ini, ujar Wanita Harapan bukan sahaja untuk diri sendiri, keluarga dan masyarakat bahkan penting dan sangat relevan dalam memastikan penyediaan sebuah negara yang lebih baik untuk generasi akan datang.

Walau bagaimanapun, Wanita Harapan berpendapat perjuangan ini bukan hanya terletak di atas bahu wanita sahaja tetapi harus dipikul seluruh rakyat Malaysia, lelaki dan wanita daripada pelbagai kaum, agama serta latar belakang politik yang berbeza.

"Toksik adalah fenomena beracun yang sangat berbahaya kepada kesihatan bahkan upaya mengundang kematian.

"Ia boleh merebak ke setiap ruang sama ada pada diri individu, masyarakat sekaligus seluruh tanah air yang kita cintai ini.

"Justeru mengangkat ketoksikan politik adalah sangat tepat pada masanya. Rakyat harus segera diperingatkan akan bahaya politik toksik yang berupa pelbagai tindakan keganasan, ancaman terhadap individu, ucapan-ucapan penuh rasis, seksis, lucah, pengaiban sekaligus perlecehan terhadap individu wanita dan kebencian sesama," kata mereka.

Himpunan 'Wanita Bantah Politik Toksik' itu



Sidang media Wanita Harapan bagi menyokong Himpunan 'Wanita Bantah Politik Toksik'.

akan bermula pada jam 5 petang sehingga 6.45 petang di hadapan kompleks beli-belah Maju Junction sebelum berarak ke pusat membeli-belah Sogo.

Antara yang akan turut serta dalam himpunan itu ialah isteri bekas Perdana Menteri Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali, bekas Presiden Majlis Peguam Datuk Ambiga Sreenevasan dan Pengerusi Bersih Maria Chin Abdullah.

Justeru kata mereka, sebagai aksi solidariti Wanita Harapan, mereka akan turut serta dan menyeru seluruh wanita tanpa mengira kecenderungan politik agar turun menjayakan bantahan ini secara besar-besaran.

"Ini penting demi perjuangan dan kelangsungan peradaban dalam politik negara sebagai lambang keprihatinan kita semua tentang masa depan Malaysia," kata mereka.



Pemimpin Wanita PH memegang plakad menyokong himpunan.



Wanita daripada seluruh latar belakang kaum, agama dan politik dipelawa menghadiri perhimpunan.

Laksana kajian bagi tangani gejala buli melampau

KUALA LUMPUR: Kajian perlu dibuat bagi menangani gejala buli dan keganasan melampau sehingga tahap membunuh yang berlaku di kalangan pelajar sekolah mutakhir ini.

Pengerusi Biro Pendidikan AWAN Nasional, Fareedah Samad berkata, kajian berbentuk sosio-psikologi itu penting supaya siasatan dapat dilakukan untuk mengelakkan gejala yang terus menular.

"Saya juga menuntut pihak berkuasa membentangkan hasil kajian itu sebagai maklumat kepada masyarakat dan jelaskan juga apakah punca yang mendorong pelaku bertindak demikian.

"Pada tahap umur pelaku yang terlalu mentah, sukar dibayangkan bagaimana mereka sanggup bertindak di luar batas kemanusiaan. Ini cukup menyedihkan,

"ujarnya.

Terdahulu, seorang murid tahun satu meninggal dunia selepas dikatakan dipukul oleh pelajar tahun enam di asrama sekolah rendah di Sarawak.

Suspek dipercayai bertindak membelasah mangsa sehingga menyebabkan lebam dan luka di bahagian kepala serta badan.

Mengulas lanjut, Fareedah yang juga Exco Awan Nasional berkata, gejala ganas ini perlu segera dikekang untuk mengelakkan kejadian sama terus berulang.

Beliau turut menggesa mekanisme pencegahan dilaksanakan secara menyeluruh membabitkan peringkat sekolah rendah sehingga ke institusi pengajian tinggi.

Katanya, kejadian buli melampau seperti yang berlaku di sebuah institusi pengajian tinggi awam sebelum ini masih belum

mendapat perhatian masyarakat sepenuhnya.

"Kita cuma dilaporkan semua suspek dihadapkan ke mahkamah tetapi faktor pencetus kepada kejadian buli ini tidak didedahkan kepada masyarakat.

"Akhirnya masyarakat tidak memahami apakah persoalan penting dalam setiap satu kejadian buli yang berlaku sekarang," katanya.

Fareedah menggesa kerajaan supaya kembali lebih ketat menapis filem-filem yang berunsurkan perlakuan ganas untuk mengelakkan para penonton dalam kalangan pelajar tidak terpengaruh untuk meniru aksi tersebut.



Fareedah Samad

Rohingya buat Malaysia tersepit?

Oleh **HAKIM MOHD NOR**

MEREKA dibunuh, dirogol, dibakar hidup-hidup. Rumah mereka dimusnahkan, tanah mereka dirampas, tidak dibenarkan untuk bekerja, dinafikan peluang pendidikan. Hak asasi mereka sebagai manusia dinafikan. Bahkan dihalau dari tanah air sendiri. Hingga digelar oleh PBB sebagai etnik paling tertindas di dunia.

Itulah Rohingya. Etnik yang menjadi bualan ramai pihak sejak sekian lama. Ramai yang simpati kepada nasib mereka. Namun tak semena-semena, terbit tulisan menggesa Rohingya berhenti buat Malaysia tersepit.

Dalam perjuangan membela Rohingya, Serantau Muslim turun padang bermandi lumpur bersama Rohingya dengan masuk sendiri ke wilayah bergolak Arakan (Rakhine) beberapa kali tahun ini. Kali terakhir kami ke sana pada Ramadan lepas untuk menyantuni dan menyampaikan bantuan. Kami juga pencetus dan juga peserta program Food Flotilla For Myanmar, kapal flotila yang berlayar dari Malaysia ke Myanmar serta Bangladesh.

Dalam siri pembelaan Rohingya, Allah berikan saya dan pasukan Serantau Muslim kekuatan untuk pergi menyantuni Rohingya di kem-kem pelarian Rohingya di Aceh, Indonesia dan Bangladesh. Kami juga tuntas bangkit pertahankan sekolah Rohingya yang hendak dirobohkan di Selangor hingga mendapat liputan berita utama. Dan kami tidak berhenti disitu, kami pergi sendiri ke ibu pejabat PBB di KL, Pejabat ASEAN di Jakarta dan Pejabat Komanwel di London semata-mata untuk membawa isu Rohingya ini.

Hati kami cukup terhisir apabila membaca artikel yang mendakwa Rohingya tak sedar diri, Rohingya keras kepala, Rohingya tak sedar dek untung dan lain-lain lagi. Semua mesej ini memberi gambaran betapa malang dan 'tersepitnya' rakyat Malaysia membantu dan melindungi Rohingya. Persoalannya, benarkah semua dakwaan itu?

Rohingya adalah etnik yang telah lama wujud di wilayah Arakan (sekarang di kenali sebagai Rakhine). Mereka orang asal (indigeneous people) di wilayah ini. Bahkan kerajaan mereka adalah kerajaan Islam dan menggunakan dinar emas sebagai mata wang. Dinasti Islam Arakan atau Kerajaan Mrauk U telah bertapak selama lebih 355 tahun sejak tahun 1430 sehinggalah tahun 1785. Dinasti tersebut berakhir apabila ditewaskan dalam peperangan dengan Dinasti Konbaung yang berpusat di Yangon pada 1785. Mereka dijajah oleh Kerajaan Buddha (Dinasti Konbaung) selama hampir 39 tahun hinggalah British pula yang menjajah Arakan pada tahun 1825 hasil dari perjanjian Anglo-Burma pertama.

Penjajahan oleh British ini telah menyaksikan pentadbiran wilayah Arakan dari Yangon telah dipindahkan ke pentadbiran British di India. Secara automatik, Arakan terputus hubungan dengan Yangon. Hinggalah pada tahun 1948, apabila



Penulis ketika menyantuni anak-anak Rohingya di wilayah bergolak Arakan, Myanmar baru-baru ini.

Myanmar mencapai kemerdekaan dari penjajahan British, British menghadihkan wilayah Arakan ini kepada Myanmar. Arakan yang tiada kaitan dengan Myanmar selama hampir 123 tahun itu kembali menjadi sebahagian dari wilayah Myanmar dan semua rakyat di dalam Arakan termasuklah etnik Rohingya menjadi warga Myanmar atau nama lamanya Burma.

Orang Rohingya yang mendapat kerakyatan Myanmar telah menjadi warga yang baik termasuklah menunaikan tanggungjawab mengundi serta bertanding dalam pilihan raya. Ada di antara mereka memenangi pilihan raya dan menjadi ahli parlimen. Antaranya Abdul Bashar, Zhora Begum, Abul Khair, Abdus Sobhan, Rashid Ahmed dan Nasiruddin (U Pho Khine). Bahkan orang Rohingya juga telah diangkat menjadi Menteri Kesihatan Myanmar iaitu Sultan Mahmood.

Namun semuanya berubah apabila kerajaan junta tentera pimpinan General Ne Win merampas kuasa (coup de teat) pada 1962. Sejak itu, siri serangan dilakukan junta tentera dengan dokongan sami Buddha militan terhadap etnik Rohingya berlaku. Antaranya adalah serangan Nagasari pada 1978 yang menyaksikan ratusan ribu etnik Rohingya lari keluar menyelamatkan diri. Dan pada waktu itu, difahamkan buat kali pertama orang Rohingya sampai ke Malaysia untuk mendapat perlindungan. Fakta ini semua membuktikan Rohingya adalah orang asal di Myanmar dan bukannya buruh yang dibawa masuk oleh British ke negara tersebut.

Pada 1982, kerajaan Myanmar telah menggubal perlembagaan dan hanya mengiktiraf 134 etnik sekaligus menjadikan Rohingya sebagai etnik yang tidak berwarganegara. Mereka dipaksa mengaku sebagai pelarian Benggali yang datang ke Myanmar. Sedangkan mereka ialah orang asal di tanah air mereka.

Mereka pernah keluar mengundi sebagai warganegara bahkan menjadi sebahagian daripada ahli parlimen dan menteri. Secara tiba-tiba kerakyatan dicabut. Bagaimana mereka nak berintegrasi jikalau mereka sendiri tidak diiktiraf sebagai warganegara?

Kerajaan Myanmar mendakwa Rohingya tidak wujud dan menggelarkan mereka sebagai 'Benggali'. Lebih teruk lagi, Aun San Suu Kyi sendiri pada Mei 2016 melarang menggunakan perkataan Rohingya di Myanmar. Bahkan nama Arakan pun ditukar kepada Rakhine untuk menutup fakta sejarah.

Hak kewarganegaraan

Etnik Rohingya dinafikan hak warganegara. Bukannya mereka tidak boleh berintegrasi. Hakikatnya, mereka sudah berintegrasi dan menjadi sebahagian ahli parlimen. Namun kerakyatan mereka ditarik balik dan hak-hak mereka sebagai warga negara dinafikan.

Peranan militan Buddha dalam serangan terhadap etnik Rohingya juga tidak boleh dinafikan. Sami Buddha juga berpengaruh dalam politik Myanmar. Kebangkitan 8888 yang terkenal dan telah mengangkat nama Aun San Suu Kyi itu sendiri sebenarnya berlaku hanya setelah sami Buddha turun sama ke jalanan untuk berdemonstrasi.

Di Myanmar wujud 'gerakan tabata' (969) yang diketuai sami militan Buddha, Akhsin Wirathu yang sentiasa membakar sentimen kebencian terhadap orang Islam di Myanmar. Majalah antarabangsa Times dalam satu isunya memaparkan foto Akshin Wirathu di muka depan dengan tajuk "The face of buddhist terror". Akshin menyifatkan orang Islam sebagai anjing dan rakaman video ucapan kebenciannya tersebar ke serata dunia.

Penulis sendiri semasa berada di Yangon pada 2012 menyaksikan masjid dibakar oleh pelampau Buddha yang mengakibat-

kan beberapa orang kehilangan nyawa.

Hujah mengatakan etnik Rohingya tidak diberikan warganegara kerana hidup dalam keadaan terasing juga meleset kerana etnik Rakhine yang hidup terasing diberi kewarganegaraan dan tidak dizalimi. Mengapa etnik Rakhine dibiarkan hidup tanpa sebarang gangguan? Jawapannya kerana mereka bukan beragama Islam sedangkan etnik Rohingya keseluruhannya beragama Islam.

Oleh kerana itu, jangan sesekali kita cepat menjatuhkan hukuman kepada etnik Rohingya yang berlindung di negara kita. Beri mereka peluang, mereka masih dalam keadaan trauma. Mereka ketakutan, tiada perlindungan. Kita bantu mereka dengan sedaya upaya. Jujurnya, saya dan pasukan Serantau Muslim juga mempunyai hasrat agar mereka tidak lama di Malaysia, tetapi bukan kerana mereka ini bermasalah, sebaliknya atas faktor mereka perlu menuntut semula hak mereka iaitu warganegara dan tanah air mereka sendiri.

Sebelum mereka pulang menuntut hak, kita perlu bantu mereka untuk mempersiapkan diri. Kita kena sediakan pendidikan dan melatih sifat kepimpinan mereka. Kita asuh semangat Islam mereka. Kita didik mereka menjadi orang yang lemah lembut sesama insan namun dalam masa yang sama tegas dalam memperjuangkan hak mereka.

Namun dengan mengatakan mereka ini bangsa tak sedar diri dan kedaulatan negara terancam dengan kehadiran mereka adalah sifat paranoid yang sama sekali tidak menyelesaikan masalah. Ia hanya menimbulkan kebencian.

Sebagai rakyat Malaysia yang penyayang dan prihatin, semestinya kita semua mahu bersatu hati untuk membantu membina semula sebuah bangsa Rohingya yang bertamadun. Bila mereka silap kita tegur dan nasihat. Dan jauh sekali memilih untuk bersikap pentingkan diri dan tidak peduli dengan nasib mereka.

Masyarakat antarabangsa perlu terus memberi tekanan kepada kerajaan Myanmar hinggalah mereka menyelesaikan permasalahan asas etnik Rohingya iaitu kewarganegaraan.

Rohingya sama sekali tidak membuatkan Malaysia tersepit. Buat Rohingya di Malaysia, Sesungguhnya kami terima anda semua dengan hati yang cukup terbuka. Dalam masa yang sama, kami tak mahu anda rasa cukup selesa di sini sehingga melupakan kampung halaman kamu. Kami mahu anda belajar membangunkan kompetensi diri dan kembali semula menuntut hak wilayah Arakan serta kewarganegaraan Myanmar anda.

■ **Hakim Mohd Nor ialah Setiausaha Serantau Muslim. Beliau boleh dihubungi di nombor 019-4505360, muhakim@gmail.com dan www.smuslim.com**

Open letter to Mr Malott on Najib's visit to US

THE upcoming visit by (Prime Minister) Datuk Seri Najib Razak to meet President Trump in America has raised some interests and also raised some eyebrows. I am sure Mr John Malott, the former American Ambassador to Malaysia, will be eager to follow Najib's every step the moment he lands in America.

Having served in Malaysia and with much local knowledge and also lately having taken a keen interest on 1MDB affairs, Mr Malott will surely be an authority on the Malaysian mindset and ways.

I happen to be the member of Parliament from Kuala Terengganu where 1MDB originated from as the former Terengganu Investment Authority (TIA). He interestingly said, ironically the American Attorney General is more concerned that the properties and money from 1MDB in America is returned to Malaysia than the Malaysian Attorney General! That speaks volumes for the different ethical values of the two attorney generals!

The timing of Najib's visit would arouse most citizens concern as to its appropriateness. Firstly, is not the Malaysian's general election just around the corner as announced by none other than Najib himself recently?

Also, is not the DOJ America at a crucial stage of its investigation into 1MDB? What a surprising coincidence Najib may exclaim!

Also was it not Najib's team and his obedient Ministers that said the DOJ investigation into 1MDB is a foreign interference into Malaysia's affairs? Never mind Malaysia's and America's joint operation interference in the attack on Yemen under the Saudi coalition. So is Najib in America to make peace or to lecture America about non-interference?

Secondly, President Trump has been criticised at home and abroad for his deafening silence on the recent racists incident at Charlottesville and also other earlier similar incidences.

Najib has also been widely criticised for his elegant and super deafening silence on various racists and extreme religious incidences in Malaysia. It seems both leaders prefer to let racists and religious bigotry to fester and flourish for their own selfish political interests. Since they seem to share a common tendency to be indifferent to actions by extremist groups, is there a possibility an unholy alliance may be in the making? We hope Mr Malott may be able to advise us on the developments of this visit.

Lastly, will President Trump try to persuade Najib to not be too accommodating to the Chinese government that has been becoming such a dominant presence in Malaysia? After having sold off most of Malaysia's prime assets to China, what would it take to make Najib make a u-turn or compromise of some sorts? Any idea anyone? Could the 1MDB subject matter perhaps be a possible topic that might be raised at the discussions at any point in time?

To maintain the integrity and good work that DOJ has been doing in battling the international money laundering industry, I strongly suggest Mr Malott advise the United States government to reconsider the visit by Najib. The timing of the visit is totally inappropriate. The whole world is watching closely the biggest kleptocracy case of all time and how it will unfold. The world will be watching what will transpire after Najib meets Trump.

The DOJ has set an admirable benchmark as to how money laundering activities should be handled no matter who MO1 maybe! The American Attorney General may recall how the Malaysian Attorney General was unceremoniously suddenly "retired" at the crucial stage of his 1MDB investigation.



OPINION
RAJA BAHRIN SHAH

I don't think Mr Malott can foresee such interference be repeated in America. It was only possible in "boleh land" where Mr Malott used to serve in, and it is called Malaysia!

By the way, was not the former FBI Chief replaced by Trump in the middle of an investigation into Trump's possible misconduct during the recent American election? Is this just another coincident or is it a case of great desperate leaders do think alike for self-preservation? Over to you Mr Malott.

■ **Raja Bahrin Shah is Chairman International Bureau for Parti Amanah Negara and Member of Parliament for Kuala Terengganu.**

Three-cornered fights may actually be bad for BN and Pas

CONTRARY to popular belief, three-cornered fights between BN, Pakatan Harapan (PH) and Pas in the coming general election (GE) may affect BN more negatively than anyone else. Pas may even suffer a worse fate.

The outcome of the next GE will be stark. It is either another 10 years of Najib's kleptocratic rule or a fresh start with a new PH. When the 2013 general election concluded, Prime Minister Najib Razak knew that he would not win if it were a direct fight between BN and Pakatan Rakyat, and a fight between Najib and Anwar Ibrahim.

Therefore, Najib had tried to reshape the scene so that he could win by default through;

- Removing Anwar Ibrahim as the common leader for the opposition coalition;
- Luring Pas into Umno-BN's fold;
- Painting the opposition as DAP-led and with only Chinese supporters.

But what Najib did not realise that he himself was and still is the source of problem.

Najib and the 1MDB scandal have caused unprecedented splits in Umno, resulting in the sackings of Muhyiddin Yassin and Shafie Apdal from the Cabinet in July 2015, and the subsequent formation of Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) in September

2016.

The Najib Government has been luring Pas since March 2014 ostensibly on the pretext of promoting unity among Muslims. The efforts to bring Pas into Umno's fold intensified after the passing of Tok Guru Nik Aziz Nik Mat in February 2015.

The split in Pas in June 2015, resulting in the formation of Parti Amanah Negara (AMANAH) in September 2015, is an intense struggle between the following forces:

Those who want to work with Umno/Najib (Hadi Awang's group) and those who are against working with Umno/Najib (those who later formed AMANAH);

Those who do not want to work with the Pakatan parties such as Keadilan and DAP and those who want to replace Umno through the Pakatan coalition;

Those who push for a Muslim-only agenda and those who promote a Bangsa Malaysia agenda.

The earthquakes in Umno and Pas in 2015 have had a huge impact on the national political landscape.

There will be some voters who voted for Umno in 2013 shifting to Pakatan Harapan due to antipathy against Najib and Umno. There will also be some who voted for Pas in the last election switching to Harapan due to their disagreement with the idea of Pas cooperating with Umno when its leader Najib is burdened with the country's

worst scandal.

Other factors include the combined economic impact of the implementation of GST, the depreciation of ringgit and the removal of subsidies. Many lower middle class families are affected by an increasingly difficult economic conditions for ordinary Malaysians.

Therefore, all previous assumptions may not be applicable in the new scenario.

One of the clichés that must be debunked is the notion that three-cornered fights benefit Umno and BN. If Pakatan Harapan is really weak and purposeless, a three-cornered fight would certainly benefit Umno-BN.

But if Pakatan Harapan is a strong and attractive alternative government catering for those who are against Najib's kleptocratic rule and those who wishes to see a fresh start for Malaysia, both Umno and Pas would be only left with their most hardcore supporters, with the rest swinging to Pakatan Harapan.

In such scenario, those voters who are loyal to Hadi's Pas, which has become a spokesperson for the Najib Government, could have voted for Umno in a straight fight but would actually disadvantage Umno if it is in a three-cornered fight.

What is required of Pakatan Harapan is to provide clarity to the voters to differentiate Pakatan Harapan from Najib's Umno and its associate Pas, and to explain to all that



OPINION
LIEW CHIN TONG

a vote for Pas is a vote for Najib. Even Pas supporters could be convinced if they realise their beloved leaders are now colluding with Najib to do more damage to the country.

A strong, purposeful and united Pakatan Harapan would eventually force Umno to abandon the three-cornered fight strategy as such strategy would mean Umno does not benefit from Hadi's loyal voters who would otherwise vote for Najib.

We don't live in an ordinary time. We must rise to the occasion to see through our opponents' strategies and fight them with clarity and purpose.

■ **Liew Chin Tong is Johor DAP Chairman and Member of Parliament for Kluang.**

Mengharapkan 'harimau vegetarian'

ADA yang bertanya kepada saya mengenai perumpamaan yang saya gunakan di dalam tulisan saya tempoh hari, ia itu mengharapkan 'harimau vegetarian'. Kata mereka, menunggu 'kucing bertanduk' itu biasa dengar, tetapi 'harimau vegetarian' ini datang dari mana?

Sebenarnya, saya pernah membaca satu kisah, semasa zaman remaja saya, mengenai betapa harapan yang tidak berasas menjadikan semuanya sia-sia. Kisah ini mengenai seorang penduduk kampung yang balik lewat dari pekan selepas membeli sayur di pasar. Oleh kerana dia ingin kembali ke rumahnya dengan seberapa segera, dia memilih jalan pintas melalui kawasan hutan. Dalam perjalanannya itu, dia terserempak dengan seekor harimau dan walaupun dia merasa takut, dia memutuskan untuk meneruskan perjalanan mengikut jalan pintas tersebut.

Sambil berjalan dia memerhatikan tindak tanduk harimau berkenaan. Dia melihat harimau tersebut mengikutinya dan dalam ketakutan dia menaburkan sebahagian dari sayur-sayuran yang dibelinya sebagai bahan makanan untuk sang harimau. Mana tahu, katanya pada dirinya sendiri, harimau ini vegetarian (tidak makan daging).

Meringkaskan ceritanya, orang kampung tersebut dibaham harimau berkenaan tanpa disentuh sikit pun sayur-sayuran yang ditaburnya di atas jalan!



LAUT
BUDI
TEPIAN
AKAL

KHALID SAMAD

Pengajaran dari kisah tersebut adalah jangan mengambil tindakan berasaskan andaian yang tidak munasabah. Seseorang yang bertindak sebegitu berpotensi untuk kehilangan segala-galanya.

Maka begitu juga dalam persoalan hubungan dengan Pas. Ada yang mengandaikan Pas benar-benar ingin jatuhkan BN dan oleh itu tawaran kerjasama menjatuhkan BN dianggap cukup untuk memikat Pas. Malangnya Pas sekarang bukan seperti Pas dahulu. Tawaran kerjasama ini adalah bagaikan 'sayur-sayuran' yang ditaburkan orang kampung dalam kisah tadi. Seperti mana harimau tidak tertarik pada sayur-sayuran tersebut, begitu juga Pas tidak tertarik kepada tawaran kerjasama untuk jatuhkan BN bersama PH.

Berkali-kali telahpun dinyatakan bahawa musuh utama Pas sekarang adalah DAP dan siapa sahaja yang bersama DAP. Maka tawaran yang memungkinan DAP menang tidak menarik bagi Pas. Pas ingin melihat DAP dan rakan-rakannya dalam PH kecundang dan hancur musnah dalam PRU ini.

Oleh itu Pas lebih cenderung untuk membaham PH seperti mana orang kampung tersebut dibaham harimau dalam kisah tersebut. Itu adalah hakikatnya.

Tindakan yang berasaskan andaian yang tidak munasabah hanya menjanjikan kegagalan. Sejak pembentukan Pakatan Rakyat pada 2008, Pas tidak merasa selesai. Sebenarnya pemimpin-pemimpin yang memimpin Pas sekarang telah berusaha pada ketika itu untuk menggagalkan penubuhan Pakatan Rakyat (PR). Malangnya bagi mereka, rundingan di Perak dan Selangor untuk membentuk kerajaan Negeri bersama Umno telah digagalkan pimpinan Pas yang bersama AMANAH dewasa ini. Kalau tidak oleh kerana 'intervensi' ini, PR tidak akan wujud!

Dan sejak dari itu, tiada apa-apa tanda keinsafan terhadap usaha khianat mereka. Malahan diteruskan dan ditingkatkan lagi.

Kebelakangan ini, tiada sebarang bukti Pas ingin bersama Pakatan Harapan (PH) yang menggantikan PR untuk menjatuhkan Umno/BN. Rundingan pra-pilihan raya kecil (PRK) Sungai Besar dan Kuala Kangsar tidak menghasilkan apa-apa. Pas tidak kisah tindakan mereka memenangkan calon-calon Umno/BN.

Muktamar 2017 pula memutuskan hubungan dengan Keadilan. Ada ke apa-apa tanda Pas semakin rapat dengan Keadilan dan dengan PH? Atau

ianya sekadar andaian manis seperti mana juga andaian harimau ingin memakan sayur-sayuran?

Ya benar. Tiada yang boleh menjamin bahawa sekiranya orang kampung dalam kisah tersebut cuba melarikan diri dan berpatah-balik ke jalan biasa, dia akan terlepas. Mungkin juga harimau berkenaan akan mengejarnya dan membahamnya juga akhirnya. Tetapi paling kurang dia ada peluang dan kemungkinan untuk terlepas! Berbanding dengan kemungkinan harimau itu harimau vegetarian, yang tidak mungkin sama-sekali!

Dan begitu juga keadaannya, apabila kita bersedia untuk menghadapi pertandingan tiga penjurur tanpa Pas bersama kita. Tiada yang boleh jamin kita semestinya akan menang. Tetapi kemungkinan kita menang adalah jauh lebih besar berbanding mengharap Pas bersama dan akhirnya terpaksa menghadapi pertandingan tiga penjurur dalam keadaan tidak bersedia untuk menghadapinya. Bukan sekadar kita tidak bersedia, rakyat dan pengundi pun tidak bersedia. Hanya kekeliruan sahaja yang akan terjalin pada hari pengundian kalau kita tidak berusaha menjelaskannya dari sekarang.

Apa yang perlu diperjelaskan?

1. Satu undi untuk Pas adalah satu undi untuk Umno.
2. Pas tidak mahu jatuhkan Umno/

BN dan bertanding tiga penjurur untuk membantu Umno/BN. Kota Damansara sebagai bukti seperti mana juga Sungai Besar dan Kuala Kangsar. Tak mahu runding. Tak kisah Umno menang.

3. Pas kalau menang sekalipun akan bersama Umno/BN dalam membentuk kerajaan sebagai 'king maker' dan sebagainya.

Sudah hampir dua tahun terbuang berunding dengan Pas. Ada kema-juan dalam membentuk hubungan dengannya? Semakin parah adalah. Sedangkan dua tahun itu boleh digunakan untuk memperkukuhkan PH dan melemahkan Pas, di sisi masyarakat dan rakyat.

Pas seperti mana harimau tersebut, tidak berminat dengan sayur-sayuran yang ditaburkan. Harimau itu mahukan orang kampung itu. Pas mahukan PH ditiadakan. Supaya Pas kembali menjadi pembangkang utama. Dan kalau tidak, paling kurang, menjadi 'king maker' bersama kerajaan Umno/BN. Itu pun sebagai langkah awal untuk meniadakan PH. Pas akan kembali menjadi pembangkang utama, selepas itu, dalam usahanya untuk menjadi kerajaan secara bersendirian atau sebagai ketua gabungan yang memerintah. Tanpa PH.

Penulis ialah Ahli Parlimen Shah Alam dan Pengarah Komunikasi AMANAH.

Rakyat tuntutan keputusan tegas Pakatan Harapan

TAHNIAH pada kenyataan ringkas dan padat oleh pimpinan Pakatan Harapan (PH) dalam mesyuarat Majlis Presidennya baru-baru ini. Kenyataan akhbar merujuk kepada hubungan PH dan Pas yang menjadi perbualan panas di kalangan ahli parti komponen PH dan penyokong PH. PH tiada hubungan dengan Pas dan menumpukan kepada pengukuhan PH bagi menghadapi pilihan raya umum (PRU) akan datang.

Setakat ini Pas masih kekal dengan sikap menolak bekerjasama dengan PH dengan serangan bertubi-tubi kepada Pengerusi PH dan parti komponen dari DAP dan AMANAH.

Untuk Keadilan, Pas punya hubungan selektif khususnya dengan Datuk Seri Azmin Ali atas alasan Pas masih menganggotai kerajaan di Selangor.

Tiada siapa yang menghalang mana-mana parti komponen secara individu berhubung dengan mana-

mana pihak namun jika ada kesan kepada organisasi parti PH, parti komponen lain berhak menimbulkan soalan khususnya tentang masa depan PH.

Hubungan selektif Pas-Keadilan menimbulkan kebimbangan kepada parti komponen dan para pendokong PH. Ini memandangkan alasan DS Azmin Ali ialah mahu mengelak pertembungan 3 penjurur. Demikian alasan kelompok Keadilan yang bersetuju dengan DS Azmin Ali.

Nampaknya ia alasan yang kelihatan penuh skema, namun keperluan memutuskan sikap berdolak-dalik Pas adalah sebahagian daripada jawapan kepada 3 penjurur.

Bagaimana ketegasan PH dapat menjawab soalan 3 penjurur? Ketegasan PH memungkinan Pas terus tersisih dari kerangka gabungan pembangkang agar pengundi dapat membuat keputusan lebih mudah. Pas juga terpaksa membuat

keputusan secara tegas sama ada mahu masuk cara solo atau ada rundingan sulit dengan Umno. Itu masalah Pas yang akan dinilai oleh pengundi nanti. Melayan sikap Pas hanya mengukuhkan persepsi PH lemah dan berpecah. Itu yang Umno mahu.

Kelibat mazhab elak 3 penjurur sering mengganggu ketegasan yang dituntut oleh rakyat dan usaha sebilangan besar komponen PH. Ya! Tiga penjurur menghantui kita tetapi kita juga ada ruang masa untuk memberi penjelasan dan perkembangan baru dapat menampung kehilangan pengaruh Pas. Tiga penjurur adalah realiti yang mampu ditangani dengan ketegasan PH menolak perangai flip-flop Pas dalam melawan Umno/BN.

Ramai yang kecewa dengan Pas dan sesiapa sahaja yang bermazhabkan elak 3 penjurur kerana berhemoi (hidung tak mancung

pipi tersorong-sorong) kepada parti yang mempermainkan kepentingan membuang kerajaan kleptokrasi BN.

Kepelikan sikap Pas pada isu 1MDB dan hubungan 'gelap' dengan Umno menyebabkan ia mendapat jolokan 'makan keliling' bak kata Ahli Parlimen Pas Pokok Sena Datuk Mahfuz Omar. Ia tanggapan negatif pada PH jika hubungan selektif Pas-Keadilan berterusan.

AMANAH menerima isu keterlibatan Pas dalam kerajaan Selangor dengan dada terbuka tetapi ini bukan bermakna mazhab elak 3 penjurur mewajarkan tindakan 'ambil kesempatan' suasana ke atas survival PH di mata pengundi seluruh negara.

Rakyat mahu ketegasan dan muak dengan sikap makan keliling Pas dan hubungan gelapnya dengan Umno. PH punya kesungguhan menamatkan hayat BN dengan memberi peluang kepada politik baharu muncul. Kejayaan PH meyakinkan pengundi



PENDAPAT
DR MUJAHID YUSOF RAWA

dengan satu suara dan langkah sederhana akan melenyapkan kebimbangan tiga penjurur.

Sesungguhnya kejayaan memacak slogan: "PH vs BN" akan menjawab berbagai misteri kelibat hubungan selektif Pas-Keadilan. Pada waktu yang sama Keadilan perlu tangani penularan wujudnya 'kartel' dalam partinya dan tidak perlulah mengheret PH dalam persaingan dalamannya.

Datuk Dr. Mujahid Yusof Rawa ialah Naib Presiden AMANAH dan Ahli Parlimen Parit Buntar.



Bergambar selepas majlis pelancaran jentera pilihan raya AMANAH Besut.

Penyertaan semua visi AMANAH Besut

Oleh **ZIKRI ABDULLAH**

BAGI memastikan negara bebas daripada pemimpin kleptokrat, fokus gerak kerja AMANAH Kawasan Besut adalah untuk mengukuhkan kesepakatan semua pihak bagi melakukan perubahan politik pada pilihan raya umum (PRU) akan datang.

"Kesukaran yang dialami rakyat dengan kenaikan mendadak harga barang khususnya barang keperluan harian perlu diberi perhatian segera," kata Naib Ketua AMANAH Kawasan Besut, Khalil Yaakub ketika ditemui di pejabatnya, baru-baru ini.

Sebab itu katanya AMANAH Kawasan Besut memulakan gerak kerja dengan menubuhkan Skuad Peduli bagi menghadapi sebarang bencana dan situasi kritikal.

"Sebaik kita menubuhkan AMANAH di kawasan ini, banjir besar melanda Pantai Timur khususnya di Kelantan dan Terengganu.

"Kami bersyukur kerana dapat mengumpulkan tenaga sukarelawan bagi membantu mangsa banjir di kawasan yang teruk terutama Hulu Besut," ujarnya kepada minguatan Amanah.

Usaha itu, katanya dapat dijayakan atas kerjasama yang diberikan masyarakat dan pemimpin AMANAH peringkat negeri dan nasional.

"Pihak kami amat berterima kasih kepada pimpinan nasional terutama Ustaz Hasanuddin Mohd Yunus yang sanggup turun padang dalam misi bantuan banjir di daerah ini.



Khalil Yaakub



"Pemimpin negeri yang diketuai Datuk Raja Kamarul Bahrin juga perlu diberi penghargaan atas sikap prihatin yang berterusan membantu," ujar beliau.

Mengenai gerak kerja pembangunan parti, Khalil berkata AMANAH Kawasan Besut amat

bersyukur kerana dapat menguruskan segala keperluan parti sebagaimana dijadualkan.

Selain mesyuarat berkala dan tanweer membabitkan pemimpin kawasan, pelbagai kursus dan latihan untuk aktivis parti berjaya dianjurkan.

"Antaranya program pementapan organisasi dan latihan pembangunan ahli pada April 2016 yang dihadiri Naib Presiden AMANAH Dr. Mujahid Yusuf Rawa dan Datuk Raja Kamarul Bahrin sendiri.

"Kami juga mengadakan program bersama Ustaz Wan Ji Wan Husin di pondok Ustaz Aziz Abbas di Bukit Puteri," katanya.

Dari segi pentadbiran parti, katanya AMANAH Kawasan Besut sehingga kini dapat diurus dengan baik.

"Meskipun belum ada petugas tetap, setiausaha kawasan dan ahli jawatankuasa lain silih berganti memastikan urusan harian parti dan keperluan orang ramai dapat disempurnakan. Kami amat bersyukur kerana ada penderma yang sanggup membiayai pejabat yang sungguh selesa.

"Mulanya kami berpejabat di kawasan pekan Jerteh lama berdekatan sungai. Selepas berlaku banjir kami memutuskan



Ketua AMANAH Kawasan Ustaz Aziz Abbas dan Ustaz Hasanuddin Mohd Yunus dalam program ziarah.



Mesyuarat AMANAH Kawasan Besut yang dirasmikan Raja Bahrin Shah.

untuk pindah ke pejabat di kawasan bandar baru Jerneh bersebelahan pasaraya Giant.

"Heboh masa itu disebarakan berita kononnya pejabat kami ditutup. Sebenarnya kami berpindah ke tempat baru di sebuah bangunan baru tiga tingkat yang jauh lebih selesa dan strategik," katanya.

Sehingga ini menurut beliau, AMANAH Kawasan Besut tidak pernah ketinggalan menyertai pelbagai program di peringkat negeri dan nasional.

"Semua konvensyen parti di peringkat negeri dan nasional sentiasa kita hantar wakil.

"Alhamdulillah pada konvensyen AMANAH peringkat negeri di Terengganu Equestrian Resort (TER) baru-baru ini, kita dapat hadir sebagai perwakilan kawasan dan bukan lagi sekadar pemerhati.

"Insyallah perwakilan Besut akan turut serta dalam Konvensyen AMANAH Nasional yang akan diadakan di Alor Setar pada 16 dan 17 Septembar ini," katanya.

Mengenai persiapan pilihan raya, Khalil berkata AMANAH Besut sudah bersiap sedia untuk menghadapinya.

"Pelancaran jentera pilihan raya peringkat kawasan Besut telah kita sempurnakan seawal 3 Mac tahun ini.

"Majlis yang disempurnakan

oleh Timbalan Presiden AMANAH, Salahuddin Ayub itu membuktikan kesungguhan ahli-ahli AMANAH untuk memberi penampilan hebat dalam pilihan raya umum ke-14 ini," katanya.

Menyentuh hubungan dengan parti-parti dalam komponen Pakatan Harapan (PH), beliau berkata segalanya berjalan dengan baik.

"Latar belakang pemimpin AMANAH kawasan ini agak unik kerana mereka berasal dari pelbagai parti. Tidak sampai separuh sebenarnya pimpinan AMANAH Besut berasal dari Pas.

"Ada yang pernah menyertai Keadilan, Umno dan mereka yang sebelum ini tidak menyertai mana-mana parti," katanya.

Khalil bersyukur kerana penubuhan PH yang menggabungkan AMANAH, Keadilan, DAP dan Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) banyak memudahkan urusan parti.

"Masing-masing ada rakan yang pernah sama-sama bekerja dalam parti lama dan memudahkan usaha penyatuan. Program bersama Tun Mahathir 25 Ogos lalu memberi gambaran jelas situasi ini.

"Walaupun program ini asalnya dimulakan oleh PPBM, kami kemudiannya mengadakan mesyuarat antara parti dan akhirnya program itu dianjurkan bersama

atas nama PH," katanya.

AMANAH Besut, katanya semakin yakin dapat mengembangkan daya usaha untuk mencapai kejayaan dalam pilihan raya ini.

"Dengan terbentuknya jawatankuasa pilihan raya peringkat parlimen dan Dun, kita telah bersedia menghadapi sebarang kemungkinan.

"Siapa dan parti mana yang akan ditentukan oleh pimpinan PH untuk bertanding di Besut akan kita sokong dengan kerjasama sepenuh hati," katanya.

Menurutnya, untuk mengisytiharkan pilihan raya, AMANAH Kawasan Besut akan mengadakan majlis makan malam pada 30 September ini.

"Majlis akan di adakan di Tanjung Demong Beach Resort bermula jam 8.00 malam.

"Antara tetamu pada malam itu ialah Presiden AMANAH Tuan Haji Mohamad Sabu, Naib Presiden AMANAH Datuk Husam Musa, Naib Presiden Keadilan Rafizi Ramli, Adun Batu Burok Dr Syed Azman Syed Ahmad Nawawi dan Pengerusi PH Terengganu Datuk Raja Bahrin.

"Segala pertanyaan berhubung majlis ini bolehlah hubungi saya (013-276 0000) atau Setiausaha AMANAH kawasan, Pok Su Amin (013-944 3443)," katanya.



Bangunan tiga tingkat menempatkan Pejabat AMANAH Kawasan Besut di tengah bandar Jerneh.



Datuk Raja Bahrin di majlis penyampaian bantuan banjir.



AMANAH Kawasan Besut menjadi tuan rumah Konvensyen Biro Pilihan Raya AMANAH Nasional untuk Kelantan dan Terengganu.

JAWATANKUASA AMANAH
KAWASAN BESUT SESI 2016 - 2018

Ahli Jawatankuasa:

- AMINUDDIN MOHAMED ALI
- MOHD SAKRI YAAKUB
- SUHAIMI JOHAN
- FAUZAN MUDA
- MOHD KASPI ISMAIL
- ABDUL AZIZ MOHD YUSOF
- ZAILANI MOHD NADZIR
- MOHAMAD IBRAHIM
- ABD HAMID MAJID
- MUSTAFA HUSIN

Ketua : ABD. RAHMAN@ABDUL AZIZ ABBAS

Timbalan Ketua : ARIFFIN ABAS

Naib Ketua : SAZALI HASSAN

Naib Ketua : KHALIL YAAKUB

Ketua Awan : MINAH MOHAMED AMIN

Ketua Pemuda : SAHARUDDIN ISMAIL

PROMOSI OGOS & SEPT

JOM IKLAN DENGAN
AKHBAR AMANAH

SERENDAH (SATU MUKA)

RM 500

TEMUI
50 RIBU
PEMBACA
ANDA
SEKARANG

APA YANG ANDA AKAN
DAPAT JIKA BERIKLAN
DENGAN KAMI?

- 1) Mencapai pembaca sehingga ke Singapura, Sabah dan Sarawak.
- 2) Percuma akhbar **AMANAH** setiap keluaran.

BETULKAH SHAFEE

UNTUK TEMPAHAN ATAU MAKLUMAT LANJUT:

01132334322 (EN HAKIM)

6 Shahrir akui saingan getir di Johor

13 RCI forex BNM perlu panggil Anwar

15 Sokongan Najib pada Rohingya separuh hati



ms26

Wanita Harapan sokong himpunan bantah 'politik toksik'

PP18978/03/2016(034450)

WAKTU SOLAT

BAGI ZON KUALA LUMPUR DAN KAWASAN-KAWASAN YANG SEWAKTU DENGANNYA.

SUMBER: JAKIM

TARIKH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
10.9.2017	5:40	5:50	7:05	13:13	16:15	19:16	20:26
11.9.2017	5:40	5:50	7:05	13:13	16:13	19:16	20:25
12.9.2017	5:40	5:50	7:04	13:12	16:12	19:16	20:25
13.9.2017	5:39	5:49	7:04	13:12	16:11	19:15	20:24
14.9.2017	5:39	5:49	7:04	13:12	16:12	19:15	20:24
15.9.2017	5:39	5:49	7:04	13:11	16:12	19:14	20:23
16.9.2017	5:39	5:49	7:03	13:11	16:12	19:14	20:23

Amanah

BIL 67 | 10 - 16 SEPTEMBER 2017

TERBAIK SUKAN SEA, TERBAIK PRU 14



RAKYAT perlu mendapatkan yang terbaik dalam pilihan raya umum akan datang dengan belajar dari kejayaan para atlet sukan SEA negara yang berjaya menaikkan semula nama negara melalui sukan.

"Para atlet kita telah mengharungi cabaran tanpa gentar dan putus asa dengan mengharungi segala halangan emosi dan fizikal untuk mencapai emas di sukan SEA.

"Rakyat Malaysia juga perlu mengatasi segala halangan untuk mencapai emas di pilihan raya umum ke 14 nanti.

"Emas di PRU 14 bukan pingat tetapi memilih kepimpinan yang cemerlang," kata Pengarah Komunikasi AMANAH, Khalid Abdul Samad.

Katanya, kalau atlet berusaha bersungguh-sungguh sehingga berjaya membawa banyak pingat emas untuk Malaysia dalam sukan SEA lalu, rakyat juga perlu mendapatkan yang terbaik dalam pilihan raya umum akan datang.

"Yang terbaik dalam pilihan raya nanti adalah berjaya menukar kerajaan yang mencuri dan merompak wang rakyat," kata Khalid.



JOHN MALLOT

Najib disambut sebagai kleptokrat di Amerika

DATUK Seri Najib Razak didakwa sedang melangkah ke padang yang penuh dengan jerangkap samar apabila beliau ke Washington menemui Presiden Donald Trump, 12 September ini. Beliau bakal disambut sebagai kleptokrat di Amerika Syarikat dalam kunjungannya itu, kata bekas duta Amerika ke Malaysia, John Mallot.

Bersambung ke muka 8

Natural Safe Effective

SABUN MANJAKANI
KAPSUL MANJAKANI

HANDMADE
 NO HARMFUL CHEMICALS
 PARABEN FREE
 HALAL

Contact Info:
TEL: +6013 754 9335
EMAIL: drolivebodycare@gmail.com
WEBSITE: www.drolivebodycare.wixsite.com/drolivebodycare

OTHER PRODUCTS:

SOAPS
BODYSKRUBS
SERUMS
DEODORANT
SUNSCREEN
TEA SUPPLEMENTS

DR. OLIVE
BODY CARE